

"SEJAK enam belas tahun yang lalu, Negara Brunei Darussalam menyertai Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai anggota penuh masyarakat negara antarabangsa. Kami menyokong sepenuhnya peranan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam hal-hal antarabangsa. Kami telah melakukan beberapa yang boleh untuk mempromosikan prinsip serta proses Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu." - Titah di Sidang Kemuncak Milenium PBB di New York pada 8 September 2000.

Pelita BRUNEI

قليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"SETIAP orang dalam yang dilimpai bencana sama ada yang terkena dari atau lebih berat daripada itu, maka itu adalah semata-mata ujian, kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan menghapuskan perbuatan kejahatan dan menggugurkan dosa-dosanya sebagaimana pokok kayu menggugurkan daun-daunnya." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 47 BILANGAN 52

RABU 25 DESEMBER 2002/1423 رابو 20 شوال

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Kofi Annan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Bangunan Ibu Pejabat PBB di New York pada 18 Disember lalu.

Kebawah DYMM, Kofi Annan adakan perjumpaan Brunei sokong usaha PBB

Laporan
Haji Jaafar HI dan
Aliddin HM

NEW YORK, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam menghargai dan menyokong usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam membanteras pegganas antara-bangsa.

Baginda bertitah demikian semasa mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Kofi Annan, Setiausaha Agung PBB yang diadakan di Ibu Pejabat PBB di sini hari ini.

Dalam pada itu, baginda juga menyanjung kerja-kerja TYT dalam usahanya untuk membuat perubahan kepada badan dunia itu dan usaha-usaha TYT di Timor.

Dalam perjumpaan selama 15 minit itu, baginda bersama TYT Kofi Annan juga membincangkan me-

ngenai isu-isu keganasan dan usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk membanteras masalah berkenaan yang kini menjadi perhatian dunia antarabangsa berikutan peristiwa serangan 11 September 2001 terhadap New York dan Washington.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan di sini selepas perjumpaan itu, baginda dan TYT telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa termasuk perkembangan dalam ASEAN dan juga masalah pengedaran dadah.

Semasa perjumpaan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disebarkan taklimat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kerja-kerja PBB dan juga perkembangan kerja-kerja pasukan pemeriksa senjata PBB di Iraq.

Terdahulu sebelum itu, keberangkatan tiba baginda dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Kofi Annan.

Lihat muka 16

Presiden tubuhkan Program Fulbright di Brunei Persahabatan Brunei - AS diperkukuh

WASHINGTON D.C., 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat hari ini menegaskan bagi mengukuhkan persahabatan rakyat Amerika Syarikat dan Negara Brunei Darussalam terutama sekali kepentingan bersama dalam keamanan, kesejahteraan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara.

Baginda dan TYT Presiden Bush menegaskan perkara itu dalam kenya-

taan bersama yang dikeluarkan di sini sempena keberangkatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Amerika Syarikat.

Kedua-dua pemimpin itu menegaskan komitmen mereka terhadap ancaman perang sejagat, menghapuskan keganasan dalam apa juga bentuknya yang dilakukan oleh masyarakat tamadun dan mengeks-ploitasikan agama untuk melakukannya.

TYT dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengu-lingi pentingnya pengukuhan kerjasama antara-bangsa dalam memerangi keganasan dalam apa jua bentuknya dan menegaskan

betapa pentingnya kerja pelbagai hala, institusi-institusi termasuk Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kedua-dua pemimpin juga melahirkan pentingnya mempromosi toleransi dan persefahaman terhadap budaya masyarakat dan agama yang berbeza-beza.

Dalam kenyataan ber-

sama itu, TYT Presiden Bush dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersetu-ju mengukuhkan kerjasama bagi mengenal pasti dan menghapuskan rangkaian pegganas, bertukar infor-masi dan maklumat mengenai pegganas.

Lihat muka 16

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

WASHINGTON D.C., 23 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun dan kepada Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun bersempena ulang tahun Hari Keputeraan Maharaja Akihito.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Jepun akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi, Perdana Menteri Jepun, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama kerajaan serta rakyat Jepun sempena ulang tahun Hari Keputeraan Maharaja Akihito.

Baginda merakamkan

perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pekerja asing dipersyaratkan jalani pemeriksaan kesihatan
- Muka 2

Brunei - AS tandatangani TIFA

- Muka 3

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke Amerika Syarikat

- Muka 4, 5, 8, 9, 12 dan 13

Melirik Masa Silam

Ada Pagar Ada Sempadan

- Muka 6

6,800 agensi kerajaan diswastakan di seluruh dunia

- Muka 10

Menangani isu sosial : Tingkatkan kesedaran beragama dan disiplin diri

- Muka 11

Ujian dan cabaran Allah

- Muka 3 ANEKA

Sejarah Sultan-Sultan Brunei menaiki takhta

- Muka 11 ANEKA

Cerpen

Bonus

- Muka 12 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita 1.htm e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507

TAHUKAH AWDA

DALAM bulan Julai 1865, Charles Lee Moses yang baru dilantik menjadi Konsul Amerika Syarikat ke Brunei tiba di ibu negeri Brunei untuk memulakan tugas. Tugas-tugas itu dijangkakan termasuklah hal memberi nasihat kepada kapal-kapal saudagar Amerika yang datang melawat ke Brunei. Sumber : G. Irwin (1986), *Borneo Abad Kesembilan Belas. Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. (1986:244).



25 DISEMBER 2002 BERSAMAAN 1423 شوال 20

MISI KE AMERIKA SYARIKAT CAPAI KEJAYAAN

KEBERANGKATAN kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat minggu lalu mencapai kejayaan yang diharapkan. Lawatan baginda yang bersejarah ke negara kuasa besar dunia itu mencipta kejayaan yang membanggakan. Dalam erti kata lain, misi baginda ke Amerika Syarikat membuahkan hasil yang lumayan dalam usaha meningkatkan kerjasama dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Washington.

Semangannya, hubungan dua hala yang sedia terjalin sejak 19 tahun lalu adalah semakin akrab. Ia menjadi landasan yang cukup kukuh bagi kedua-dua negara untuk terus meraih dan mencipta kerjasama pelbagai hala. Brunei dan Amerika Syarikat telah menjalin kerjasama di bidang pertahanan, pendidikan dan pengangkutan udara sejak tahun 1998 lagi. Kerjasama itu telah banyak memberikan manfaat dan kebaikan bagi rakyat kedua-dua buah negara. Yang jelas kerjasama itu terus berjalan dengan baik di masa kini dan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Lawatan yang pertama kali baginda lakukan ke Amerika Syarikat membuka laluan yang lebih mencabar dan cukup istimewa apabila kedua-dua negara menandatangani Rangka Kerja Perjanjian Perdagangan dan Pelaburan Dua Hala (TIFA). Perjanjian yang dimeterai pada 16 Disember itu, membuka lembaran sejarah dalam memudahkan lagi kerjasama perdagangan antara Bandar Seri Begawan dan Washington. Baginda sendiri menyifatkan bahawa perjanjian itu akan menjadi asas yang penting bagi hubungan perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara. Eksport Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat pada tahun 2000 bernilai B\$549.03 juta. Sementara import dari Amerika di tahun yang sama berjumlah B\$207.45 juta.

Perjanjian itu juga menjadi mercu tanda komitmen ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat. Ianya merupakan peluang bagi memperluaskan perdagangan dan pelaburan dan seterusnya mempercepatkan lagi usaha Brunei mempelbagaikan ekonominya. Perjanjian itu juga merupakan sokongan padu Brunei terhadap inisiatif Perusahaan bagi ASEAN (EAL) yang diilhamkan oleh Presiden Amerika Syarikat, TYT Presiden George W. Bush. Bagi Brunei, TIFA akan mengukuhkan keyakinan pihak swasta untuk membuat hubungan niaga dan seterusnya membuka laluan bagi meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Presiden George Bush, kedua-dua pemimpin dunia itu menyentuh mengenai usaha untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang seperti pertahanan, pendidikan, perdagangan, pelaburan dan kegunaan global. Pertemuan pertama baginda dengan Presiden kuasa besar dunia di Rumah Putih itu setentunya akan membuka jalan yang lebih luas ke arah usaha sama dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, hak cipta intelek, teknologi maklumat dan perhubungan, bioteknologi, pelancongan dan peningkatan keupayaan.

Sempena lawatan bersejarah baginda itu juga, Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat telah mengeluarkan satu Kenyataan Bersama pada 16 Disember. Kenyataan Bersama itu juga membayangkan kejayaan lawatan kerja baginda ke Amerika Syarikat dan juga meningkatkan hubungan dan kerjasama di antara kedua-dua negara. Dalam kenyataan itu, Presiden Bush telah mengumumkan perubatan Program Fulbright di Negara Brunei Darussalam.

Misi baginda ke Amerika Syarikat mencatatkan kejayaan bilamana baginda telah mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Kofi Annan; Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Colin Powell; Timbalan Setiausaha Pertahanan, Tuan Yang Terutama Paul Wolfowitz dan Pemangku Setiausaha Kewangan, Tuan Yang Terutama Kenneth W. Dam. Perjumpaan-perjumpaan yang baginda lakukan itu pastinya akan terus mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dua hala Brunei dan Amerika Syarikat.

Sesungguhnya lawatan kerja baginda ke Amerika Syarikat dari 15 hingga 18 Disember tetap akan menjadi pemangkin yang padu dalam membina jambatan kerjasama yang lebih luas dan konstruktif antara Bandar Seri Begawan dan Washington. Bagi Brunei, lawatan baginda itu memberikan banyak manfaat yang berguna terutama sekali dalam usaha negara kita untuk memperkukuh dan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dari terus bergantung kepada hasil 'emas hitam' terutama yang melibatkan pelaburan dan perdagangan yang menjadi aspek penting di dunia global masa kini.

HALUAN...

Mulai Januari 2003

Pekerja asing dipersyaratkan jalani pemeriksaan kesihatan

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya sukacita mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam kerana telah dapat mengukuhkan Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia bagi tahun 2002 pada hari ini.

Kementerian Kesihatan amat mengalu-alukan usaha Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam, mengemukakan majlis yang berkeadilan ini, sebagai usaha sama ke arah mencegah dan mengawal jangkitan HIV/AIDS di negara ini. Kementerian Kesihatan juga mengalu-alukan penglibatan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Biro Kawalan Narkotik, Pusat Da'wah Islamiah yang sama-sama memberikan sokongan ke arah usaha ini.

Sejak tahun 1988, 1 Disember telah menjadi satu hari yang membawa harapan, perpaduan dan kesefahaman mengenai HIV/AIDS di setiap negara di dunia. Setiap tahun Hari AIDS Sedunia membawa tema dan mesej yang berlainan. Pada tahun ini, 'Hidup dan Terus Hidup' (Live and Let Live) merupakan slogan bagi Kempen Dua Tahun AIDS Sedunia iaitu bagi tahun 2002 - 2003. Kempen dua tahun ini memberikan

penekanan terhadap isu yang penting dalam menangani pandemik AIDS iaitu stigma dan diskriminasi.

Sehingga kini di seluruh dunia, seramai 60 juta orang telah dijangkiti virus HIV. Setiap tahun, tiga juta orang meninggal dunia akibat AIDS. Di beberapa buah negara pula, purata jangka hayat telah menurun lebih satu dekad disebabkan HIV/AIDS, di rantau Asia, dianggarkan satu dari setiap lima orang yang hidup dengan HIV/AIDS.

Di Negara Brunei Darussalam sehingga hari ini seramai 22 orang warga tempatan telah dilaporkan menghidapi jangkitan HIV/AIDS. 72.7 peratus dari jumlah ini adalah terdiri daripada lelaki dan 77.3 peratus berlaku di kalangan mereka yang berumur di antara 20 - 49 tahun. Sebahagian besar jangkitan berlaku melalui hubungan seks. Dari jumlah tersebut, 12 orang telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS ini.

AIDS adalah satu fenomena biologi yang terjadi akibat virus akan tetapi ianya bukan hanya terhad kepada bidang sains dan perubatan sahaja. Sedang sains dan perubatan bersokongan ke arah usaha gigih memerangi

penyakit ini, kita juga berhadapan dengan isu yang berkaitan yang tidak kurang beratnya iaitu fenomena sosial yang melibatkan isu seperti stigma dan diskriminasi.

Stigma boleh berlaku disebabkan oleh kurang pengetahuan dan budaya masyarakat setempat. Stigma memudaratkan, ia boleh menyebabkan seseorang merasa malu, kemurungan, mengasingkan diri, merasa hilang harga diri dan merasa bersalah.

Stigma dan diskriminasi merupakan dua penghalang utama terhadap keberkesanan langkah-langkah pencegahan jangkitan HIV dan penjagaan bagi pesakit AIDS. Di kebanyakan negara didapati perasaan takut dan bimbang terhadap diskriminasi boleh menghalang mereka yang terlibat daripada mendapatkan rawatan bagi AIDS dan menghalang mereka daripada mengakui status HIV mereka secara terang-terangan.

Mereka yang mempunyai atau disyaki mempunyai jangkitan HIV berkemungkinan tidak diberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan, tidak diberikan perumahan dan pekerjaan, dijauhi oleh rakan sejawat, tidak diterima bagi perlindungan



UCAPAN Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar di Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2002 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 28 Ramadan 1423 Hijrah/3 Disember 2002 Masihi.

insurans dan sebagainya. Bagi sebahagian kes yang teruk, terdapat mereka yang diusir keluar dari rumah oleh keluarga, diceraikan oleh suami dan menjadi mangsa keganasan fizikal dan ada juga terdapat mereka yang dibunuh.

Stigma yang dikaitkan dengan jangkitan HIV ini, mungkin akan berterusan dan melibatkan generasi mereka yang akan datang iaitu anak-anak mereka. Ini boleh menyebabkan anak-anak tersebut menanggung beban yang berat, iaitu dari segi emosi dan pada masa yang sama menghadapi beban yang disebabkan oleh kematian ibu bapa mereka akibat AIDS.

Dengan penekanan terhadap stigma dan diskriminasi, kempen ini boleh menggalakkan orang ramai mengatasi dan seterusnya nanti menghapuskan rintangan-rintangan terhadap langkah-langkah pencegahan HIV/AIDS dan penjagaan yang efektif. Hanya dengan berhadapan dengan stigma dan diskriminasi, perjuangan menghadapi HIV/AIDS akan beroleh kejayaan, insya-Allah.

Pelbagai strategi dapat diambil bagi mengatasi stigma dan diskriminasi, di antaranya mengadakan kempen-kempen untuk

meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai dan penglibatan yang lebih proaktif dari anggota-anggota masyarakat. Saya menghargai dan menyanjung tinggi akan inisiatif yang dilaksanakan oleh Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dalam usaha menyedarkan, mencegah serta membanteras wabak jangkitan HIV/AIDS ini.

Dari itu, semua pihak berperanan dalam menghapuskan stigma dan diskriminasi. Semua pihak perlu melibatkan diri mereka atau dilibatkan dalam usaha-usaha membanteras wabak jangkitan HIV/AIDS ini. Perubahan sikap dan pandangan terhadap mereka yang dijangkiti HIV atau menghidapi AIDS perlu dibuat.

Sehubungan ini dalam terus meningkatkan lagi usaha menjamin dan memastikan kesihatan awam di negara ini serta bagi mencegah dan mengawal kemasukan penyakit-penyakit berjangkit ke negara ini, mulai bulan Januari 2003, pekerja-pekerja asing akan dipersyaratkan supaya menjalani pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh terlebih dahulu di negara masing-masing sebelum datang untuk berkhidmat ke negara ini yakni 'pre-departure health screening'. Insya-Allah langkah ini diharap akan dapat membantu mengurangkan masalah kesihatan yang dinyatakan.

Dengan mendahului kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, saya dengan sukacita melancarkan sambutan Hari AIDS Sedunia bagi tahun 2002 ini.

Sekian Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

AIDS adalah satu fenomena biologi yang terjadi akibat virus akan tetapi ianya bukan hanya terhad kepada bidang sains dan perubatan sahaja. Sedang sains dan perubatan berusaha gigih memerangi penyakit ini, kita juga berhadapan dengan isu yang berkaitan yang tidak kurang beratnya iaitu fenomena sosial yang melibatkan isu seperti stigma dan diskriminasi.

Sempena lawatan kerja Kebawah DYMM ke AS

WASHINGTON D.C., 16 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat (AS) menandatangani Rangkakerja Perjanjian Dua Hala Dalam Bidang Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) yang berlangsung di Blair House di sini.

Majlis menandatangani TIFA adalah sempena lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, sementara Amerika Syarikat diwakili oleh perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Robert B. Zoellick.

Majlis menandatangani perjanjian hubungan dua hala itu adalah bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan di antara dua negara.

Rangkakerja TIFA wujudnya kouncil bersama bagi pengembangan dan liberalkan perdagangan dan pelaburan termasuk pelbagai bidang seperti hartanah, informasi intelektual dan komunikasi teknologi, polisi bioteknologi, pelancongan, meningkatkan penyertaan perusahaan kecil dan sederhana (SME's) dalam perdagangan dan pelaburan dan kapasiti pembangunan.

Kedua-dua belah pihak bersetuju untuk menyelaras forum serantau dan berbilang hala termasuk ke arah melihat kejayaan Agenda Pembangunan Doha.

"TIFA boleh meningkatkan perdagangan antara dua buah negara dan membuktikan komitmen dalam membantu Negara Brunei Darussalam mempelbagai ekonominya," jelas TYT Robert B. Zoellick.

"Kita sangat gembira dengan respon positif Negara Brunei Darus-

Brunei - AS tandatangani TIFA

salam terhadap cadangan TYT Presiden George W. Bush menubuhkan syarikat perusahaan bagi ASEAN termasuk inisiatif ingin melihat TIFA dijalankan dengan laju dan cekap.

Kita ingin bekerjasama dengan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan lagi penguatkuasaan ekonomi dalam hubungan dua hala dan ASEAN.

Para menteri mengarahkan para pegawainya untuk menubuhkan kouncil bersama dan melihat ke hadapan untuk melaksanakan program kerja yang terkandung dalam perjanjian berkenaan.

Amerika Syarikat mempunyai hubungan TIFA di beberapa buah negara dalam meningkatkan hubungan perdagangan dua hala dan akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan pegawai kanan mengenai isu perdagangan dan ekonomi.

Dengan penandatanganan TIFA oleh Negara Brunei Darussalam pada hari ini menjadikan TIFA dalam ASEAN telah bertambah dan sebelum ini Amerika Syarikat telah mempunyai hubungan TIFA dengan Republik Indonesia, Republik Filipina dan Thailand.

Di bawah ASEAN Initiative Enterprise, Amerika Syarikat menawarkan masa depan dua hala mengenai perjanjian perdagangan bebas bersama negara anggota ASEAN yang komited dengan penyusunan semula ekonomi dan kekal dalam FTA.

AS dan anggota ASEAN bekerjasama untuk menetapkan bila dilaksanakan perundingan FTA.

Perkembangan dalam isu perdagangan dua hala di bawah TIFA boleh membantu membersihkannya dan membuat perundingan FTA dengan penuh keyakinan yang akhirnya beroleh kejayaan.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menandatangani Rangkakerja Perjanjian Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Amerika Syarikat diwakili oleh Perwakilan Perdagangan AS, TYT Robert B. Zoellick.

Memperluas perdagangan, pelaburan Brunei

WASHINGTON D.C., 16 Disember. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berkata, Perjanjian Rangkakerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) yang ditandatangani antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat di sini merupakan mercu tanda komitmen ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Menurut Yang Berhormat, ianya merupakan peluang bagi Negara

Brunei Darussalam untuk memastikan perdagangan dan pelaburan, di samping mempercepatkan usaha negara ini untuk mempelbagai ekonomi.

Perjanjian tersebut, tambah Yang Berhormat juga merupakan sokongan padu negara ini terhadap Inisiatif Perusahaan Bagi ASEAN (Enterprise for ASEAN Initiative - EAI) yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Presiden George W. Bush, Presiden Amerika Syarikat semasa perjumpaan bersama Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Sidang

Kemuncak APEC di Los Cabos, Mexico Oktober lalu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata demikian selepas Majlis Menandatangani TIFA antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat yang berlangsung di Blair House di sini sempena keberangkatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Amerika

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Petita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

**Laporan Haji Jaafar HI dan
Aliddin HM dari Washington**

Syarikat.

Menyentuh mengenai peluang-peluang yang diperolehi oleh negara ini, Yang Berhormat menegaskan, perjanjian tersebut akan mengukuhkan lagi keyakinan pihak swasta untuk membuat hubungan niaga dan seterusnya membuka laluan bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara Bandar Seri Begawan dan Washington.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji

Awang Abdul Rahman bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sementara Amerika Syarikat diwakili oleh Tuan Yang Terutama Robert B. Zoellick, Perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat bertempat di Blair House.

Di bawah perjanjian itu, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menubuhkan satu Majlis Bersama (joint council) yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan TYT Robert Zoellick.

Majlis berkenaan diwujudkan untuk meneliti bidang-bidang yang akan diperluaskan dalam perdagangan dan pelaburan termasuk hak cipta intelektual, teknologi maklumat dan perhubungan, dasar bioteknologi, pelancongan, penglibatan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SMEs) dalam pelaburan dan perdagangan dan meningkatkan keupayaan.

Menerusi perjanjian tersebut, Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat juga bersetuju bekerjasama dalam forum serantau dan pelbagai hala khususnya ke arah terlaksananya Agenda Pembangunan Doha dalam Perubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagi melaksanakan perjanjian tersebut, kedua-dua menteri berkenaan juga mengarahkan pegawai-pegawai kanan masing-masing untuk menggerakkan program kerja yang telah dikenal pasti secepat mungkin.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan secara dekat pertunjukan statik yang memamerkan peralatan ketenteraan (atas).

BAGINDA menerima sembah penerangan oleh seorang pegawai ketika berangkat melawat Pangkalan Tentera Fort Bragg (atas kanan).

Laporan Haji Jaafar HI dan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD dan Hamadi HM

Meninjau ketenteraan di Fort Bragg



MENCUBA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaiki helikopter sambil menerima sembah penerangan oleh seorang pegawai Fort Bragg.



BAGINDA dengan penuh minat mendengarkan sembah taklimat mengenai Pangkalan Tentera Fort Bragg di North Carolina (atas).

BAGINDA ketika berkenan menerima pesambah daripada Brigedier Jeneral Winfield Scot III (kanan).



DIALU-ALUKAN Baginda bersalaman bersama pegawai-pegawai tinggi tentera seurus berangkat tiba di Pangkalan Tentera Fort Bragg.

NORTH CAROLINA, 17 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan atur cara hari kedua lawatan kerja baginda berangkat meninggalkan Washington D.C. untuk menuju ke Pangkalan Tentera Fort Bragg di sini.

Sebelum berangkat meninggalkan Blair House di Washington D.C., tempat bersemayam baginda sepanjang lawatan kerja baginda di Washington D.C., doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Diformati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Sejurus keberangkatan tiba baginda di Pangkalan Lapangan Terbang Tentera

Udara Pope (Pope Air Force Base) di sini telah dijunjung oleh Pemerintah Pangkalan Tentera Udara Pope, Brigedier Jeneral Winfield Scot III; Brigedier Jeneral Mark T. Kimmitt, Ketua Staf 18 Airborne Corps and Fort Bragg; Penasihat Politik Pemerintah, Robert W. Fitts dan Pemerintah Special Operation Command, Leftenan Jeneral Philip R. Kensinger.

Baginda seterusnya dijunjung ke Dewan Heritage untuk mendengar sembah taklimat mengenai Pangkalan Tentera Udara Pope di North Carolina oleh Pemerintahnya dan baginda juga berkenan menerima pesambah dan mengurniakan cenderamata serta menandatangani buku pelawat.

Selepas itu baginda dijunjung berangkat ke Special Operation Command di Fort Bragg di mana baginda diberikan sembah taklimat secara ringkas oleh Pemerintahnya, Leftenan Jeneral Philip R. Kensinger.

Semasa berada di sana, baginda dijunjung menyaksikan persembahan menembak oleh salah seorang anggota tentera dan seterusnya baginda berkenan menyertai pertunjukan menembak target dengan menggunakan Pistol Barretta 9 mm dan Rifel M-4 Carbine yang mana tembakan

baginda itu mengenai sasaran.

Setelah itu baginda dijunjung untuk menyaksikan pertunjukan statik yang memamerkan peralatan ketenteraan yang digunakan semasa peperangan iaitu senjata-senjata api yang disembahkan oleh ahli-ahli gerakan khas.

Baginda juga menyaksikan operasi menyelamat orang-tahanan yang menggunakan penembak curi (sniper) untuk menyelamatkan orang-orang yang ditahan oleh musuh. Semasa pertunjukan di padang statik itu baginda juga menyaksikan beberapa anggota tentera penerjun payung menunjukkan kecekapan mereka mendarat di tengah-tengah padang pertunjukan statik tersebut.

Fort Bragg mempunyai keluasan kawasan seluas 932

kilometer persegi adalah Pangkalan Tentera Amerika Syarikat yang terletak di North Carolina merupakan institusi yang terkemuka di AS di mana latihan khas tentera diadakan.

Fort Bragg ditubuhkan pada tahun 1918 yang mengandungi beberapa jabatan arah yang bertanggungjawab ke atas semua latihan dan operasi tentera bagi pasukan-pasukan khas Angkatan Tentera AS yang mengandungi keseluruhan anggota tentera seramai kira-kira 40,000 dan anggota tentera Special Operation Command pula mengandungi kira-kira 26,000 anggota tentera.

Baginda berangkat meninggalkan Fort Bragg di North Carolina untuk menuju ke New York sebelum esoknya baginda berangkat melawat Akademi Tentera West Point (USMA) di akhir lawatan kerja baginda ke Amerika Syarikat.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy, New York di sini dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.



Berangkat melawat Akademi Tentera West Point

NEW YORK, 18 Disember.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan atur cara hari ketiga lawatan kerja baginda berangkat menuju ke Akademi Tentera West Point (USMA) di sini.

Keberangkatan tiba ba-

ginda di USMA dijunjung oleh Penguasa Akademi Tentera Amerika Syarikat, Leftenan Jeneral William J. Lennox, Jr dan para pegawai kanan.

Leftenan Jeneral William J. Lennox, Jr. merupakan Superintendent Ke-56 West Point yang telah berkhidmat lama dan cemerlang di dalam tentera.

Baginda seterusnya ber-

kenan berangkat ke Dewan Taylor bagi menandatangani buku pelawat dan disusuli dengan bertukar cenderamata bersama penguasa tersebut.

Di sana baginda disembahkan topi tertinggi akademi tersebut yang hanya dipakai oleh Pemerintah Batalion Kadet Ke-4 West Point.

Selepas itu baginda dijunjung berangkat ke Bilik Persidangan Penguasa Akademi Tentera West Point untuk disembahkan taklimat mengenai misi dan sejarah perkembangan penubuhan Akademi Tentera Amerika Syarikat sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1802 oleh Pegawai Memerintah LTC James Whaley, Pengarah Hal Ehwal Awam.

Semasa berada di USMA baginda dijunjung menyaksikan tunjuk cara photonics dari Pusat Penyelidikan Photonics dan Makmal di Dewan Bartlett yang disembahkan oleh Pengarahnya, LTC Augustus Fountain.

Misi akademi ialah mendidik, melatih dan mendorong 4,000 orang kadetnya dan setiap kadet mestilah dicalonkan oleh seorang ahli kongres atau jabatan tentera.

Mereka menamatkan latihannya dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains yang juga sebagai Leftenan Muda Bertauliah dalam tentera Amerika Syarikat dan mereka dikehendaki berkhidmat dengan Angkatan Tentera Amerika Syarikat sebagai tentera selama lima tahun.

West Point juga memberikan latihan teknikal bagi pertahanan negara dan penyelidikan saintifik yang telah membantu mengekalkan Amerika Syarikat sebagai satu kuasa Hiper tunggal di dunia.

Sepanjang lawatan baginda ke USMA itu baginda juga membuat lawatan ke beberapa tempat yang bersejarah yang terletak di kawasan perkarangan Akademi Tentera West Point seperti bilik Pejabat Penguasa USMA, Trophy Point dan Muzium Tentera akademi berkenaan di mana Muzium West Point mula dibuka kepada kunjungan orang ramai buat pertama kalinya pada tahun 1854 dan mengandungi koleksi terbesar pelbagai sejarah tentera termasuk 45,000 bahan pameran dan 7,700 adalah terdiri dari pelbagai jenis senjata yang dipamerkan.

Akademi Tentera West Point Amerika Syarikat terletak 50 batu ke utara Bandar



Laporan
Haji Jaafar HI dan
Aliddin HM
Gambar-gambar
oleh Abdullah HAD
dan Hamadi HM

BAGINDA ketika berkenan melawat Tugu Peringatan yang bersejarah bagi Amerika Syarikat dalam mempertahankan serangan dari British.



BAGINDA ketika dibawa melawat menyaksikan tunjuk cara photonics dari Pusat Penyelidikan Photonics dan Makmal.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika beramah mesra bersama para kadet yang menuntut di USMA.



SEJURUS keberangkatan tiba baginda di Akademi Tentera West Point (USMA) dijunjung oleh Penguasa Akademi Tentera Amerika Syarikat, Leftenan Jeneral William J. Lennox, Jr. (atas).

BAGINDA ketika dibawa melawat Muzium Akademi Tentera West Point yang memaparkan koleksi terbesar pelbagai sejarah tentera di Amerika Syarikat (kanan).



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan cenderamata kepada Penguasa Akademi Tentera West Point, Leftenan Jeneral William J. Lennox, Jr. (atas).

BAGINDA ketika berkenan mendengar sembah taklimat mengenai akademi tersebut (kanan).

ORANG dahulu ramai yang peka mengenai masa depan keturunan atau anak buah mereka. Perkara penting yang dipertahankan oleh mereka ialah tentang nama baik dan juga perlunya menjaga sebutan orang di kemudian hari. Mereka juga amat peka bila hal-hal yang tidak perlu dikaitkan dengan soal bangsa dan keturunan akan menjadi ungkit-ungkitan apa lagi jika sesuatu itu menyentuh soal-soal yang tidak boleh disentuh-sentuh, bak kata orang sekarang ialah soal maruah bangsa.

Orang dahulu amat berhati-hati dalam mencari jodoh pasangan hidup anak-anak mereka. Banyak hal yang perlu dipelajari oleh mereka terlebih dahulu terutama mengenai asal usul, pertalian darah dan budaya hidup yang juga disebut perangai yang menjadi amalan pasangan masing-masing. Soal pegangan beragama juga amat penting dilihat oleh mereka dan menganggapnya sebagai teras dalam segala hal kehidupan manusia. Teras keagamaan ini amat penting bagi mereka untuk dijaga dan dilihat pada banyak sudut amalannya.

Sebab itu, di awal sejarah negara kita, hal-hal yang berkaitan dengan perhubungan ini selalunya akan menjadi buah perbincangan yang sungguh berat. Kalau tidak kena dengan gayanya, maka akan mudahlah berlaku pertengkaran dan lebih teruk lagi ianya menjadi asbab berlakunya perbalahan yang berpanjangan dan boleh saja menyebabkan terputusnya tali persaudaraan baik pada sebutan mahupun pada perbuatan. Sebutan-sebutan yang biasanya akan didengar atau diceritakan terjadi ialah seperti tidak mahu mengaku lagi sebagai 'berdangan-sanak', dan beria-ia memusutkan untuk tidak mengaku saudara, dan ada kalanya berlaku semacam sumpah seperti tidak mahu menjejaskan kaki ke rumah berkenaan, meminta inggit misal bila dia mati nanti, bangkit datuk nenek di kubur baharulah aku mengunjungimu kamu... dan seumpamanya.

Demikianlah gagahnya orang dahulu itu. Mereka amat suka sekali kalau perhubungan dilakukan antara keluarga yang terdekat dan

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ADA PAGAR ADA SEMPADAN

tidak mengizinkan perhubungan kekeluargaan itu berlaku pada bukan kalangan ahli-ahli mereka. Yang biasa kita terdapat mengapa perkara semacam itu berlaku di zaman yang lalu antara sebab yang agak biasa didapati ialah untuk menjaga penerangan dan jalinan-jalinan kekeluargaan antara mereka supaya tidak terputus. Maka bagi mereka yang berharta, harta-harta yang berkaitan itu tetap terjaga dan tidak akan lari ke mana-mana dan harta-harta itu akan terus berada dan terpelihara di lingkungan keturunan mereka sahaja.

Inilah salah satu cara orang dahulu dalam menjaga kepentingan mereka dan keturunan mereka. Semua ini adalah untuk menjaga survival keturunan mereka itu biar sampai berzaman-zaman hatta hingga dunia berakhir. Penjagaan budaya begini adalah tidak memperkirakan hal-hal yang lain baik ia berkaitan dengan baka pada sudut yang lain dari soal keturunan perwarisan harta mahupun soal-soal mutu seperti pada sudut fizikal dan yang lain-lain lagi yang menurut pakar-pakar sekarang sebagai 'satu usaha pada meningkatkan kehadiran manusia yang lebih baik dari yang sebelumnya'.

Itu hanyalah sekadar pendapat pakar-pakar sedangkan keyakinan kita bahawa segala apa pun kejadian yang sudah jadi itu adalah semata-mata apa yang telah ditakdirkan oleh Allah Yang Maha Pencipta. Namun di sebalik itu pula, kita disuruh membuat segala usaha atas segala apa yang diredai-Nya. Maka akan jadilah ke atas apa yang dikehendaki-Nya. Ilmu yang begitu atau kepercayaan yang demikian bukan tidak ada

sama sekali bahkan keyakinan yang demikian itulah yang telah dapat memantapkan kedudukan orang-orang dahulu kalau dikaitkan dengan soal mempertahankan martabat negara dan maruah bangsa Brunei di era menghadapi cabaran-cabaran untuk menggugat kedaulatannya. Mungkin inilah yang disebut-sebut sebagai antara keyakinan yang dimiliki oleh mereka ketika itu sehingga terkenal dengan segala macam keperkasaan sehingga juga disebut sebagai satu bangsa yang disegani di rantau ini pada zaman-zaman yang tertentu itu.

Seperti yang sudah diketahui ramai bahawa sejarah juga menyebut yang negara kita ini pernah menjadi sebuah empayar yang besar dan memiliki sebahagian besar rantau kelilingnya. Ini juga menunjukkan keperkasaan fizikal dan kecerdasan mentaliti di zaman itu. Dan inilah juga hasil yang dihasilkan oleh mereka sehingga kita pada masa ini dan sekarang ini terus bernafas serta menikmati sama apa yang ada biarpun kita tidak sedar yang semua itu adalah hasil dari peninggalan orang-orang yang terdahulu itu biarpun nampaknya sahaja umpama setitik tinta di permukaan sekeping kertas.

Biarpun gambaran di atas sudah berlalu lama dan juga sudah mengalami ujian demi ujian, setentunya pasti berlaku juga perubahan kerana segala perkembangan itu tidak ada upaya apa pun yang boleh menolaknya kerana kita juga pencinta kemajuan dan perkembangan. Kita melihat ini sebagai satu ketentuan seperti juga yang berlaku kepada alam dan cakerawala yang dikawal oleh Yang Maha Berkuasa itu.

Namun ada ketentuan yang masih mengawal semuanya, setidak-tidaknya seperti yang selalu disebut-sebut sebagai 'ada pagar ada sempadannya' - hanya sebagai satu contoh yang kecil tetapi aplikasinya adalah mencakup kepada semua bidang, baik ia mengenai hidup mahupun perlakuan terhadap alam lingkungan kita. Inilah juga yang selalu diajarkan oleh kejadian-kejadian yang berlaku di masa silam itu. Ketiadaan kedua-dua 'instrumen' itu akan bererti akan kehilangan sesuatu yang lebih bererti terutama dalam soal hidup dan kehidupan. Inilah juga dipesankan kepada peraturan dan undang-undang selain dari 'aturan selaku manusia yang berbudaya'. Kalau kita rajin bertanya kepada diri sendiri mengenai sejauh mana kita membudayakan diri kita dengan kedua-dua 'instrumen' yang dipesankan oleh orang-orang yang dahulu itu, nescaya kita sendiri akan dapat menjawabnya berdasarkan apa yang kita lakukan dan apa yang kita alami. Lalu akan timbul keimbangan dalam diri kita sendiri dan akan timbul semacam kekesalan dalam diri kita juga bila kita sedar yang perlakuan-perlakuan yang pernah kita lalui itu ternyata berada di posisi di luar dari apa yang dikatakan 'ada pagar ada sempadannya' itu, kecuali jika kita antara pengamal 'tutup mata', 'malas ingau', mementingkan diri dan lain-lain elemen hipokrisi yang negatif dan tidak gembira kepada kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan orang lain.

Ini adalah penyakit yang kita perlu kepada pembersihan. Kesempatan masih ada kerana kita masih berada di bulan Syawal untuk bertekad pada mengamalkan budaya ada pagar ada sempadannya itu dan sedar bahawa hidup hanya sekali, dunia adalah sementara, akhirat jua yang kekal. Lagipun, apa untungnya melampaui batas kalau akhirnya menyeska diri.

Demikianlah pesan yang selalu ditinggalkan oleh ibu bapa yang penyayang dan peka mengenai kesempurnaan hidup masa depan anak-anak mereka.

Berhari raya bersama saudara-saudara baru

TEMBURONG, 16 Disember. - Suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini masih lagi terasa kehangatannya walaupun sudah seminggu berlalu, namun kemeriahannya masih disambut bersama saudara-saudara baru.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama saudara-saudara baru bagi Daerah Temburong telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Temburong di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menjadi tetamu kehormat majlis itu.

Antara butir cara termasuklah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Mohd. Salleh Dicky, kemudian diikuti persembahan tausiyah oleh Persatuan PESAT dan menghafaz ayat-ayat lazim oleh Dayang Fatin Farinah

Oleh Haji Ahmad HS

binti Mohd. Sharul, kesemuanya terdiri dari saudara-saudara baru.

Selepas majlis itu, Menteri Hal Ehwal Ugama juga telah singgah berhari raya kedua-dua buah rumah bantuan Pusat Da'wah Islamiah saudara-saudara baru kepunyaan Ummu Habibah binti Emran yang terletak di Kampong Sungai Radang, Jalan Selapan dan ke rumah Awang Khalid bin Abdullah di Kampong Belingus.

Pihak PELITA BRUNEI telah sempat membuat pendekatan bersama dua orang saudara-saudara baru iaitu Imam Hidayat bin Abdullah Ondak yang telah melafazkan ikrar Islamnya semasa sambutan Nuzul Al-Quran yang lalu.

Ditanya mengapa beliau memilih agama Islam katanya, Islam merupakan pegangan yang lebih baik, kerana agama Islam serba lengkap dan agama yang paling baik dan mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Beliau merasa bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana melimpahkan taufik hidayah-Nya kepada beliau dan keluarga untuk memilih agama Islam sebagai pegangan hidup, ujarnya.

Beliau memilih agama Islam bukanlah kerana dipaksa oleh sesiapa tetapi atas kehendak dan kerelaannya sendiri untuk menjadikannya sebagai pegangan hidup, tambahan pula agama Islam menjadi agama rasmi negara, jelasnya.

Menyentuh ibadat puasa, beliau menjelaskan bahawa dia bersama keluarga tidaklah merasa susah untuk melaksanakannya, kerana sebelum memeluk Islam mereka sekeluarga telah melatih diri berpuasa sejak tahun lepas dan apabila memeluk Islam dengan mudah dapat melakukan ibadat puasa seperti orang Islam yang lain.

Mengenai Hari Raya, beliau dan keluarga merasa gembira menyambutnya bersama umat Islam yang lain kerana ini kali pertama merayakannya, manakala rumah beliau sering dikunjungi oleh sanak saudara dan rakan taulan untuk berhari raya.

Beliau yang telah berkhidmat di Radio Televisyen Brunei selama 20 tahun, bertugas sebagai jurukamera Bahagian Krew Perfileman telah banyak mengetahui dan mendengar mengenai agama Islam melalui ceramah-ceramah yang beliau pernah rakan-rakan ketika bertugas dan juga daripada rakan-rakan sejawat.

Sementara itu, Awang Mohd. Aminuddin bin Abdullah yang berkhidmat sebagai anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang memeluk agama Islam sejak tahun 1994 menjelaskan bahawa agama Islam adalah agama yang paling mulia dan paling baik.

Bagi mendalami ilmu agama jelasnya, beliau sering menghadiri beberapa kursus yang diadakan oleh pihak berkenaan bagi saudara-saudara baru khususnya di Daerah Temburong.

Beliau memilih agama Islam sebagai pegangan hidup bukanlah kerana dipaksa oleh sesiapa malahan datang dari kerelaan hatinya sendiri.

Kita di Negara Brunei Darussalam telah menjadikan agama Islam sebagai pegangan hidup selain menjadi agama rasmi negara, jelasnya lagi.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menyampaikan hamper kepada seorang saudara baru di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama saudara-saudara baru Daerah Temburong. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

DILANTIK SELAKU JURUAUDIT AGUNG

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Mu'izzuddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah, Timbalan Juruaudit Agung dilantik sebagai Juruaudit Agung bagi menggantikan Dato Paduka Awang Haji Abdul Kani bin Mohd. Salleh yang akan memendekkan kontrak perkhidmatannya.

Lantikan Datin Paduka Hajah Salmah selaku Juruaudit Agung berkuat

kuasa mulai hari Khamis, 14 Syawal 1423 bersamaan 19 Disember 2002.

Datin Paduka Hajah Salmah berketurunan Certificate of the Association of Certified Accountants Member of the Association of Chartered Accountants Fellow Chartered Certified Accountants (F.C.C.A) dan mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun 1975.

Jawatan-jawatan kanan yang pernah dipegang oleh beliau ialah Jurukira Jabatan Perbendaharaan (4 November 1975); Jurukira Kanan/Akauntan Kanan, Jabatan Perbendaharaan (1 April 1981); Penolong Kanan Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Jabatan Perbendaharaan (1 Januari 1990); Penolong Juruaudit Agung, Jabatan Audit (15 April 1992) dan Timbalan Juruaudit Agung, Jabatan Audit (1 April 1994).



DATIN Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah dilantik selaku Juruaudit Agung mulai 19 Disember 2002.



AWANG Aminuddin bin Abdullah yang berkhidmat sebagai anggota Pasukan Polis Diraja Brunei pula menjejaskan kaki ke rumah berkenaan, meminta inggit misal bila dia mati nanti, bangkit datuk nenek di kubur baharulah aku mengunjungimu kamu... dan seumpamanya.



IMAM Hidayat bin Abdullah Ondak memilih agama Islam kerana berpendapat agama Islam serba lengkap dan agama yang paling baik dan mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

ISTIADAT MEMBUKA NOBAT DI BANGUNAN LAPAU IBU NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Istiadat Membuka Nobat bagi Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim diadakan di Lapau di sini.

Istiadat yang berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dimulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyampaikan bahawa Istiadat Membuka Nobat telah siap sedia.

Kemudian istiadat diikuti dengan bertahil yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin. Sementara Yang Dimuliakan Pehin

Oleh
Abdullah Asgar

Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya membacakan doa tahlil.

Istiadat tersebut ditutup selama 20 hari berikutan kembalinya ke rahmatullah seorang pembesar negara Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman pada 24 November lalu.

Semasa hidupnya Allahyarham telah pernah dikurniakan beberapa bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam seperti D.P.M.B., P.M.B dan P.J.K.

Pada tahun 1996 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Allahyarham dikurniakan gelaran Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya

Negara.

Istiadat petang itu diteruskan dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman meninggalkan seorang balu, 10 orang anak dan beberapa orang cucu.

Juga berangkat dan hadir di istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang.



ISTIADAT Membuka Nobat bagi Allahyarham YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman berlangsung di hadapan YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz. Istiadat berlangsung di Lapau dekat ibu negara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Program Perkampungan Belia berakhir dengan Majlis Khatam

Oleh
Samle HJ

TUNGKU, 3 Disember. - Program Perkampungan Belia Ramadan berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diselenggarakan dengan penyampaian derma dan merayakan sambutan Nuzul Al-Quran di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani juga

mengetuai bacaan surah-surah khatam.

Majlis disusuli dengan penyampaian sijil-sijil kepada peserta program perkampungan oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara itu Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr.

Awang Haji Ismail menyampaikan derma kepada anak-anak pegawai dan kakitangan UBD.

Majlis keagamaan julung kali diadakan itu merupakan anjuran bersama Majlis Takmir Masjid UBD dengan Majlis Belia Brunei (MBB) yang disertai oleh 25 orang belia yang terpilih dari seluruh negara.

Program berkenaan diharap akan mendedahkan

para peserta ke arah meningkatkan pengetahuan dalam bidang keagamaan melalui ceramah-ceramah serta aktiviti-aktiviti agama sepanjang tiga hari perkampungan diadakan.

Sepanjang program para peserta telah mengadakan sembahyang lima waktu berjemaah, bertawaf dan bertedurus, di samping mendengar beberapa sesi ceramah dan perbincangan agama.

Negara Brunei Darussalam jalin hubungan diplomatik dengan Republik Togo

PERANCIS, 4 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Togo mulai 3 Disember 2002.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik itu telah diadakan di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Paris, Perancis.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Perancis, sementara itu Republik Togo diwakili oleh Tuan Yang Terutama M. Tchao Sotou Bere, Duta Besar mewakili republik tersebut.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani mengetuai bacaan surah-surah khatam di Majlis Penutup Program Perkampungan Belia Ramadan yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kereta Nissan March, hadiah utama cabutan bertuah Anugerah RTB 2002

Oleh
Awangku Jefferi PD

GADONG, 13 Disember. - Anugerah RTB 2002 akan diadakan pada penghujung bulan ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan tarikan utama acara tersebut berupa hadiah istimewa sebuah kereta saloon Nissan March.

Sehubungan dengan itu, majlis penyerahan kunci kereta berkenaan telah diadakan di Boustead Sendirian Berhad di sini.

Kunci tersebut diserahkan oleh Pengarah Urusan Sendirian Berhad, Simon Gelan kepada Pegawai Pentadbir Kanan RTB, Awang Alli bin Haji Metussin.

Hadiah akan diberikan

kepada para hadirin yang membeli meja semasa majlis diadakan melalui cabutan nombor bertuah bagi meja-meja yang terbahagi kepada beberapa kategori iaitu platinum, emas, perak dan gangsa.

Selain hadiah istimewa, pihak penganjur juga menyediakan hadiah-hadiah berupa barangan peralatan elektrik untuk dimerangi.

Anugerah RTB merupakan perangsang kepada kakitangannya supaya lebih berkualiti terhadap jabatan berkenaan.



PENGARAH Urusan Boustead Sendirian Berhad, Simon Gelan menyerahkan kunci kereta Nissan March kepada Pegawai Pentadbir Kanan RTB, Awang Alli bin Haji Metussin. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

UNIT BIMBINGAN DAN PERKEMBANGAN BUMIPUTRA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bahagian II)

BIMBINGAN KEPADA KONTRAK BUMIPUTRA

* Masalah Jabatan Buruh dan Jabatan Imigrasi	1 - 7 hari
* Masalah Pinjaman Bank	1 - 60 hari
* Masalah Pembiayaan	2 - 3 minggu
* Masalah Teknikal	1 - 2 minggu
* Masalah Kontrak	1 - 2 minggu
* Masalah Pembangunan	1 - 3 minggu

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke Amerika Syarikat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Amerika Syarikat, TYT Presiden George W. Bush membincangkan isu-isu serantau dan politik antarabangsa serta isu-isu keselamatan (kiri). Sementara gambar atas, baginda ketika berangkat tiba di Pangkalan Tentera Udara Andrew, Washington, Amerika Syarikat bagi lawatan kerja selama tiga hari.



BAGINDA bersama TYT Colin Powell membincangkan kerjasama dua hala pelbagai bidang dan bertukar pandangan mengenai isu-isu politik dan keselamatan serantau serta antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Pemangku Setiausaha Kewangan Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Kenneth W. Dam di Blair House, Washington (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan rombongan mengadakan perbincangan dan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Kofi Annan, Setiausaha Agung PBB yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB di New York.

Laporan
Haji Jaafar HI
dan Aliddin HM
Gambar-gambar
oleh Abdullah HAD
dan Hamadi HM



DOA selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz sebelum baginda berangkat meninggalkan Amerika Syarikat (bawah).

Lawatan Kebawah DYMM ke AS capai beberapa kejayaan

NEW YORK, 19 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengakhiri lawatan kerja selama tiga hari ke Amerika Syarikat (AS) yang bermula pada 16 hingga 18 Disember 2002.

Lawatan kerja pertama baginda ke negara kuasa besar dunia itu telah mencapai kejayaan yang diharapkan. Kejayaan besar yang diraih sempena lawatan baginda itu ialah penandatanganan Rangkakerja Perjanjian Perdagangan dan Pelaburan Dua Hala (TIFA) antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat.

Sebelum baginda berangkat meninggalkan Amerika Syarikat menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin

Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy di sini bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh; Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor dan para pegawai serta kakitangan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Lawatan kerja baginda ke Amerika Syarikat itu akan meningkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah negara.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Colin L. Powell, Setiausaha Negara Amerika Syarikat sejurus mengadakan perjumpaan. Majlis berlangsung di Blair House, Washington.

Bidang pertahanan, ekonomi dan politik dibincang Kerjasama dua hala Brunei - AS terus kukuh

Laporan Haji Jaafar HI dan Aliddin HM dari Washington

WASHINGTON, 16 Disember. - Kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat terus kukuh dan dipertingkatkan, meliputi bidang-bidang pertahanan, perdagangan, pelaburan dan ekonomi.

Bagi mengukuhkan bidang-bidang tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan perjumpaan bersama beberapa orang ahli-ahli kabinet Amerika Syarikat antaranya ialah Tuan Yang Terutama Colin L. Powell, Setiausaha Negara Amerika Syarikat; Tuan Yang Terutama Kenneth W. Dam, Pemangku Setiausaha Kewangan dan Tuan Yang Terutama Paul Wolfowitz, Timbalan Setiausaha Pertahanan.

Baginda mengadakan perjumpaan itu secara berasingan di Blair House dan Pentagon.

Baginda berada di sini bagi keberangkatan kerja selama empat hari bermula 15 hingga 18 Disember. Lawatan baginda meliputi keberangkatan ke Washington D.C., North Carolina dan New York.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan

di sini, baginda semasa mengadakan perjumpaan bersama TYT Kenneth W. Dam mengalu-alukan penandatanganan Rangkakerja Perjanjian Perdagangan dan Pelaburan Dua Hala (TIFA) antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat.

Baginda menegaskan bahawa perjanjian itu akan menjadi asas penting bagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Semasa perjumpaan itu baginda telah disembahkan taklimat oleh TYT Kenneth mengenai prospek dan kedudukan ekonomi Amerika Syarikat yang mana perkara ini menurut baginda adalah penting bagi semua negara di rantau Asia termasuk Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu dalam perjumpaan bersama TYT Colin L. Powell, baginda dan TYT telah membincangkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu politik dan keselamatan serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Baginda juga disembahkan taklimat oleh TYT Colin L. Powell secara lebih dekat lagi mengenai perkembangan di Iraq, Timur Tengah dan Korea Utara.

Dalam perjumpaan bersama TYT Paul Wolfowitz di Pentagon, baginda telah merakamkan kegembiraan di atas usaha berterusan bagi membina hubungan yang kukuh dalam kerjasama pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan kuasa besar dunia itu.

Dalam mengukuhkan bidang pertahanan itu, kedua-dua negara telah kerap kali mengadakan beberapa latihan bersama. Antaranya ialah Latihan CARAT (Cooperation Afloat Readiness and Training). Latihan berkenaan telah membantu meningkatkan kemahiran pertahanan dalam semua peringkat.

Di waktu yang sama, latihan seumpama itu juga telah membantu membangunkan hubungan rapat dan persefahaman di antara kedua-dua belah pihak tentera sejak kerjasama pertahanan dijalin pada tahun 1988.

Hadir sama di ketiga-tiga perjumpaan itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat, TYT Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, YDM Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, YDM Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap dan membincangkan sesuatu bersama Tuan Yang Terutama Kenneth W. Dam, Pemangku Setiausaha Kewangan Amerika Syarikat (atas). Sementara gambar kanan, keberangkatan tiba baginda di Pentagon dialu-alukan oleh Timbalan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Tuan Terutama Paul Wolfowitz.

Gambar-gambar oleh Abdullah HAD dan Hamadi HM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani buku lawatan sejurus tiba di Rumah Putih (atas). Sementara gambar kanan, baginda mengadakan perjumpaan bersama Timbalan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat di Pentagon.

6,800 agensi kerajaan diswastakan di seluruh dunia

GADONG, 16 Disember. - Lebih 6,800 buah agensi kerajaan (SOEs) telah diswastakan sejak tahun 1980 di seluruh dunia menurut laporan Bank Dunia pada pertengahan 90-an, kata Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Dato Paduka Awang Haji Wahab bin Juned berkata penswastan dan perkongsian swasta-awam (PPP) merupakan dua sistem yang telah digunakan secara meluas dan dikembangkan kepada alat inovasi bagi dasar awam.

Menurutnya, penswastan merupakan satu revolusi berpotensi dan peranan kepada kerajaan dan sektor swasta dalam mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

"Penswastan dan Perkongsian-Private juga merupakan satu opsi dan daya penarik kerana ia memudahkan pelaburan di mana sektor awam susah mendapatkannya dan PPP juga membenarkan sektor swasta untuk beroperasi tanpa keperluan peraturan-peraturan yang panjang," tambahnya.

Beliau berucap demikian di Majlis Perasmian Mesyuarat Kumpulan Pakar Mengenai Reformasi NAM: Gandingan Sektor Awam dan Swasta serta Penswastan Bagi Negara-Negara Anggota NAM di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

"Dalam persekitaran global, kerajaan menyedari akan pentingnya teknologi-teknologi komunikasi maklumat, sekarang mereka dipaksa untuk berdepan dengan satu lagi tugas bagi menyediakan infrastruktur-infrastruktur yang berpatutan selain menyediakan sumber manusia

yang sesuai di dalam jangka masa yang pendek supaya tidak tertinggal," katanya.

Di samping itu, dengan menghadapi beberapa masalah yang tersebut, dasar-dasar awam yang termaktub dalam legislasi, rangka kerja institusional dan pengawalan di dalam negara-negara NAM perlu dinilai semula dan direformasi jika perlu, supaya ia lebih kondusif dan berkesan sebagai PPP, katanya.

Oleh itu tambahnya, enam isu utama perlu diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan program penswastan dan gandingan bijak sektor swasta dan awam.

Enam isu tersebut adalah membabitkan pemilikan aset, operasi dan pengurusan, akses pasaran, tarif perkhidmatan, insentif cukai dan fiskal serta perkongsian risiko dan pelonggaran.

Jelasnya, pemilik aset itu sejajar dengan kepercayaan dan pengawalan pelaburan serta orang yang meminjamkan bagi memastikan rancangan pelabur dapat dilaksanakan dengan risiko yang paling minimum.

Akses pasaran terhadap produk penjualan kepada orang ramai mestilah adil dengan perkhidmatan tarif yang boleh diterima pakai.

"Cukai insentif melibatkan pengecualian cukai dan levi serta galakan

Oleh
Abdullah
Asgar



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Wahab bin Juned menjelaskan bahawa penswastan dan perkongsian-private juga merupakan satu opsi dan daya penarik. - Gambar oleh Halim HS.



DATO Paduka Awang Haji Wahab ketika bergambar ramai bersama para peserta Mesyuarat Kumpulan Pakar Mengenai Reformasi NAM yang terdiri peserta dalam dan luar negeri sejurus merasmikan mesyuarat tersebut yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba. - Gambar oleh Masri Osman.

galakan yang lain terutama dalam tempoh sebelum projek mencapai pulangan modal," jelasnya.

"Manakala perkongsian risiko dan pelonggaran adalah sistem pengadilan dan perlindungan pelaburan yang mengikut undang-undang," tambahnya.

Menurutnya, perkembangan yang lalu menunjukkan jurang di antara keperluan prasarana dan pelaksanaan di negara membangun begitu meluas dan konsep penswastan belum dijadikan modal sepenuhnya, manakala gandingan sektor awam

dan swasta adalah satu pilihan kerana ia memudahkan pelaburan.

Mesyuarat tiga hari itu disertai oleh 26 perwakilan dari negara-negara NAM dan 20 dari Negara Brunei Darussalam di samping mengundang lima orang penceramah antaranya Sugihono Kadarisman dari Republik Indonesia; Puan Lumbini Baudhika Kulasekera dari Sri Lanka; Eric Teo Chu Cheow dari Republik Singapura; Abdul Rahman Turay dari Sierra Leone dan Dayang Hajah Zainab binti Haji Morshidi dari Negara Brunei Darus-



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bersama para pegawai kementerian tersebut sama-sama mendendangkan lagu istimewa untuk menghiburkan para penghuni Pusat Bahagia dan Taman Noorhidayah sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri. - Gambar oleh Masri Osman.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pusat Bahagia Taman Noorhidayah

BERAKAS, 14 Disember.

- Lebih 500 orang kanak-kanak dari Pusat Bahagia dan Taman Noorhidayah serta golongan kurang upaya seluruh negara berhibur dan bergembira dengan pelbagai persembahan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Oleh
Samle HJ

Majlis yang diselenggarakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga mendendangkan sebuah lagu istimewa kepada hadirin.

Persembahan nyanyian dan tarian oleh penghuni Taman Noorhidayah, persembahan Persatuan Orang-Orang Buta serta lawak jenaka oleh barisan pelawak popular, Awang Rais dan Dayang Kasum menjadi penyeri sambutan.

Pada kemuncak majlis, para hadirin berkesempatan menyaksikan majlis persandingan pasangan pengantin, bekas pelatih

Pusat Bahagia, Awang Mat Takip dan Dayang Faridah yang kemudiannya disusuli Majlis Menepung Tawar mempela oleh tetamu kehormat.

Program tahunan itu merupakan sebahagian usaha jabatan berkenaan bagi sama-sama memberi keprihatinan dan sokongan kepada masyarakat kurang upaya di negara ini.

10 penuntut sertai Perkhemahan Belia di Sunburst

LAMBAK, 12 Disember. - Seramai 10 orang penuntut dari enam buah sekolah menengah di seluruh negara terpilih untuk mewakili negara dalam Perkhemahan Belia Sunburst (Sunburst Youth Camp) yang diadakan di Republik Singapura.

Program berkenaan merupakan acara tahunan yang dikendalikan oleh Singapore Technologies Endowment Programme (STEP) kali keempat sejak tahun 1998.

Perkhemahan yang dihasratkan untuk menambahkan pengetahuan dan mendalami kebudayaan serta masyarakat ASEAN juga menggalakkan belia (peserta) saling berinteraksi, bertukar pandangan

Oleh
Samle HJ

dan maklumat serta mengeratkan tali silaturahim.

Program ini berlangsung selama sembilan hari yang bermula pada 14 hingga 22 Disember.

Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Absah binti Haji Abdul Majid hadir di Majlis Membaca Doa Selamat dan Penyerahan Bendera kepada rombongan berkenaan di Bilik Persidangan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di Kampung Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Sepanjang menyertai program peserta setiap negara membuat taklimat atau 'presentation' mengenai peristiwa yang paling bersejarah dan menentang negara masing-masing.

Rombongan negara yang diketuai oleh Cikgu Ak. Md. Ariffin itu disertai oleh Asraf bin Haji Yusoff, Md. Mujeeb bin Hj. Taib, Md. Fariz bin Haji Matassan, Ak. Adi Ibnu Hataab bin Pengiran Haji Annuar, Azmi bin Haji Abd. Rahim, Dk. Nurul Hawa Hanani binti Pg. Haji Abd. Wahab, Hajah Aimi Diyana binti Haji Saifon, Siti Maisarah binti Haji Majid, Nurastina binti Md. Daud, Amy Zuriana binti Mahari, Norhidayati binti Haji Sulong dan Ak. Md. Fajar bin Pg. Anuar.



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Absah (tiga dari kiri) bergambar ramai bersama para guru dan penuntut yang terpilih mewakili negara di Perkhemahan Belia Sunburst di Republik Singapura, sejurus menyerahkan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Masri Osman.

‘S ETIAP anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani ataupun Majusi. Melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

Kenyataan yang kita hadapi ketika ini ialah meningkatnya gejala sosial di kalangan masyarakat terutamanya para belia. Masyarakat terlibat dengan pelbagai gejala sosial seperti pergaulan dan seks bebas, penyalahgunaan dadah, minum arak, berkelakuan samseng, mencuri, berjudi, ponteng sekolah, melawan guru dan ibu bapa, samseng mahram, penderaan dan lain-lain lagi.

Mengikut sesetengah pendapat meningkatnya gejala sosial ini antara lain dipengaruhi oleh cara hidup moden dan suasana persekitaran yang ada. Pada masa yang sama pengaruh globalisasi atau dunia tanpa sempadan dan

kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi juga sedikit sebanyak menyumbang kepada bertambahnya gejala tersebut.

Suasana persejajatan, pemodenan dalam masyarakat dan kecanggihan teknologi tidak dapat kita elakkan dalam kehidupan seharian. Mahu tidak mahu kita harus menghadapi kemajuan untuk mencapai kemajuan dan dapat berinteraksi serta bersaing dengan warga dunia yang lain.

Dalam hal ini kita harus bersedia menghadapi perubahan dan pengaruh-pengaruh yang semakin mencabar di masa hadapan. Masyarakat harus mempunyai benteng yang kukuh supaya dapat menghadapi hambatan-hambatan negatif yang dibawa bersama oleh kemajuan dan pemodenan.

Ke arah itu kesedaran dan kefahaman beragama dan disiplin diri di kalangan masyarakat hendaklah ditingkatkan. Pada masa yang sama nilai-nilai murni, adat resam, tatasusila dan budaya bangsa hendaklah juga ditankam kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan generasi muda.

ASUHAN BERMULA DI RUMAH

Pendidikan awal tidak formal bermula di rumah di bawah jagaan dan asuhan ibu bapa. Maka ibu bapalah orang pertama yang mendidik dan menjadi contoh kepada kanak-kanak. Sesuai dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas bahawa ibu bapalah yang mencorakkan gaya dan kehidupan masa hadapan mereka.

Kebanyakan kes sosial yang berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kefahaman beragama. Selain dari itu ia juga disebabkan oleh kurang pengawasan dan pemantauan dari ibu bapa dan keluarga, di samping tidak mempunyai disiplin dan jati diri yang kukuh.

Sebab itulah ibu bapa harus berperanan memberikan pendidikan agama secukupnya kepada anak-anak. Mereka juga mesti

OLEH SAHARI AKIM

memberikan contoh teladan yang baik dengan menekankan asuhan moral, disiplin dan mengamalkan nilai-nilai murni serta tatasusila bangsa.

Dalam Islam pendidikan dan asuhan sudah bermula sejak anak itu dalam kandungan lagi dengan pembawaan, sikap, amalan dan pemakanan ibu anak damit tersebut. Semua itu akan mempengaruhi perwatakan anak yang akan dilahirkan. Amalan baik yang dilakukan oleh ibu semasa mengandung insya-Allah akan membawa berkat kepada anak damit untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Apatah lagi setelah anak damit itu lahir, mereka akan mengikut dan mencontohi perbuatan ibu bapa serta keluarga terdekatnya lakukan. Dalam hal ini sememangnya ibu bapa yang mencorakkan gaya hidup anak-anak mereka seperti yang disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Pada masa yang sama pepatah orang-orang tua mengatakan ‘melentur buluh biarlah dari rebung’ juga membawa makna yang amat mendalam. Sememangnya anak-anak yang masih suci bersih dan belum banyak mengenal erti kehidupan itu mudah dibentuk dan diberikan tunjuk ajar. Mereka mudah mengikut dan mencontohi apa yang mereka lihat dan berlaku di sekeliling mereka.

DALAM Islam pendidikan dan asuhan sudah bermula sejak anak itu dalam kandungan lagi dengan pembawaan, sikap, amalan dan pemakanan ibu anak damit tersebut. Semua itu akan mempengaruhi perwatakan anak yang akan dilahirkan. Amalan baik yang dilakukan oleh ibu semasa mengandung insya-Allah akan membawa berkat kepada anak tersebut untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

MENANGANI ISU SOSIAL :

Tingkatkan kesedaran beragama, disiplin diri

bawa-bawa ke sekolah dan mempengaruhi pula pelajar lain. Ada juga sebilangan pelajar yang berkelakuan baik semasa di rumah tetapi menjadi nakal di sekolah kerana terikut-ikut dengan teman sebaya.

Dalam hal ini, semua pihak tidak seharusnya menuding jari menyalahkan antara satu dengan yang lain. Ibu bapa, pihak sekolah, agensi-agensi berkenaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat sekeliling harus sama-sama berperanan dan mengambil langkah bersepadu untuk menangannya.

Yang penting kita mesti sama-sama merangka strategi bersepadu untuk membendung gejala sosial tersebut agar tidak berleluasa dan menjadi lebih parah di kalangan masyarakat.

PERANAN SEKOLAH DAN MASYARAKAT

Di sekolah kanak-kanak mengikut pendidikan secara formal dari guru-guru yang mengajar mereka. Mereka dimastikan mengikut peraturan dan disiplin sekolah yang ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat masih ramai pelajar yang melanggar disiplin seperti ponteng sekolah, melawan guru, merokok, pemugut, terlibat dengan dadah, berkelakuan samseng dan sebagainya. Fenomena ini menghendaki perhatian dan strategi yang lebih berkesan untuk menangannya agar tidak menjadi lebih kritikal.

Bagaimanapun keadaan sedemikian tidak hanya patut dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah semata-mata. Terdapat sebilangan pelajar yang memang berkelakuan sedemikian semasa di rumah atau di luar ter-

Setentunya ia menghendaki gabungan pemikiran yang mantap dari semua pihak untuk melaksanakan dasar dan program-program yang berkesan. Selain dari itu ia juga memerlukan dana untuk melaksanakan program-program yang dirancang.

Program-program pula harus dibuat secara bersepadu dengan memberikan penekanan dari segi pengetahuan keagamaan dan moral, tatasusila, adat resam dan kebudayaan, kesedaran sivik, semangat patriotisme, jati diri dan kecemerlangan.

Ia juga harus melibatkan pelbagai peringkat sama ada kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan masyarakat umumnya. Perlaksanaannya juga harus menyeluruh baik

secara individu, unit keluarga, peringkat kampung, mukim, daerah dan kebangsaan.

KESEDARAN

Apa yang penting dan perlu disemaikan ialah kesedaran terhadap kesan dan bahaya gejala-gejala sosial tersebut bukan sahaja kepada diri pelaku malah kepada keluarga, masyarakat dan negara amnya.

Semua pihak boleh berperanan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan para belia. Jika kesedaran ini sudah tertanam dan menebal dalam diri seseorang maka mereka akan mempunyai kekuatan diri dan tidak akan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara negatif yang tidak diingini.

Menyentuh mengenai kesedaran ini, umpamanya sedari kecil kita dididik dan disedarkan bahawa najis itu kotor, busuk dan meloyakan. Sampai bila kita menganggapnya sedemikian kerana kita telah terdidik dan faham mengenainya. Seandainya masyarakat memandang jijik terhadap gejala-gejala sosial itu sama seperti mereka jijik terhadap najis maka setentunya mereka tidak akan menghampiri apatah lagi melakukannya.

Ke arah itu semua pihak hendaklah tampil ke hadapan untuk sama-sama memikirkan dan berusaha sambil membantu dan mendukung usaha kerajaan dan agensi-agensi berkenaan ke arah menangani masalah sosial di negara ini.



IBU bapa harus berperanan memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak agar bila dewasa nanti mereka akan menjadi generasi yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.



MENGISI masa lapang persekolahan dengan menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan seperti kelas mengaji atau membaca Al-Quran boleh mengelakkan anak-anak daripada melakukan gejala-gejala sosial.

Kebawah DYMM melawat Bangunan Kedutaan Brunei di Washington

WASHINGTON, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Bangunan Kedutaan Negara Brunei Darussalam yang terletak di International Court, North West Washington D.C. di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung dan dialu-alukan oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh dan pegawai-pegawai serta kakitangan kedutaan.

Baginda berada di Washington bagi keberangkatan kerja selama empat hari bermula 15 hingga 18 Disember.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghabiskan masa setengah jam untuk melawat sekitar bangunan tiga tingkat itu yang mengandungi ruang pejabat, bilik persidangan bilik perhubungan dan juga bilik Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat.

Seperti lazimnya, di samping melawat baginda juga berkesempatan untuk berinteraksi dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai kedutaan.

Sesungguhnya keprihatinan baginda berangkat melawat menampakkan keazaman baginda untuk melihat secara dekat akan pentadbiran pejabat kerajaan baginda sama ada di dalam mahupun di luar negara berjalan dengan efisien.

Tapak tanah bangunan itu mempunyai keluasan 41,755 kaki persegi dibeli oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1988 dengan harga AS\$647,202.00.

Dengan memakan belanja AS\$13,795,428.45 bangunan itu mula dibina pada Mei



1998 dan siap pada Julai 1999. Bangunan tiga tingkat itu mempunyai keluasan keseluruhannya 29,400 kaki persegi dan mula digunakan pada tahun 1999.

Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Washington mempunyai enam orang pegawai dari Negara Brunei Darussalam dan 16 orang kakitangan dari 'home based' di Washington.

Turut serta dalam lawatan baginda ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Laporan Haji Jaafar HI dan Aliddin HM
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD dan Hamadi HM
dari Washington



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melawat salah sebuah bilik sambil disebarkan penerangan oleh TYT Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh (atas).

BAGINDA ketika menerima junjung ziarah seorang pegawai kedutaan (bawah kiri).



BAGINDA semasa melawat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Washington (atas).

BAGINDA beramah mesra bersama TYT Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa melawat sekitar bangunan kedutaan dengan diiringi oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat.

Kebawah DYMM lawat Bangunan Baru Perwakilan Tetap Brunei di NY

Laporan Haji Jaafar HI dan
Aliddin HM

Gambar-gambar oleh Abdullah HAD
dan Hamadi HM dari New York

NEW YORK, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Bangunan Baru Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam yang terletak di 771 United Nations Plaza di sini.

Keberangkatan baginda dijunjung dan dialu-alukan oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor dan pegawai-pegawai serta kakitangan Perwakilan Tetap.

Baginda berada di sini sempena keberangkatan kerja baginda empat hari ke Amerika Syarikat yang meliputi lawatan ke Washington D.C, North Carolina dan New York (NY).

Baginda menghabiskan setengah jam melawat sekitar bangunan lima tingkat itu yang antaranya termasuklah lawatan ke ruang-ruang pejabat, bilik persidangan, bilik Perwakilan Tetap, bilik perhubungan, kewangan dan pentadbiran.

Selain melawat baginda juga berpeluang menyaksikan gambar-gambar semasa kemasukan Negara Brunei Darussalam ke PBB dan gambar-gambar Wakil-wakil Tetap terdahulu dan menyaksikan gambar-gambar yang memperlihatkan penandatanganan hubungan diplomatik bersama beberapa buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti lazimnya, di samping melawat baginda juga berinteraksi dan berbual mesra bersama beberapa orang pegawai dan kakitangan Perwakilan Tetap. Tidak syak lagi sesungguhnya keberangkatan baginda ini mencerminkan hasrat baginda untuk melihat jentera pentadbiran kerajaan baginda sama ada di dalam mahupun di luar negara berjalan dengan lincis dan efisien.



BAGINDA menerima junjung ziarah Pegawai Perwakilan Tetap sejour keberangkatan tiba.



BAGINDA ketika berkenan menandatangani buku pelawat.



BAGINDA semasa melawat bilik tempat bersembahyang (atas sekali) dan melawat sekitar bangunan baru itu (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa melawat Bangunan Baru Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di New York (atas).

Bangunan baru itu terletak berhadapan dengan Bangunan Ibu Pejabat PBB. Negara Brunei Darussalam menjadi ahli ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 September 1984 dan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam yang pertama ke PBB ialah Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin.

Juga menyertai baginda dalam lawatan itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Ter-

utama Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.



BAGINDA menyaksikan koleksi gambar-gambar Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam yang terdahulu yang diabaikan di bangunan baru itu.

Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Lebih 90 ribu junjung ziarah ke Istana Nurul Iman



HAJI SUHAILI ... "Saya setia ap tahun beraia ke Istana bersama keluarga untuk menjunjung ziarah dengan kerabat diraja."

PENGIRAN HAJAH BUDIAH ... "Raya tahun ini sangat meriah kami tidak melepaskan peluang untuk ke istana."



LINDIYA binti Linggat (kanan) dan Suzie binti Raden (kiri) dua remaja ini tidak melepaskan peluang berhari raya ke Istana Nurul Iman bersama keluarga. (atas).



HAFIZAH binti Masli dari Kampong Perpindahan Lambak Kanan, hampir setiap tahun junjung ziarah ke Istana Nurul Iman bersama keluarga sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Mencatatkan jumlah paling ramai tahun ini

Oleh Abdullah Asgar

LEBIH dari 90 ribu rakyat dan penduduk serta warga asing berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, mencatatkan jumlah paling ramai dari tahun-tahun sebelumnya.

Menurut salah seorang pengunjung warga tua Awang Haji Suhaili bin Abdul Rahman, 56 tahun berasal dari Kampong Batu Marang, Mukim Mentiri, Hari Raya Aidilfitri tahun ini di Istana Nurul Iman sangat meriah memandangkan rakyat dan penduduk terus mengunjungi istana untuk menjunjung ziarah ke hadapan raja yang penyayang dan pemedulia kepada rakyatnya.

Beliau yang baru bersara dari perkhidmatan kerajaan hampir setiap tahun berkunjung ke istana semata-mata untuk junjung ziarah ke hadapan majlis

baginda yang hanya setahun sekali dibukakan untuk kunjungan orang ramai.

"Bagi saya sambutan Hari Raya tahun ini lebih meriah jika dibandingkan dari tahun-tahun yang sudah kerana pengunjung ke istana terus bertambah tidak kira apa bangsa pun malah penduduk negara jiran pun mengambil kesempatan berkunjung ke istana," katanya.

Tambahnya, suasana di rumah beliau juga meriah tahun ini berbanding tahun lalu kerana sanak saudara yang jauh datang mengunjunginya sekeluarga dan sambutan juga lebih bermakna kerana keluarganya mengadakan rumah terbuka.

Pengiran Hajah Budiah binti Pengiran Haji Ahmad yang sudah berusia 64 tahun juga merasakan

kemeriahan berhari raya ke Istana Nurul Iman kerana pertama kali menyaksikan pengunjung yang begitu ramai.

Beliau yang berasal dari Kampong Mentiri berkunjung ke istana bersama anak-anak dan cucu serta anak menantu yang hampir 20 orang secara rombongan dengan menaiki beberapa buah kenderaan peribadi.

Katanya, berkunjung ke istana semasa Hari Raya semacam kemestian bagi dirinya dan keluarga kerana waktu itulah beliau berpeluang ke istana dan melihat keindahan serta bersalaman ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat diraja yang lain.

"Di rumah, di Kampong Mentiri suasana juga meriah kerana banyak saudara mara berkunjung dan ada kalanya kerusi tidak mencukupi disebabkan menerima kunjungan yang terlalu ramai," tambahnya.

Sementara itu, Awang Muhd. Supian bin Sabli seorang penduduk dari Kampong Setia 'A' di Kampong Ayer menyifatkan sambutan Hari Raya di istana tahun ini juga sangat meriah dengan bertambahnya jumlah orang ramai datang untuk junjung ziarah.

Menurutnya keramaian sebegini tidak pernah dilihatnya di tahun-tahun yang lalu walaupun tahun ini merupakan kunjungan pertama kali ke istana bersama keluarga.

"Walaupun saya tidak setiap tahun berkunjung ke istana untuk berhari raya namun raya tahun ini, saya sekeluarga sepakat untuk



MUHD. SUPIAN ... Dapat bersalaman bersama Sultan di Hari Raya merupakan satu pengalaman yang manis.

berkunjung ke istana bersama-sama rakyat dan penduduk yang lain berhari raya," katanya.

Bagi saya dan keluarga Hari Raya tahun ini sungguh meriah dan bermakna kerana berkesempatan ke istana untuk junjung ziarah bersama sultan yang penyayang," jelasnya.

Kepenatan berbaris hilang bila melihat kemesraan kerabat diraja

Oleh Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh Halim HS

BERBARIS dan berdiri dalam jangka masa yang lama mungkin tidak semua orang dapat melakukannya, tetapi dengan semangat yang kuat untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta ahli-ahli kerabat diraja tidak mematahkan semangat kepada beberapa orang remaja yang menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Remaja yang berusia 14 tahun, Nurhafizah binti Sofri yang berasal dari Kampong Tungku merasa gembira menjunjung ziarah ke istana dan berjumpa dengan lebih dekat lagi kerabat-kerabat diraja.

Beliau yang datang bersama keluarga memang

merancang setiap tahun untuk menjunjung ziarah ke istana kerana tertarik dengan keramahan dan kemesraan, di samping ingin melihat lebih dekat lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sementara Asreene binti Haji Ahat yang berusia 12 tahun juga berasal dari Kampong Tungku berpendapat berhari raya ke istana semacam satu kemestian keluarganya setiap tahun.

"Selain dari dapat menikmati pelbagai juadah hari raya, kami juga dapat menyaksikan dengan lebih dekat lagi keindahan dan kemeriahan Hari Raya di istana," jelasnya gembira.

Dua lagi remaja yang berusia 15 tahun iaitu Lindiya binti Linggat dari Jalan Kebangsaan dan Suzie binti Raden dari Kampong Jerudong menjelaskan, mereka datang se-

awal pukul tujuh pagi bersama keluarga semata-mata untuk junjung ziarah kepada kerabat-kerabat diraja, walaupun istana mula dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Seperti ribuan pengunjung yang lain mereka juga kagum dan gembira atas layanan baik yang diberikan kepada orang ramai, tidak kira bangsa dan agama yang menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja.

Selain dari menikmati juadah Hari Raya, pengunjung juga disediakan kerusi sambil menyaksikan siaran televisyen sebelum berbaris mengikut giliran bagi menjunjung ziarah, jelas mereka.

Kami juga amat kagum dengan kemesraan dan senyuman yang diberikan oleh kerabat-kerabat diraja apabila kami menjunjung ziarah, jelas kedua-dua remaja ini.

Manakala Dayang Hafizah binti Masli, juga berusia 15 tahun berasal dari Kampong Perpindahan Lambak Kanan, berkunjung ke istana bersama ibu dan ibu saudara.

Beliau menjelaskan berkunjung ke istana semacam satu kemestian setiap tahun menjelang Syawal. "Saya gembira melihat orang ramai dari dalam dan luar negeri berpusu-pusu berkunjung ke istana semasa Hari Raya ini," jelasnya.

Seperti orang lain, remaja ini amat bersyukur ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana berkenan mengurniakan titah bagi membuka dan memberikan

peluang rakyat dan penduduk serta pengunjung luar negeri untuk junjung ziarah bagi mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' ke hadapan majlis

baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Semoga pengurniaan baginda itu akan berterusan sampai bila-bila, jelasnya.



NURHAFIZAH binti Sofri (kiri) dan Asreene binti Haji Ahat, kedua-duanya dari Kampong Tungku merasa gembira berhari raya ke Istana Nurul Iman.

Sempena Hari Raya Aidilfitri

SUASANA dan cara sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri pada alaf baru ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan suasana sambutan pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an yang lampau.

Bermula dengan menghias rumah, penyajian hidangan makanan, fesyen berpakaian, kunjung-mengunjungi dan sebagainya jauh berbeza. Namun begitu suasana kegembiraan dan kerian menyambutnya sentiasa terbayang sebagai melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah selepas menunaikan ibadah puasa sebulan.

Rasa kesyukuran itu pula berlanjutan dengan kegembiraan menyambut Hari Raya dengan kunjung-mengunjungi dan bermua-maafan yang tidak secara langsung akan mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan dan silaturahim yang sememangnya dituntut dalam Islam, sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam At-Tarmizi yang bermaksud;

"Hubungan silaturahim adalah jalinan daripada Tuhan yang Maha Pengasih. Slapa yang menyambungnya, Allah juga berhubung dengannya dan slapa yang memutuskan hubungan dengannya."

Semasa Hari Raya inilah, peluang yang terbaik masyarakat Islam untuk mengukuhkan hubungan per-

Sambutan Hari Raya sentiasa mengalami perubahan

OLEH HAJI AHAT HI

saudaraan sesama Islam selain kesempatan untuk kunjung-mengunjungi sambil bergembira.

Menyorot kepada suasana dan cara sambutan Hari Raya masa kini, kalangan orang ramai menyatakan sambutan amat berbeza di mana pada 30 tahun dan 40 tahun yang lampau Hari Raya disambut dengan seadanya saja.

Menurut Awang Haji Abdul Rahman, kedai-kedai yang membuat pakaian dan menjual keperluan-keperluan asas amat namun terbatas, namun Hari Raya tetap meriah terutama di Kampong Ayer, sesiapa saja bebas mengunjungi rumah terbuka diistilahkan sebagai 'melanggar'.

Melanggar (mengunjungi rumah-rumah) katanya, amat popular di Kampong Ayer dengan ramai orang mengunjungi setiap rumah tanpa mengira rumah siapa dan tuan rumah pula dengan senyum gembira memelihara singgah ke rumah-rumahnya.

"Jadinya waktu Hari Raya di Kampong Ayer itu nampak meriah dengan ramai orang datang silih berganti dan dihidangkan dengan kuih-muih yang cukup sederhana. Dalam pada itu terdapat juga rumah-rumah yang menyediakan kek yang dipanggil 'kepala meja'."

"Siapa yang memotong dan memakan kek kepala meja ini tambahnya, orang itulah yang berhajat kepada"

da anak dara yang terdapat di dalam rumah itu. Berlainan pula zaman sekarang perkara seumpama itu tidak lagi terdapat," jelasnya.

Pandangan itu diakui oleh Awang Haji Salleh yang menyatakan bahawa perubahan itu adalah disesuaikan dengan perkembangan sekarang yang nyata serba maju dan canggih.

Kemudahan infrastruktur dan tempat tinggal yang moden ketika ini katanya, banyak memberikan pengaruh kepada perubahan-perubahan generasi sekarang.

Katanya, trend masa kini umpamanya, Hari Raya terbatas kepada kalangan keluarga, sahabat handai dan jiran yang diserikan dengan hidangan 'open house'. Open house biasanya menghidangkan hidangan-hidangan basah selain kuih-muih.

Di samping itu katanya, open house, juga sering diadakan sepanjang Hari Raya dengan menjemput rakan-rakan sekerja atau sepejabat. Cara ini dilihat sebagai mengeratkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin.

Seperkara lagi yang menarik perhatian dalam meraihan Hari Raya ialah berpakaian cara Melayu yang begitu manis dipandang dan begitu juga baju kurung lengkap dengan tudung.

Dayang Hajah Mariam ketika ditanya menyatakan, cara berpakaian semasa Hari Raya di zaman ini sungguh menarik dengan fesyen-fesyen terbaru bersama tudung di kepala, berbanding semasa di zamannya yang serba ala kadar saja.

Pandangannya itu turut

dikongsi sama oleh adik iparnya Dayang Hajah Asnah yang menyatakan kedai-kedai menjahit pakaian begitu banyak dan bebas untuk membuat pilihan.

Berdasarkan kepada pengalaman dan pandangan ini nyata sekali sambutan Hari Raya akan terus mengalami arus perubahan demi perubahan. Dalam pada itu, perbe-

lajaan kewangan juga memainkan peranan bagi memenuhi kehendak-kehendak persiapan termasuk persiapan untuk anak-anak.

Apa pun cara dan keinginan dalam menyambut Hari Raya ini pembaziran amat perlu dihindarkan bagi mengelakkan bebanan yang akan ditanggung selepas Hari Raya.



MENGUNJUNGI rumah semasa Hari Raya di Kampong Ayer pada tahun 60-an dan 70-an itu disebut dengan istilah 'melanggar'... jelas Awang Haji Abdul Rahman.




"OPEN house" semasa Hari Raya merupakan satu cara dalam mengeratkan lagi hubungan persahabatan... Awang Haji Salleh



"CARA Melayu dan baju kurung lengkap dengan tudung nampak menarik dipakai semasa Hari Raya..." Dayang Hajah Mariam.



"KEDAI menjahit pakaian yang banyak ketika ini, menjadikan orang ramai membuat pilihan bebas..." Dayang Hajah Asnah.



MEREKA yang berkunjung ke rumah-rumah dijamu dengan hidangan kuih-muih.



KUNJUNG-MENGUNJUNGI semasa Hari Raya merupakan tradisi yang menjadi amalan dalam memeriahkan suasana Hari Raya.

Gembira bertemu raja yang dikasihi

SEGENAP lapisan masyarakat meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kegembiraan, lebih-lebih lagi apabila berkunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Istana Nurul Iman.

Kegembiraan bertemu raja yang dikasihi dengan lebih dekat lagi adalah perkara yang dinantikan oleh setiap penduduk di negara ini, terutamanya bagi golongan kanak-kanak.

Oleh Siti Aishah HS

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli kerabat diraja sempena Hari Raya, walaupun beliau sudah menunggu sekian lama untuk berziarah.

Ini jelas menggambarkan kesungguhan untuk bertemu raja yang dikasihi tidak pernah luntur, walaupun terpaksa mengambil masa yang lama kerana peluang sedemikian hanya hadir setahun sekali.

Sementara itu, seorang budak perempuan yang berusia 10 tahun, Dayang Nurhidayah binti Ramli berasal dari Kampong Lamunin Tutong, merakamkan rasa syukur dan melahirkan rasa gembira kerana berpeluang berkunjung ke istana dan pada tahun ini kali kelima beliau sekeluarga menziarahinya.

Nurhidayah menyatakan, dengan adanya pemberian sagubati daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, beliau dapat membeli serba sedikit keperluan peralatan sekolah untuk persediaan awal persekolahan yang akan menjelang tidak lama lagi.

Sesungguhnya kemajuan dan kepesatan yang dialami oleh Negara Brunei Darussalam tidak menjelaskan hubungan baik dan harmoni bersama raja yang prihatin serta kasih terhadap rakyatnya.

Sehubungan dengan itu tradisi berkunjung ziarah di Istana Nurul Iman setiap tahun ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja lainnya merupakan kenangan manis dan saat yang terbaik dalam menjalin hubungan muhibah antara rakyat dan pemimpin, katanya.



DAYANG Nurhidayah merakamkan rasa syukur dan gembira kerana berpeluang berkunjung ke Istana.



PERJALANAN jauh tidak menghalang Dayang Yu Hui Wen, berkunjung ke Istana Nurul Iman.

Brunei sokong usaha PBB

Dari muka I

Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli ke-159 pertubuhan badan dunia itu pada 21 September 1984. Baginda sendiri telah berangkat ke New York sempena kemasukan Brunei dan juga berkenan mengurniakan titah sulung di badan dunia itu.

Selain itu baginda juga berangkat menghadiri sambutan ulang tahun ke-50 Penubuhan PBB pada tahun 1999 dan menghadiri Sidang Kemuncak Milenium pada tahun 2000.

Sejak menyertai PBB 19 tahun lalu, Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang positif dengan masyarakat antarabangsa da-

lam menangani isu-isu sejagat dan global.

Selain itu Negara Brunei Darussalam juga pernah dilantik menjadi Pengerusi Perhimpunan Agung PBB Ke-44 (UNGA) pada tahun 1990.

Hadir sama dalam perjumpaan itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Yahya; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Tuan Yang Terutama Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menembak menggunakan pistol ketika baginda berkenan melawat Pangkalan Tentera Fort Bragg di North Carolina, Amerika Syarikat. - (Berita lanjut di muka 4).

Timbalan Sultan rasmi Jubli Emas Kg. Bunut

BUNUT, 23 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan telah berkenan berangkat merasmikan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kampong Bunut Perpindahan dan Perasmian Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan di sini.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menyempurnakan penyampaian Penghargaan dan Cenderamata kepada Bapa Perpindahan Kampong

Oleh Samle HJ
Bunut, Ketua Kampong Bunut Perpindahan yang pertama, Allahyarham Awang Haji Halus bin Abdul Samad, bekas Ketua Kampong Pertama dan Kedua, pasangan pengantin pertama, anak pertama lahir dan anak pertama kelahiran kampung berkenaan yang mendapat ijazah.

Selepas melancarkan Buku Kecil Sejarah kampung berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menyaksikan pameran

gambar-gambar kampung tersebut dan Jabatan Kemajuan Perumahan.

Kemudian, Timbalan Sultan berkenan merasmikan Klinik Kesihatan Jubli Emas kampung itu dengan berkenan menandatangani 'plaque' dan seterusnya berkenan menyaksikan pameran kesihatan dan melawat secara dekat kemudahan bilik-bilik klinik berkenaan.

Duta Korea mengadap

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Kim Ho-Tai, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Kim Ho-Tai akan menamatkan perkhidmatannya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah para ahli Persatuan Wanita Brunei Shell sejurus tiba di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), Seria dalam Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan menerima mengadap TYT Kim Ho-Tai, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke negara ini.

sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis

Dari muka I

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan tawaran TYT Presiden Bush untuk membantu Negara Brunei Darussalam dalam pengembangan kapasiti menghadapi ke-

TYT Presiden Amerika Syarikat dalam pada itu melahirkan terima kasih kepada Negara Brunei Darussalam dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan bagi membangun semula Afghanistan.

Baginda dan TYT Presiden Bush mengalu-alukan perkembangan dalam hubungan keselamatan dua hala antara kedua-dua negara dan menegaskan akan terus meningkatkan kerjasama dalam bidang berkenaan.

Bagi memperdalamkan lagi persefahaman antara kedua-dua negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Amerika Syarikat berjanji untuk meningkatkan peluang-peluang kepada penuntut-penuntut Brunei, pegawai-pegawai kerajaan dan juga ahli-ahli profesional untuk menuntut dan menjalani latihan di Amerika Syarikat.

Ke arah tujuan itu, TYT Presiden Bush mengumumkan penubuhan Program Fulbright di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kenyataan ber-

sama itu, baginda mengalu-alukan Inisiatif Perusahaannya bagi ASEAN (EAI) yang dikemukakan oleh TYT Presiden Bush baru-baru ini. Inisiatif berkenaan akan dapat meningkatkan promosi pelaburan, perkembangan ekonomi perdagangan bebas antara Amerika Syarikat dan ASEAN.

Dalam hubungan itu, baginda dan TYT Presiden Bush mengalu-alukan penandatanganan Perjanjian Rangkakerja Perdagangan dan Pelaburan Dua Hala (TIFA) yang ditandatangani di sini. TIFA akan menyelesaikan landasan bagi meningkatkan pelaburan, perdagangan dan kerjasama ekonomi antara Bandar Seri Begawan dan Washington bagi menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21. Kedua-dua buah negara berkenaan bersetuju bagi menyelaras secara serantau dan pelbagai hala serta bagi menjayakan Agenda Pembangunan Doha.

Kedua-dua pemimpin dalam kenyataan bersama itu bersetuju mengenai pentingnya Forum Serantau ASEAN (ARF) dan APEC dalam mempromosikan kemakmuran dan kestabilan serantau.

TYT Presiden George W. Bush mengalu-alukan sokongan Negara Brunei Darussalam dalam pembentukan inisiatif STAR.

Berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

SERIA, 22 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bersama ahli-ahli Persatuan Wanita Brunei Shell yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) Jalan Tengah di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Keberangkatan tiba baginda dan ahli-ahli kerabat diraja di Padang Arena telah dijunjung oleh Yang Di-pertua persatuan berkenaan, Datin Paduka Dayang Hayati; Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Chris Finlayson dan isteri serta Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah dan isteri.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan semasa merasmikan Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan sempena Sambutan Jubli Emas kampung tersebut. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BRUNEI GRAND SALE (BGS) 2002
1 NOVEMBER 2002 - 31 JANUARI 2003

LEBIH dua minggu sudah kita merayakan sambutan Hari Raya Aidilfitri, namun bahangnya masih terasa sehingga kini, malahan bahang tersebut akan terasa selagi bulan Syawal belum sampai ke penghujung.

Rasa kegembiraan ini merupakan satu hadiah yang paling istimewa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-Nya yang menunaikan perintah dengan sempurna dan bergembira pada Hari Raya Aidilfitri.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala mengandungi banyak manfaat-manfaat yang perlu diambil perhatian, agar manfaat itu tidak hilang begitu sahaja disebabkan kesibukan kita kerana terlalu memeriahkan sambutan.

LAUGAN KALIMAH

Antara manfaat yang boleh kita gariskan di sini ialah seperti kedatangan Aidilfitri ini hendaklah disambut dengan ucapan-ucapan dan kalimah-kalimah Allah seperti bertakbir, bertahmid dan bertahlil bagi memecahkan kesunyian dan melemparkan syaitan-syaitan yang terkutuk, sama ada kita lakukan secara berkumpulan dengan hadir ke masjid-masjid, surau-surau atau balai-balai ibadat, bersama keluarga dan sebagainya.

Kegembiraan menyambut Hari Raya tersebut bukanlah diukur dan bergantung kepada banyaknya makanan, pakaian yang cantik-cantik dan hiasan yang mahal-mahal.

Menurut artikel 'Menuju Keredaan Allah' yang diterbitkan oleh PELITA BRUNEI menyatakan bahawa ucapan takbir yang kita kumandangkan pada malam Hari Raya itu mengandungi dua makna iaitu menyambut kedatangan bulan Syawal yang mulia dan menunjukkan kesedihan dan keharuan kita bulan Ramadan yang mubarak.

Daripada keterangan itu kita memahami bahawa mengumandangkan dengan kalimah-kalimah Allah pada malam Hari Raya itu lebih afdal daripada kita sibuk dengan mengias rumah sehingga ke pagi. Sepatutnya kita boleh merancang lebih awal bagi membuat persediaan-persediaan bagi menyambut kedatangan hari lebaran itu sebelum datangnya bulan Ramadan lagi.

Perkara ini dikuatkan lagi dengan saranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa umat Islam menyambut Hari Raya ini sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Thabarani yang bermaksud: "Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir, tahlil, tahmid dan taqdis (mengingati dan mengagungkan Allah Subhanahu Wataala)."

OLEH HAJI AHMAD HS

PUASA SUNAT ENAM

Dalam kegairahan kita menyambut Hari Raya, kita jangan lupa bahawa terdapat satu tuntutan yang perlu kita lakukan sepanjang bulan Syawal iaitu melakukan ibadah puasa sunat enam iaitu puasa enam hari dalam bulan Syawal.

Ini ditekankan oleh sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang bermaksud: "Barang siapa berpuasa bulan Ramadan kemudian ia puasa pula enam hari pada bulan

Syawal adalah seperti berpuasa sepanjang masa."

Ganjaran yang begitu tinggi nilainya yang diberikan oleh Allah itu perlu kita rebut dengan semangat yang tinggi, kerana dalam bulan ini kita akan menghadapi pelbagai ujian lagi selain ujian di bulan Ramadan iaitu ujian keadaan sekeliling yang lebih mencabar keimanan kita, yang mana orang lain sedang menjamu pelbagai hidangan yang sedap, sedangkan kita dalam melakukan ibadah puasa sunat enam. Dengan keimanan dan ke-

Hari Raya Aidilfitri hadiah istimewa



KUNJUNGAN ke Istana Nurul Iman sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri memperlihatkan bahawa hubungan raja dan rakyat sentiasa kukuh, di samping dapat memperkenalkan raja dan kerabat baginda secara lebih dekat kepada anak-anak agar mereka tahu siapa raja dan pemimpin negara ini.

Konsep 'rumah terbuka' ini bukanlah terhad di kalangan mereka yang berada sahaja, malahan semua peringkat yang mampu untuk mengadakannya dengan tujuan antara lain untuk merapatkan lagi hubungan silaturahmi baik di kalangan sanak saudara terdekat malahan sanak saudara yang jauh, sahabat handai dan sebagainya.

RUMAH TERBUKA

Sepanjang bulan Syawal ini kita menyambut hari lebaran ini, kita sering mendengar atau kita sendiri akan mengadakan 'rumah terbuka'. Bagi kita di Negara Brunei Darussalam konsep 'rumah terbuka' sudah menjadi kebiasaan apabila menjelang 1 Syawal sehingga penghujung bulan Syawal.

pergaduhan yang tidak disangka di kalangan anak-anak kita, padahal anak-anak yang bergaduh itu sebenar mempunyai hubungan persaudaraan antara mereka.

Istana Nurul Iman yang dibuka bagi kunjungan orang ramai, penduduk dan rakyat negara ini selama tiga hari mencerminkan bahawa konsep terbuka itu bukan sahaja diadakan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini malahan peringkat raja dan pemimpin negara.

Dengan adanya kunjungan ke Istana Nurul Iman telah memperlihatkan bahawa hubungan raja yang dikasihi bersama rakyat itu

adalah penting. Di sinilah kita dapat memperkenalkan raja dan kerabat baginda kepada anak-anak dan cucu-cucu kita agar mereka tahu siapa raja dan kerabatnya. Secara tidak langsung kita juga dapat menjelaskan bahawa tempat yang kita kunjungi ini adalah tempat bersemayam dibawah Duli Yang Maha Mulia bersama keluarga baginda dan Istana Nurul Iman ini juga merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

DUIT RAYA
Sudah menjadi tradisi

Kita juga perlu menjelaskan kepada mereka bahawa tujuan orang yang menghulurkan pemberian wang merupakan tanda keikhlasan mereka. Dalam hubungan ini sama ada pemberi atau penerima perlulah mengambil manfaat daripadanya. Si penerima pula seharusnya mengucapkan terima kasih dan lebih baik mendoakan orang yang memberi itu sekurang-kurangnya murah rezeki dan sihat walafiat, agar kedua-dua mendapat pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala.

Semoga segala yang kita lakukan ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan dapat bertemu di Ramadan dan bulan Syawal akan datang, Amin Ya Rabbal A'lam.

kita di negara ini sebagai kanak-kanak merupakan yang paling gembira kerana setiap kunjungan mereka akan diberi sampul surat berisi wang. Dalam keadaan itu memanglah kita berkunjung ke rumah-rumah bukanlah berhasrat untuk mendapatkan pemberian tersebut, malahan niat sebenarnya adalah untuk memohon kemaafan dan mengeratkan lagi tali silaturahmi.

Dalam perkara ini kita selaku ibu bapa kepada anak-anak atau cucu-cucu kita seharusnya menjelaskan kepada mereka tujuan sebenar kita berkunjung ke rumah sanak saudara, sahabat handai adalah untuk memohon kemaafan di atas kesalahan secara tidak sengaja.

Kita juga perlu menjelaskan kepada mereka bahawa tujuan orang yang menghulurkan pemberian wang merupakan tanda keikhlasan mereka. Dalam hubungan ini sama ada pemberi atau penerima perlulah mengambil manfaat daripadanya. Si penerima pula seharusnya mengucapkan terima kasih dan lebih baik mendoakan orang yang memberi itu sekurang-kurangnya murah rezeki dan sihat walafiat, agar kedua-dua mendapat pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala.

Semoga segala yang kita lakukan ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan dapat bertemu di Ramadan dan bulan Syawal akan datang, Amin Ya Rabbal A'lam.

Sastera & Budaya

Asal Usul Kerajaan Brunei Awal Berdasarkan Tradisi Lisan

PENDAHULUAN

OLEH DZUL

TRADISI lisan adalah suatu cerita yang disampaikan dari mulut ke mulut dari satu generasi ke satu generasi. Ia merupakan suatu kaedah yang amat penting dan bermanfaat untuk mengetahui mengenai cerita-cerita atau kisah-kisah yang berlaku pada dahulu kala seperti mengetahui asal usul sesebuah negeri dan salasilah atau keturunan raja-raja.

Dalam erti kata yang lain, tradisi lisan dikenali juga sebagai cerita rakyat. Tradisi lisan atau cerita rakyat ini mempunyai hubungan dengan sejarah, sosiologi dan psikologi.

Terdapat tiga peringkat dalam penglibatan untuk menyelidiki atau meneliti tradisi lisan itu iaitu dengan pengumpulan data, pengarkiban dan pemeriksaan atau pembelajaran data.

Kepentingan tradisi lisan ini amat signifikan sekali kerana pada masa dahulu iaitu sebelum pendidikan formal diperkenalkan terdapat peristiwa atau berlaku sesuatu yang dianggap penting dan bersejarah. Maka peristiwa itu akan disampaikan dengan cara turutan iaitu dengan secara lisan sahaja kerana pada masa itu kemudahan alat tulis belum lagi begitu dikenali dengan begitu meluas.

Walaupun bagaimanapun dari pertuturan tersebut, peristiwa itu akan diingati oleh seseorang yang mendengar cerita atau kisah yang telah diceritakan itu sehingga kisah tersebut berkesinambungan diceritakan dari satu zaman ke satu zaman dan kemudiannya kisah yang bersejarah itu ditulis lalu dibukukan setelah bertahun-tahun dan berabad-abad lamanya sehinggalah kisah tersebut menjadi sebahagian daripada sejarah legenda bagi masyarakat Brunei.

Menurut Lauri Honko, istilah tradisi merujuk khusus pada bahan iaitu unsur-unsur budaya yang tidak tersusun yang dapat digunakan oleh satu kelompok sosial tertentu pada masa dan konteks yang berlainan.

Manakala Dan Ben-Amos pula mengatakan istilah tradisi pula merupakan sebagai kelompok (tradition as mass). Ini bererti tradisi itu merupakan sebagai khazanah dan hanya beberapa bahan sahaja yang dimanfaatkan pada masa-masa tertentu dan yang lain tersimpan dalam ingatan manusia untuk digunakan atau berkemungkinan bahan-bahan itu menghadapi kepupusan kerana kurangnya kegunaan dan fungsi. Dengan itu, pengumpulan dan pendokumentasian tradisi lisan sangat penting memandangkan kepentingannya kepada identiti budaya kebangsaan, etnik dan daerah khususnya dan budaya dunia amnya.

Untuk mengetahui mengenai sejarah Brunei awal, tradisi lisan merupakan satu sumber sejarah yang penting yang banyak mengandungi sejarah-sejarah awal dan boleh membantu melengkapkan sejarah. Tradisi lisan seharusnya mempunyai ketulen, kemunasabahan, ketepatan dan kebenaran dari orang-orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada dalam penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu ataupun sekadar menyaksikan yang kemudiannya dirakamkan dan ditulis lalu dijadikan sebagai sumber rujukan atau sejarah.

Peristiwa yang penting dan bersejarah itu perlu ditulis demi untuk menguatkan, membenarkan dan mengesahkan sesuatu interpretasi sejarah dan sebagainya daripada ia diingati yang boleh menyebabkan kesan negatif seperti faktor lemah ingatan yang boleh melemahkan bukti peristiwa tersebut.

Tradisi lisan di Brunei mengambil peranan yang penting dalam proses kesinambungan budaya masyarakat Melayu Brunei, baik ia dilakukan secara bercerita (tuturan), gerak geri, cerita rakyat, sistem kehidupan mahupun dalam aspek lain.

Walaupun di Brunei sekarang ini terdapat beberapa hasil karya yang ditulis seperti syair, pantun cerita rakyat, adat dan kepercayaan namun kebanyakannya adalah ditulis melalui tradisi lisan. Tradisi lisan ini bukannya merupakan suatu hasil yang muktamad, bahkan ia merupakan sesuatu yang masih dan boleh dikaji semula, dianalisa dan ditafsirkan oleh penggunanya.

ASAL USUL BRUNEI

Majoriti tradisi lisan banyak mengandungi unsur-unsur dongeng iaitu mitos dan legenda seperti dalam

Syair Awang Semaun iaitu satu-satunya sumber tempatan yang menceritakan mengenai peneemuan awal atau asal usul Kerajaan Brunei yang ada sekarang ini.

Syair ini lebih dikenali dalam bentuk cerita rakyat seperti di kalangan masyarakat Kelabit. Syair ini juga dipertuturkan melalui tradisi lisan yang menceritakan mengenai asal usul negeri Brunei yang diperintah oleh seorang raja yang bernama Awang Alak Betatar. Awang Alak Betatar merupakan anak yang sulung dan dikatakan mempunyai seramai tiga belas orang adik-beradik iaitu Awang Semaun, Pateh Marbai (Berbai), Pateh Mambang, Pateh Tuba, Pateh Sangkuna, Pateh Manggurun, Pateh Malakai, Pateh Pahit, Damang Sari, Pateh Sindayung, Demang Lebar Daun, Hapu Awang dan Pateh Laila Langgong.

D.E. Brown telah menceritakan mengenai asal usul Kerajaan Brunei awal yang dipetik dari cerita melalui Awang Salleh Mohammad bin Pateh Jalil di Brunei pada tahun 1967 yang hampir keseluruhannya mengandungi unsur-unsur mitos dan legenda. Beliau telah mengatakan bahawa Kerajaan Brunei telah ditemui oleh empat belas orang adik-beradik yang bersifat kepahlawanan dan dikatakan berketurunan atau berasal dari alam dewa-dewa (terdapat unsur pengaruh Hindu). Ayah mereka adalah seorang dewa di kayangan yang kononnya berasal dari sebiji telur emas yang gugur dari kayangan lalu runduk di Ulu Sungai Limbang atau Ulu Limbang.

Selang beberapa lamanya telur itu berpecah kepada empat bahagian lalu muncullah seorang anak muda yang dikatakan ayah kepada Awang Alak Betatar iaitu Sultan Ahmad Dewa Amas Kayangan (SADAK). Setelah beberapa lamanya SADAK itu pun kemudiannya berkahwin dengan seorang gadis Murut yang dikatakan tinggal di Kampong Ulu Limbang.

Setelah lama berkahwin, isterinya pun mengandung tiga bulan, isterinya kemudiannya mengidam sangat hendak memakan daging tembadau. SADAK terpaksa menuruti kehendak isterinya dengan pergi berburu dan membawa senipit sebagai alat untuk berburu. Sebelum SADAK pergi berburu, baginda sempat memberikan sebetuk cincin kepada isterinya.

Ketika berburu SADAK menjumpai seekor tembadau dan dengan tidak berfikir lagi baginda pun membalikkan senipitnya itu lalu terkena pada badan tembadau berkenaan. Kemudian tembadau tersebut melarikan diri berserta senipit yang melekat pada badan tembadau itu dan SADAK terus mengejar tem-

badau tersebut melalui kesan darah tembadau itu.

Dalam perjalanan mengikuti jejak atau kesan tembadau itu, dengan tidak sedar dan semena-mena SADAK tiba di sebuah kampung yang tidak dikenalnya. Di kampung itulah baginda tinggal lalu berkahwin dengan seorang anak gadis kampung itu.

Setelah lama berkahwin, isterinya itu pun mengandung. SADAK kemudiannya meneruskan perburuannya itu demi untuk mendapatkan tembadau yang menjadi idaman isterinya untuk dimakan dan sebelum berburu baginda meninggalkan sebetuk cincin juga kepada isterinya yang kedua itu dan begitulah seterusnya sehinggalah empat belas kali SADAK berkahwin dan setiap perkahwinannya itu melahirkan seorang putera.

Akhirnya SADAK pun kembali semula ke kayangan tempat asal-usulnya. Apabila semua anak-anaknya sudah dewasa maka mereka ini pun pergi mencari ayah mereka Semasa mencari ayah mereka itu, empat belas adik-beradik itu pun akhirnya bertemu sesama mereka dan kemudian sama-sama mencari ayah mereka. Akhirnya mereka dapat juga bertemu dengan ayahanda mereka di kayangan.

Setelah tinggal beberapa lamanya di kayangan, ayahanda mereka kemudiannya menyuruh semua anak-anaknya kembali semula ke dunia dan menubuhkan sebuah kerajaan.

Awang Alak Betatar kemudiannya dilantik menjadi Raja Brunei kerana baginda adalah anak yang sulung. Oleh yang demikian, Kerajaan Brunei Awal telah diasaskan atau ditubuhkan oleh Awang Alak Betatar iaitu raja yang pertama memerintah Brunei dengan nama Islamnya Sultan Muhammad Shah setelah berkahwin dengan Puteri Johor.

Manakala menurut Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, asal usul Kerajaan Brunei yang beliau kutip dari tradisi lisan melalui Haji Ahmad bin Pengarah Abdul Latif bermula dengan Raja Brunei yang bernama Sang Aji yang dikatakan tidak mempunyai anak setelah beberapa lamanya berkahwin dan baginda dikatakan telah menjumpai sebiji telur yang sangat besar yang dibawanya ke istana.

Pada malamnya telur itu pun menetas dan keluarlah seorang anak laki-laki. Setelah mendapat putera itu, isteri baginda pun hamil dan melahirkan seorang puteri dan apabila keduanya dewasa lalu mereka dikahwinkan. Setelah beberapa lama mereka berkahwin, isterinya pun mengandung dan ketika kedua suami isteri itu bersiar-siar, tiba-tiba mereka terlihat seekor tembadau dan isterinya pun mengidam hendak memakan daging tembadau itu. Suaminya kemudiannya mengambil bujak atau senipit lalu

menabak tembadau itu yang kena pada badannya lalu melarikan diri dan meninggalkan kesan-kesan darah.

Berpanduan pada kesan-kesan darah dari tembadau itu, suaminya pun mengejar tembadau itu dan ingin menangkapnya seperti mana yang diidamkan oleh isterinya untuk dimakan.

Sebelum berburu atau sebelum mengikuti kesan darah tembadau itu suaminya telah memberikan sebetuk cincin kepada isterinya. Untuk mengejar jejak tembadau tersebut baginda dikatakan menggunakan seekor gajah yang berwarna putih sebagai kenderaannya.

Setelah beberapa lama berusaha untuk menangkap tembadau itu, gajah yang menjadi kenderaannya itu pun mati dan dikatakan telah menjadi batu. Batu yang menyerupai gajah tersebut dikatakan masih terdapat hingga sekarang yang terletak di satu kawasan di Ulu Sungai Tatau, Sarawak.

Dalam usaha memburu mendapatkan daging tembadau tersebut, baginda tidak dapat pulang kepada isterinya. Baginda bermalam di beberapa buah kampung. Atas permintaan ketua kampung di tempat baginda bermalam itu, baginda pun berkahwin dengan anak gadis di kampung tersebut kerana baginda dikatakan adalah dari keturunan orang baik-baik.

Baginda berkahwin sebanyak tiga belas kali dan memperolehi tiga belas orang putera. Sepeninggalan baginda dalam mengejar tembadau itu, isterinya yang pertama itu telah melahirkan seorang putera yang dinamakan sebagai Awang Alak Betatar yang dipelihara oleh Sang Aji iaitu ayahanda baginda.

Setelah Awang Alak Betatar dewasa dan ketika Sang Aji menceritakan kisah ayahandanya yang mengejar atau berburu tembadau itu, Awang Alak Betatar berhasrat untuk mengembara mencari ayahandanya yang sekian lama tiada.

Dalam pengembaraannya itu, Awang Alak Betatar telah singgah di kampung-kampung yang ayahandanya pernah berkahwin dahulu. Awang Alak Betatar kemudiannya telah berjumpa dengan adik-beradiknya dan mereka turut sama-sama mencari ayahanda mereka.

Setelah mereka gagal menemui ayahanda mereka, mereka pun balik ke Brunei. Ketika Sang Aji mangkat, mereka melantik Awang Alak Betatar menjadi Raja Brunei, ini kerana baginda merupakan anak sulung lagi gahara.

Sungguhpun cerita yang disebutkan itu hanya berbentuk tradisi lisan sahaja, akan tetapi watak sejarah dan tempat yang bersangkutan dengannya dapat menggambarkan kebenaran kejadian itu.

Dengan adanya kedua-dua contoh di atas itu agak jelas dan nyata bahawa asal usul Negeri Brunei itu dikaitkan dengan mitos dan legenda. Kalau dianalisa kedua-dua contoh tersebut umpamanya telur yang disebutkan dalam contoh di atas tadi mungkin merupakan sesuatu kenderaan iaitu kapal yang digunakan untuk datang ke suatu tempat. Maksudnya di sini ialah orang luar yang datang untuk menubuhkan sebuah kerajaan di tempat yang dimaksudkan iaitu Negeri Brunei. Telur yang terpecah empat, ini mungkin menunjukkan sebuah kapal yang berada di Teluk Brunei yang pecah empat yang mungkin di timpa oleh angin ribut yang kuat. Manakala kayangan yang telah dinyatakan dalam contoh di atas itu tadi mungkin menggambarkan atau mencerminkan tamadun yang lebih tinggi.

Motif telur yang menjadi unsur penting dalam mitos dinasti dalam tradisi lisan Brunei dikaitkan dengan mitos telur kosmos

SYAIR ini lebih dikenali dalam bentuk cerita rakyat seperti di kalangan masyarakat Kelabit. Syair ini juga dipertuturkan melalui tradisi lisan yang menceritakan mengenai asal usul negeri Brunei yang diperintah oleh seorang raja yang bernama Awang Alak Betatar. Awang Alak Betatar merupakan anak yang sulung dan dikatakan mempunyai seramai tiga belas orang adik-beradik iaitu Awang Semaun, Pateh Marbai (Berbai), Pateh Mambang, Pateh Tuba, Pateh Sangkuna, Pateh Manggurun, Pateh Malakai, Pateh Pahit, Damang Sari, Pateh Sindayung, Demang Lebar Daun, Hapu Awang dan Pateh Laila Langgong.

Ujian dan cabaran Allah

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita selamat dan berbahagia di dunia dan di akhirat.

Iman adalah milik rohani manusia yang tidak terilai harganya, tinggi atau rendahnya martabat seseorang manusia di sisi Allah Subhanahu Wataala adalah ditentukan oleh kadar iman yang ada pada diri masing-masing. Siapa yang paling kuat dan sempurna imannya, maka dialah yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala. Keimanan yang kuat itu amat mahal harganya, ia tidak mungkin diperoleh begitu sahaja tanpa berhadapan dengan perjuangan yang sukar kerana biasanya Allah akan menguji manusia dengan berbagai-bagai ujian dan cubaan hidup, untuk melihat dengan jelas hasil daripada ujian tersebut mutu iman setiap manusia.

Sesungguhnya dalam hidup ini kita tidak dapat lari atau dipisahkan daripada beberapa ujian terutama sekali bagi mereka yang sentiasa mengejar kejayaan dan berusaha untuk mendapatkan kebahagiaan. Amat keliruah sangkaan setengah manusia yang mengira bahawa hidup ini hanya senang dan mudah semata-mata, suka dan bahagia selalu atau sebaliknya hanya mengangap hidup ini penuh duka nestapa, pada hal sesungguhnya setiap bahagia dan sengsara, untung dan rugi, sihat dan sakit itu dan segala macam kejadian yang menimpa seorang manusia itu adalah seri hidup yang sudah menjadi sunatullah, kerana ujian itu adalah sebagai ukuran terhadap usaha dan iman seseorang, sama ada ia berjaya atau tidak, maka adalah terletak pada sejauh mana kemampuannya menghadapi ujian-ujian tersebut. Proses ini juga berlaku pada iman dan takwa seseorang kepada Allah Subhanahu Wataala.

Ujian seperti ini pun, telah Allah Subhanahu Wataala timpakan kepada umat yang terdahulu daripada kita, iaitu umat yang telah dipimpin oleh para Rasul dan Anbiya, sebelum daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka hasil daripada ujian itu Allah Subhanahu Wataala telah dapat mengetahui siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya dan siapakah pula yang mendustakan-Nya.

1-3 tafsirannya:

"Alif, Lam, Mim, apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan sahaja mengatakan: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji lagi? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang berdusta."

Ayat yang baru dibacakan tadi telah memberikan pengertian yang besar kepada kita semua bahawa kehidupan manusia itu ada hubungan dengan ujian dan cubaan. Allah Subhanahu Wataala menjelaskan di dalam ayat ini bahawa seseorang manusia itu adalah tidak cukup dan tidak memadai dengan hanya membuat pengakuan lisan sahaja, dengan berkata: "Kami beriman kepada Allah" sedangkan mereka belum diuji Allah Subhanahu Wataala.

Ujian seperti ini pun, telah Allah Subhanahu Wataala timpakan kepada umat yang terdahulu daripada kita, iaitu umat yang telah dipimpin oleh para Rasul dan Anbiya, sebelum daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka hasil daripada ujian itu Allah Subhanahu Wataala telah dapat mengetahui siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya dan siapakah pula yang mendustakan-Nya.

ADAPUN ujian Allah Subhanahu Wataala melalui nikmat kesenangan dan kekayaan serta pangkat kebesaran pula adalah lebih berat daripada ujian kesusahan dan kesakitan kerana berapa banyak umat Islam di dunia ini yang gagal dalam ujian tersebut.

Haruslah diketahui bahawa ujian yang diberikan kepada kita bukan hanya dalam bentuk kesusahan atau dalam bentuk kesakitan sahaja, malah juga dalam bentuk kemewahan, kekayaan dan juga dalam bentuk kedudukan dan pangkat yang tinggi.


Ujian yang merupakan kesusahan dan kesakitan adalah merupakan ujian yang ringan sahaja, kerana maksud dari ujian itu adalah semata-mata untuk menguji kesabaran dan kerekaan kita menerima qada dan qadar Allah Subhanahu Wataala dan apabila telah ternyata kesabaran kita dan kita rela menerima qada dan qadar Allah Subhanahu Wataala itu, maka Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan pahala dan seterusnya mengampunkan dosa-dosa atau mempertingkatkan darjat kita sehingga ujian itu menjadi nikmat dan kurniaan yang besar dari Allah kepada hamba-Nya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Setiap orang Islam yang ditimpa bencana sama ada yang terkena duri atau lebih berat daripada itu, maka itu adalah semata-mata ujian, kerana Allah Subhanahu Wataala akan hapuskan perbuatan kejahatan dan menggugurkan dosa-dosanya sebagai mana pokok kayu menggugurkan daun-daunnya." (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Adapun ujian Allah Subhanahu Wataala melalui nikmat kesenangan dan kekayaan serta pangkat kebesaran pula adalah lebih berat daripada ujian kesusahan dan kesakitan kerana berapa banyak umat Islam di dunia ini yang gagal dalam ujian tersebut.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Setiap orang Islam yang ditimpa bencana



"Sesungguhnya bagi umat itu mempunyai ujian dan ujian bagi umatku adalah harta kekayaan." (Riwayat At-Tarmizi).

Dari hadis itu jelas kepada kita bahawa ujian terbesar kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah ujian berupa harta benda dan kekayaan. Dengan harta benda dan kekayaanlah yang menyebabkan sebahagian di antara kita yang tergelaik daripada prinsip dan ajaran Islam serta tidak dapat mempertahankan diri sebagai Muslim yang berna'wah tinggi dan berna'wah mulia.

Oleh yang demikian marilah kita sama-sama berfikir dan mengkaji per-

jalan hidup kita untuk menuju kepada corak kehidupan yang lebih sempurna dan bersedia untuk menerima ujian-ujian Allah semata-mata untuk mempertingkatkan keimanan kita sebagai seorang hamba Allah yang ikhlas terhadap segala perbuatan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi kekuatan hidup kita di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Alaq ayat 6-8 yang tafsirannya: "Ketahuilah sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas, kerana dia melihat dirinya serba cukup, sesungguhnya hanya kepada Tuhan-mulah tempat kembalinya."

Ujian seperti ini pun, telah Allah Subhanahu Wataala timpakan kepada umat yang terdahulu daripada kita, iaitu umat yang telah dipimpin oleh para Rasul dan Anbiya, sebelum daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka hasil daripada ujian itu Allah Subhanahu Wataala telah dapat mengetahui siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya dan siapakah pula yang mendustakan-Nya.

Ujian seperti ini pun, telah Allah Subhanahu Wataala timpakan kepada umat yang terdahulu daripada kita, iaitu umat yang telah dipimpin oleh para Rasul dan Anbiya, sebelum daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka hasil daripada ujian itu Allah Subhanahu Wataala telah dapat mengetahui siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya dan siapakah pula yang mendustakan-Nya.

Ujian seperti ini pun, telah Allah Subhanahu Wataala timpakan kepada umat yang terdahulu daripada kita, iaitu umat yang telah dipimpin oleh para Rasul dan Anbiya, sebelum daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka hasil daripada ujian itu Allah Subhanahu Wataala telah dapat mengetahui siapakah yang benar-benar beriman kepada-Nya dan siapakah pula yang mendustakan-Nya.

وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت 2 سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان مولانا مولاي دري هاري رايو، 20 شوال، 1423 برسمان دغن
25 ديسمبر، 2002 هيغك كهاري ثلاث، 26 شوال، 1423 برسمان دغن 31 ديسمبر، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
هول									ديسمبر
20	12.21	3.43	6.16	7.31	4.52	5.01	6.24	6.49	25
21	12.22	3.44	6.16	7.31	4.52	5.02	6.25	6.50	26
22	12.22	3.44	6.17	7.32	4.53	5.02	6.25	6.50	27
23	12.23	3.45	6.17	7.32	4.53	5.03	6.26	6.51	28
24	12.23	3.45	6.18	7.33	4.54	5.03	6.26	6.51	29
25	12.24	3.46	6.18	7.33	4.54	5.04	6.27	6.52	30
26	12.24	3.46	6.19	7.33	4.55	5.04	6.27	6.52	31

وقت 2 سبهيغ باكي دائره تونوغ دهبه ساتو منيت دان دائره بلايت دهبه تيگ منيت، سبهيغ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تقهاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

5. Sembahyang juga boleh menghapuskan segala dosa dan kesalahan terampun, di mana sembahyang merupakan pembaharuan terhadap hubungan dan janji kepada Allah serta membuka catatan amal yang baru. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat sehingga Jumaat berikutnya adalah penebus dosa yang terjadi di antara sembahyang sembahyang tadi selagi dia tidak bermain-main dengan dosa besar." (Hadis riwayat Muslim).

Dalam hadis yang lain, daripada 'Amir bin Sa'ad bin Abu Waqqas daripada bapanya yang maksudnya: "Ada dua lelaki bersaudara. Salah seorang daripadanya meninggal dunia sebelum seorang lagi meninggal dunia (setelah berlalu) empat puluh malam. Maka disebut-sebut keutamaan lelaki yang pertama itu di hadapan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bersabda: "Bukankah yang seorang lagi itu Muslim?"

Mereka berkata: "Betul, wahai Rasulullah, tidak apa-apa dengan dia."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Kamu tidak tahu sejauh mana sampai sembahyangnya. Sesungguhnya perumpamaan sem-

bahyang itu bagaikan sungai yang melimpah lagi segar yang berada di depan pintu salah seorang daripada kamu; dia mandi di dalamnya (sungai) lima kali setiap hari, maka kamu tidak nampak kotorannya yang tinggal. Sesungguhnya kamu tidak mengetahui sejauh mana sampai sembahyangnya." (Hadis riwayat Malik).

6. Masjid adalah markas (pusat) bagi orang Islam. Manakala mentakmir masjid pula, adalah simbol ikatan seorang Muslim dengan agamanya serta Muslim yang lain (umat). Firman Allah Taala yang tafsirnya: "Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah." (Surah Al-Jin: 18).

Dalam firman yang lain yang tafsirnya: "Ha-

Bilangan 149 Bahagian Ketiga

RAHSIA SEMBAHYANG : Pandangan Mengenainya Secara Umum



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

orang yang munafik yang nyata kemunafikannya atau orang yang sakit. Jika orang yang sakit, nescaya dia akan diusung oleh dua orang supaya dia dapat mengerjakan sembahyang (jemaah)."

Dia berkata: "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan kepada kami akan jalan petunjuk dan kebenaran, dan sesungguhnya di antara jalan petunjuk itu adalah sembahyang di masjid yang dikumandangkan azan padanya." (Hadis riwayat Muslim).

Sementara dalam hadis riwayat Abu Daud ada ditambah yang maksudnya: "Tidak ada seseorang daripada kamu melainkan baginya masjid (tempat sembahyang) di rumahnya. Jika kamu bersembahyang di rumah-rumah kamu dan kamu tinggalkan masjid-masjid kamu nescaya kamu meninggalkan sunnah Nabi kamu. Jika kamu meninggalkan sunnah Nabi kamu nescaya kamu melakukan kekufuran." (Hadis riwayat Abu Daud).

Mengenai dengan maksud "kekufuran" di

atas, menurut Al-Khattabi bahawa perkara yang membawa kekufuran itu adalah bagi orang yang meninggalkan satu persatu sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga terkeluar daripada syariat agama.

Dalam hadis yang lain juga ada menyebutkan mengenai kelebihan orang yang bersembahyang jemaah. Di antaranya riwayat daripada 'Abdurrahman bin 'Amrah katanya yang maksudnya: "Sesudah sembahyang Maghrib 'Othman bin 'Affan masuk ke masjid dan duduk bersendirian lalu aku duduk di sampingnya. Dia berkata: Wahai anak saudaraku, aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa bersembahyang Isyak dengan berjemaah, maka dia seperti mendirikan sembahyang separuh malam. Dan barangsiapa bersembahyang Subuh dengan berjemaah, maka dia seperti mendirikan sembahyang semalam penuh." (Hadis riwayat Muslim).

Sabda Baginda lagi

yang maksudnya: "Seseorang yang bersembahyang jemaah (di masjid) adalah berlipat ganda (pahalanya) berbanding dengan sembahyang di rumah dan di pasarnya sehingga dua puluh lima kali ganda. Demikian itu kerana sesungguhnya apabila dia berwuduk maka diperelokkan wuduknya kemudian pergi ke masjid, dia tidak pergi ke masjid melainkan untuk bersembahyang, dia tidak akan melangkah dengan satu langkah melainkan diangkat baginya satu darjat dan dikurangkan daripadanya satu kesalahan. Apabila dia bersembahyang (dengan sembahyang yang sempurna) Malaikat tidak putus-putus berselawat ke atasnya selagi mana dia berada di tempat sembahyangnya (di masjid) dengan kata Malaikat: "Ya Allah, kurniakanlah selawat ke atasnya, ya Allah, rahmatilah dia." Dan dia sentiasa di dalam sembahyang selama dia menanti sembahyang." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

BERSAMBUNG

nya sanya yang (layak) memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan orang-orang yang mendapat petunjuk." (Surah At-Taubah: 18)

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa orang yang beriman serta men-

dirikan sembahyang dan menunaikan zakat adalah orang yang layak untuk memakmurkan masjid Allah Subhanahu Wataala.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan mengenai galakan dan besarnya tuntutan sembahyang berjemaah di masjid, sebagaimana dalam riwayat daripada 'Abdullah bin Mas'ud katanya yang bermaksud: "Demi sesungguhnya pada pendapat kami (para sahabat atau jemaah Muslimin) tidak meninggalkan sembahyang (jemaah di masjid tanpa uzur) melainkan

Ramadan dan Syawal penuh iktibar

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

BILA kita renung kembali, ternyata bulan Ramadan dan Syawal mempunyai kelebihan yang tiada terdapat di bulan-bulan yang lainnya. Kedua-dua bulan tersebut penuh dengan iktibar yang menguntungkan iaitu berupa ibadah dan amal kebajikan khusus bagi umat Islam yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala. Barangsiapa yang takwa dan taat melakukan perintah Allah, makanya akan menerima ganjaran pahala yang berlipat ganda dan paling mulia di sisi-Nya sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 13 yang tafsirnya: "Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling takwa kepada-Nya."

Umpamanya, sebelum menjelang Ramadan, hati kita (kaum Muslimin) mulai berpusat ke arah matlamat utama iaitu untuk melaksanakan ibadah puasa dan yang berhubung kait dengan itu. Sebagai hamba Allah yang taat, kita sedia berkorban melakukan apa saja yang diperintahkan-Nya. Harapan dan iktikad ini wujud sebagai suatu tanda kecintaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Bahkan adalah keyakinan kita sebagai umat Islam benar-benar mempercayai bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu Pesuruh-Nya.

Dalam pada itu, kaum Muslimin secara keseluruhan tetap menanti kehadiran bulan Ramadan yang

mubarak dan berkat pada setiap tahun. Kemunculan anak bulan Ramadan menjadi suatu khabar yang gembira bagi keseluruhan umat Islam. Manakala saat itulah terjadinya kesibukan untuk menyambut dan memulakan ibadah yang dinanti-nantikan. Hati terasa lega dan nyaman apabila menunaikan puasa. Jika kita amat-amati, jelas terasa oleh kita betapa manisnya iman dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala. Semuanya ini berpunca daripada pimpinan dan pedoman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke arah menuju keredaan Allah jua.

Pengajaran yang dapat kita peroleh di sepanjang bulan Ramadan dalam melaksanakan ibadah yang wajib dan sunat amatlah menakjubkan, berkat dan bermanfaat. Misalnya, di dalam bulan Ramadan di samping berpuasa kita bernasib baik digalakkan dan dapat melakukan ibadah puasa tanpa sebarang kesukaran sebab setiap Muslim telah diajarkan bagaimana

mengikut garis panduan yang ada dalam ajaran Islam. Dari sebab itu, dalam apa jua pun terutama peribadatan, Allah Subhanahu Wataala tidak menyusahkan setiap hamba-Nya. Di sebaliknya, diberi-Nya petunjuk dalam segala segi agar mudah mengikut apa jua yang diperintahkan-Nya.

Sebagai contoh, seorang Muslim bila hendak berpuasa, maka terlebih dahulu disuruh bersahur dan diberikan ganjaran pahala. Begitu juga halnya bila berjaya menahan diri dari segala perkara dan perbuatan yang membatalkan puasa setentunya mendapat ganjaran pahala yang besar. Antara amalan-amalan di bulan puasa adalah seperti bersahur, bertarawih, berzikir, bertahmid, bertasbeih, bertadarus (membaca Al-Quran), bersewaka dan seumpamanya. Puasa adalah antara ibadah yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wataala dan Dialah Yang Maha Berkuasa pada memberi dan menilai ganjaran pahala kepada setiap hamba-Nya yang taat

melaksanakannya, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah Subhanahu Wataala berfirman: Setiap amalan anak Adam (manusia) adalah untuknya (dapat diperiksa sendiri dan dinilai buruknya), melainkan amalan puasa, maka sesungguhnya puasa itu adalah untuk-Ku (Aku sendiri yang dapat memeriksa dan menilainya) dan oleh sebab itu Aku sendirilah yang akan menentukan berapa banyak balasan yang perlu diberikan kepada yang berpuasa."

Manakala di bulan Syawal pula, banyak amalan-amalan yang boleh dilakukan dan menghasilkan ganjaran pahala. Ibadat di bulan Syawal secara tidak langsung menjadi pelengkap bagi amalan-amalan di bulan Ramadan. Dari sebab itulah makanya kedua-dua bulan tersebut saling berhubung kait dan mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu.

Hari Raya Aidilfitri yang kita rayakan pada setiap tahun adalah tanda kesyukuran hasil dari kemenangan berpuasa. Dalam melaksanakan puasa, kadang-kadang sedikit sebanyak terpaksa menghadapi masalah tetapi mudah juga diatasi. Semuanya itu sebagai dugaan dan cabaran dalam memerangi hawa nafsu. Hanya dengan keteguhan iman dan usaha yang gigih akan dapat mengatasi segalanya.

Bila kedua-dua ibadah tersebut dapat kita laksanakan dengan sempurna, janganlah hendaknya tersimpan perasaan angkuh dan sombong terhadap orang lain yang kurang bernasib baik disebabkan menghadapi berbagai-bagai masalah. Sepatutnya hendaklah banyak-banyak bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dan berusaha memperbaiki dan mempertingkatkan lagi cara beribadah yang lebih sempurna, di samping membantu mereka yang kurang berpengetahuan mengenainya. Dengan cara demikian, mudahlah terbentuk perpaduan ummah dalam menegakkan syiar Islamiah.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman

HARI Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi kita umat Islam setelah sebulan penuh mengerjakan ibadah puasa. Hari Raya juga memberikan pengertian yang berbeza mengikut peringkat umur seseorang insan.

Pada kebiasaannya setiap tahun, sebaik sahaja tibanya Hari Raya Aidilfitri, kita umat Islam di negara ini berpeluang untuk berkunjung dan junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kaum kerabat diraja yang lainnya.

Sehubungan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri ini juga wakil PELITA BRUNEI sempat mewawancara untuk mengetahui pendapat dan pandangan beberapa pegawai serta kakitangan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengenai Hari Raya dan Hari Terbuka di Istana Nurul Iman.

"Jika dikaji secara mendalam, serta berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah saya lalui, Hari Raya memberikan pengertian yang berbeza mengikut peringkat umur seseorang insan, bagi kanak-kanak sebagai contoh, Hari Raya merupakan peluang bagi mereka untuk bersuka ria, di samping menerima hadiah-hadiah serta ganjaran-ganjaran tertentu daripada kedua orang tua dan juga ahli keluarga yang lain," jelas Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali, Penolong Ketua Perhubungan Awam Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Beliau juga menambah, bagi para remaja pula, Hari Raya bolehlah diertikan sebagai waktu di mana mereka ini diberikan kebebasan untuk berkunjung ke rumah kawan-kawan, manakala bagi peringkat dewasa pula, hari mulia ini merupakan hari untuk bermaaf-maafan demi mempertingkatkan ataupun mengeratkan tali silaturahmi di antara satu keluarga dengan keluarga yang lain.

"Walaupun bagaimanapun, adalah penting untuk kita memahami bahawa bagi menyambut kemenangan ini kita tidak seharusnya berbelanja secara berlebihan-lebihan, sehingga menimbulkan konflik serta masalah-masalah yang boleh menggoncangkan keimanan serta keperibadian kita kerana agama Islam sendiri tidak pernah menuntut umatnya untuk mengamalkan sikap sedemikian rupa, apa yang penting ialah kita seharusnya menyambut Hari Raya secara ala kadar, mana yang termampu kita ungkayahkan," tambah beliau.

Beliau juga memberikan pendapat mengenai Istana Terbuka sempena Hari Raya di mana ianya terbuka kepada orang ramai dan juga para pengunjung dari luar negeri.

"Memang sambutan Hari Raya Aidilfitri di Negara Brunei Darussalam amat unik, memandangkan setiap tahun, rakyat jelata diberikan peluang untuk berkunjung serta junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja begitu prihatin serta mengambil berat terhadap rakyat jelata yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman," jelas Inspektor Pengiran Shaiful Rezal lagi.

Ini juga amat ketara sekali di mana dari kaca mata penganalisa luar negara, bahawa perpaduan serta kefahaman di kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam tiada pernah luntur dan sentiasa wujud serta juga kesetiaan rakyat terhadap raja yang semakin mendalam, sehingga sanggup berduyun-duyun berkunjung dan junjung ziarah ke hadapan raja serta kerabat diraja yang lain.

Menyentuh mengenai kedatangan para pengunjung asing dari luar negara, ianya merupakan satu peluang untuk berkunjung ke Istana Nurul Iman, yang mana ini memperlihatkan lagi akan keadilan serta sifat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tiada pernah membeza-bezakan rakyat jelata dengan rakyat asing serta para pelancong di Negara Brunei Darussalam, akhirnya beliau juga meluahkan bangga mempunyai seorang raja yang bersifat pengasih, penyayang dan adil serta saksama.

Manakala salah seorang lagi anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, LANS Koperal Hamdan bin Mantul, dari Bahagian Perhubungan Awam pula

Sambutan Hari Raya di NBD unik

Perpaduan, persefahaman rakyat tidak luntur, sentiasa wujud

Oleh Awangku Jefferi PD
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM dan
Masri Osman

berkata, kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi bagi memohon ke-maafan sudah menjadi trend dan amalan tradisi masyarakat Brunei sejak zaman-berzaman lagi, di mana mengunjungi sanak saudara, sahabat handai serta rakan dan taulan sudah menjadi suatu ke-mestian dan berakar umbi semenjak nenek moyang kita dahulu lagi dan kesemuanya ini dilakukan semata-mata bagi mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan hubungan silaturahmi jua.

"Secara lahirnya kon-



SIKAP pemedulian dan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada rakyatnya terbukti dengan adanya hari terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman, jelas Kapten (L) Pengiran Omaralli bin PJI Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

sep Hari Raya itu adalah sebagai jambatan bagi kita untuk meningkatkan hubungan di antara sesama kita dan mengeratkan perpaduan sesuai dengan kehidupan kita orang-orang Brunei, seperti di negara kita Brunei Darussalam, sambutan Hari Raya telah melarat dan begitu meluas sekali di mana kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan belia dan kebajikan, mukim-mukim serta kampung-kampung mengadakan sambutan Hari Raya ini dengan pelbagai format dan ragam,



MEJAR Haji Zainal dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjelaskan hari terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman adalah pengurniaan yang sangat besar dan penuh bererti bagi rakyat jelata di negara ini.

apa yang penting sambutan yang dibuat bukan sahaja membolehkan kita menikmati jamuan yang tersedia tapi yang lebih utama ialah melalui cara sebegini membolehkan kita menghidupkan lagi suasana memupuk semangat kerjasama dan perpaduan yang lebih erat dan padu," beliau menambah.

Beliau juga menjelaskan seperti tahun-tahun yang sudah, Istana Nurul Iman dibuka selama tiga hari iaitu bermula pada Hari Raya kedua bagi orang ramai menjunjung ziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolikiah Mu'izzaddin



SAMBUTAN Hari Raya di negara ini begitu unik, memandangkan setiap tahun rakyat jelata diberikan peluang untuk berkunjung serta junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja, jelas Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal, Penolong Ketua Perhubungan Awam Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.



LANS Koperal Hamdan bin Mantul dari Bahagian Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei berpendapat bahawa kesempatan menjunjung ziarah di Istana Nurul Iman adalah suatu yang amat berharga dan bermakna.

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain, yang mana kesempatan menjunjung ziarah ini adalah sesuatu yang amat berharga dan bermakna bagi kita sebagai rakyat jelata negara ini bahkan ini juga membolehkan para pengunjung dari luar negara mengambil kesempatan untuk turut sama menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta melihat lebih dekat lagi wajah pemerintah negara ini yang amat disegani, dihormati dan dikasihi.

"Dengan adanya Istana Terbuka ini juga memaparkan betapa kasih dan prihatinnya raja kita akan rakyat dan penduduk di negara ini dalam sama-sama merayakan hari kemenangan ini bahkan dengan adanya juga Istana Terbuka sempena Hari Raya memperlihatkan kepada pengunjung-pengun-

jung negara luar akan amalan hidup bermasyarakat dan bernegara, sikap kunjung-mengunjungi orang-orang Brunei kita sekali gus memperlihatkan budaya dan keadaan yang benar-benar harmoni di kalangan kita dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara di mana semuanya ini adalah berkat pimpinan pemerintah dan raja kita yang dikasihi," jelas beliau.

Bagi Kapten (L) Pengiran Omaralli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh, Pegawai Pandu Arah/Komunikasi Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei pula berkata, Hari Raya merupakan hari kemenangan umat Islam, oleh itu sewajarnya hari kemenangan tersebut diraikan dengan rasa penuh kesyukuran yang berlandaskan syariat Islam dengan lain perkataan rayakanlah Hari Raya dalam lingkungan budaya Melayu di samping landasan Islam.

Menyentuh mengenai Hari Terbuka Istana Nurul

Iman sempena Hari Raya ini bagi kunjungan rakyat jelata ianya menunjukkan sikap pemedulian serta kasih baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyatnya, tambah beliau.

Malahan, kesempatan ini juga memudahkan para pelancong untuk melawat dan bersemuka dengan lebih dekat lagi bersama baginda sendiri dan kerabat baginda.

Sementara itu Mejar Haji Zainal ketika ditemu bual oleh Pemberita PELITA BRUNEI pula berkata, dengan adanya Hari Terbuka sempena Hari Raya di Istana Nurul Iman ianya merupakan satu pengurniaan yang sangat besar dan penuh erti bagi rakyat jelata di negara ini, dan ini juga merupakan satu kesempatan serta saat yang ditunggu-tunggu oleh kita dan juga para pengunjung dan luar negara untuk sama-sama menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai kesimpulan, memang tidak dapat dinafikan bahawa amalan ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi, untuk bermaaf-maafan dan memberikan ucapan tahniat Selamat Hari Raya mempunyai hikmah dan kelebihan yang besar kepada setiap orang Islam.

INI juga amat ketara sekali di mana dari kaca mata penganalisa luar negara, bahawa perpaduan serta kefahaman di kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam tiada pernah luntur dan sentiasa wujud serta juga kesetiaan rakyat terhadap raja yang semakin mendalam, sehingga sanggup berduyun-duyun berkunjung dan junjung ziarah ke hadapan raja serta kerabat diraja yang lain.

Rahimah Haji Tengah.
No. 9, Simpang 271,
Kg. Lambak Kiri,
Jln Berakas, BE 1314.
No. k/p : 115823

Ahmad Iskandar bin Haji
Mohd. Taha,
No. 7, Simpang 180-56,
Kampung Sengkirap
Jalan Buang Tengkuok,
BJ 2924.
No. k/p : 297431

Pejam celik, pejam celik,
tanpa sedar hari persekolahan
telah pun berada di depan

Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Disember. - Suasana kemeriahan sambutan Hari Raya di negara ini tidak hanya dirasakan oleh rakyat dan penduduk setempat malahan rakyat dan warganegara asing yang berada di sini sama-sama bergembira dan menikmati kemeriahan menyambut lebaran.

Semasa Istana Nurul Iman dibuka bagi kunjungan orang ramai umpamanya, kelihatan ribuan penduduk dan warganegara asing tidak melepaskan peluang keemasan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Semasa membuat tinjauan di hari pertama Istana Nurul Iman dibukakan bagi kunjungan orang ramai, wartawan PELITA BRUNEI sempat membuat pendekatan bersama beberapa warganegara asing wanita yang rata-rata mem-

Junjung ziarah ke Istana Nurul Iman : Pengunjung luahkan rasa kegembiraan

OLEH SITI MUSLIHAT HS

Carmelita Dizon merupakan seorang pendidik di salah sebuah sekolah rendah di Kampong Ayer dan juga Kampong Kiarong telah berada di negara ini sejak bulan April tahun 1992 dan akan menamatkan tempoh perkhidmatan di sini dalam sedikit waktu lagi.

Menurut pengamatannya, semasa berada di negara ini, Negara Brunei Darussalam menikmati kehidupan yang aman. Dari segi ekonomi katanya, walaupun rantau ASEAN menghadapi kemerosotan ekonomi sejak beberapa tahun yang lalu, kemeleset-

an ekonomi negara ini tidak seburuk di sesetengah negara ASEAN yang lain.

"Ini berkemungkinan kerana negara ini mempunyai keluasan dan jumlah penduduk yang kecil berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain termasuk Republik Filipina yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai," katanya.

Sejak berada di negara ini beliau tidak melepaskan peluang untuk menjunjung ziarah dan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sementara itu, seorang warganegara Republik Indonesia, Zuraidah Marzuki, 55 tahun ketika ditemui selepas Majlis Junjung Ziarah melahirkan rasa senang kerana dapat mengunjungi Istana Nurul Iman bagi Majlis Junjung Ziarah buat kali ketujuh tahun ini.

"Sambutan Hari Raya di Negara Brunei Darussalam jauh berbeza dengan sambutan di Republik Indonesia kerana di sini orang ramai yang terdiri dari rakyat, penduduk dan warganegara asing diberikan peluang untuk ber-

unjung ke Istana Nurul Iman dan berhadapan dengan ahli-ahli kerabat diraja wanita.

Di Republik Indonesia, kunjungan bersama pemimpin sukar diadakan kerana kemungkinan keadaan penduduk yang terlalu ramai ianya tidak memungkinkan untuk bersalaman dengan pemimpin di sana," jelasnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku raja di negara ini sangat baik dan sering memperhatikan rakyat di mana dengan keprihatinan baginda itu membuat rakyat selalu menyokong baginda, katanya.

Dalam rangka mengikuti suaminya yang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1995, beliau mendapati negara ini merupakan sebuah negara yang aman dan merasa amat senang berada di sini.

Wu Min, berusia 36 tahun yang berasal dari Beijing, Republik Rakyat China juga tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke Istana Nurul Iman dan mengambil kesempatan yang sangat dinanti-nantikannya untuk kali kedua.

Sejak kunjungan pertama pada tahun lepas iaitu bagi menghadiri Majlis Junjung Ziarah yang sama, beliau merasa seronok tinggal di negara ini kerana keamanan dan kebersihan yang boleh dinikmati di Negara Brunei Darussalam, di samping rakyat dan penduduknya yang ramah dan mesra.

"Saya tertarik dengan corak pemerintahan negara ini di bawah kepimpinan seorang raja yang sangat pemedulian dan bersifat terbuka dan ramah dengan rakyatnya.

Di samping rajanya yang ramah, ahli-ahli kerabat diraja yang lain juga saya rasa sangat baik dan ramah dan suka bergaul dengan rakyat dan penduduknya terutamanya semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri seumpama ini, kerabat diraja juga sama-sama mengambil kesempatan untuk bersalaman dengan orang ramai yang tidak mengira agama, bangsa dan rupa," ujarnya.

Keadaan seperti ini

telah, sukar didapati di negara-negara lain di mana golongan kerabat diraja sama-sama keluar bersalaman di Majlis Junjung Ziarah Istana Terbuka seperti ini.

Menyentuh mengenai kunjungan ke istana, Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satunya negara yang mengadakan Istana Terbuka seumpama ini di kalangan negara yang pernah beliau kunjungi termasuk Malaysia, Republik Singapura, Bangladesh dan Thailand.

Beliau yang menyertai rombongan seramai sepuluh orang bersama suaminya turut melahirkan kekaguman cara sambutan di negara ini yang sangat meriah bersama kehadiran raja yang sekali gus merupakan pemimpin dan peneraju Negara Brunei Darussalam.

"Negara Brunei Darussalam saya rasa merupakan sebuah negara yang mewah. Semasa Hari Raya ini saya melihat orang ramai yang hadir ke Istana Nurul Iman turut dijamu dengan pelbagai juadah, di samping kotak cenderamata yang berisi makanan turut diberikan sebagai tanda ingatan yang akan berkekalan untuk dibawa pulang.

Bagi kami rakyat dan bangsa asing merasakan tidak terpinggir dan tersisih di sini. Malahan kami teras seolah-olah merupakan sebahagian dari rakyat Negara Brunei Darussalam yang sama-sama merayakan sambutan Hari Raya," jelasnya mengakhiri perbualan.

Antara rakyat asing yang ramai mengunjungi Istana Nurul Iman di sebelah petang hari pertama dibuka bagi kunjungan orang ramai ialah rakyat Republik Filipina, Republik Indonesia, India, Bangladesh, Republik Rakyat China dan Nepal. Bagaimanapun terdapat juga segelintir pengunjung terdiri bangsa berkulit putih.



WU MIN ... Kagum cara sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini bersama kehadiran raja yang sekali gus merupakan pemimpin dan peneraju Negara Brunei Darussalam.



ZURAIDAH MARZUKI ... Merasa senang kerana dapat mengunjungi Istana Nurul Iman bagi junjung ziarah kali ketujuh.



CARMELITA DIZON ... Tertarik corak kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat mengambil berat terhadap kebajikan rakyat.



PENGUNJUNG wanita dari luar negara yang kebetulan melancong ke negara ini di muslim perayaan Hari Raya Aidilfitri.



PARA pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara bertugas mencatat keramaian pengunjung ke Istana Nurul Iman sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

'UBAH SIKAP ANDA DAN ANDA MERUBAH HIDUP ANDA!

DI MANA ANDA BERADA SEKARANG? DAN KE MANA ARAH YANG ANDA TUJU?

CUBA kita hayati keadaan kewangan bagi kebanyakan rakyat Amerika pada umur 65 tahun:

100 Orang Rakyat Biasa Amerika Syarikat pada Umur 65 Tahun

Orang	Taraf hidup
1	Kaya
4	Bebas hutang
5	Masih bekerja
36	Telah meninggal dunia
54	Mufliis dan bergantung kepada orang lain

Bagaimana pula dengan anda? Adakah anda berstatus golongan 5 peratus atau 95 peratus. Saya dan kita semua penuh yakin dan percaya bahawa ramai manusia inginkan cara hidup yang lebih baik untuk diri mereka dan keluarga mereka sebelum menemui ajal. Tetapi apakah anda sudah berbuat yang terbaik untuk menuju ke arah itu? Jika belum, anda kena ubah hala tuju dan fokus kehidupan anda. John Foster berkata, 'dua perkara yang amat diperlukan pada masa kini: Pertama, golongan yang kaya perlu mengkaji bagaimana golongan yang miskin hidup dan kedua, golongan yang miskin perlu pula mengkaji bagaimana golongan kaya berjaya.'

USA dan Jepun berubah menjadi negara maju kerana Laporan Yale University.

Di mana anda berada sekarang? MB: Masih Bekerja! Untuk menuju dan mencapai matlamat hidup anda, anda mesti tahu di mana anda berada! Kalau anda menginap di hotel dekat lift/tangga anda akan lihat tanda apa?

Tanda 'yah' kan? (You are here)

2. ANDA INGIN MENJADI INSAN LUAR BIASA 5 PERATUS

Napoleon Hill (Penasihat tiga orang Presiden Amerika) menyatakan bahawa untuk mencapai atau membuat sesuatu yang

mustahil menjadi boleh dan mencapai impian kukuh anda! Mestilah matih minda bawah sadar anda untuk mencapainya!

'Membuat yang mustahil menjadi boleh' - Napoleon Hill.

3. CIPTA SEJARAH: Jangan jadi insan 95 peratus (Insan Biasa-biasa).

Anda kenal Abraham Lincoln? Anda kenal Mao Tze Tong? Anda Kenal Hitler? Anda kenal Hang Tuah? Anda kenal P. Ramlee? Anda kenal Bush? Jawapan semua kenal! Anda kenal, adakah disebabkan ada hubungan keluarga?

Misalnya kita tanya diri kita. Siapa nama? Ahmad. Ahmad bin Abu? Abu bin Bakar? Bakar bin Khabar? Khabar bin Baik? Baik bin Jahat, Jahat bin ... (Entah?) Kenapa tak kenal Moyang/Antah? Kerana mereka tak cipta sejarah! Mulai sekarang anda mesti cipta sejarah. Jika tidak, Ahmad bin Abu tidak akan dikenal oleh anak cucu cicitnya! Dato Haji Hafiz kenal tak? Sablee kenal tak? Apa pasal kenal? Dato Hafiz kenal pasal produk pemakanan Sablee ...! Juga kaya.

Adakah susunan hasil kajian Yale University ini perlu ditukar posisi? No. 1, 2, 3, 4, 5? Adakah perlu tukar posisi. 4. MD: Meninggal dunia dan 5. SSPTT: Tentu ada yang jawab tukar, ada yang jawab kekalkan. Orang yang kata tukar: Alasan "Mati lebih baik dari SSPTT" Orang yang kata kekal: Alasannya Tak perlu tukar kerana kajian ini adalah kajian terhadap 'manusia', di mana-mana manusia seakan sama. Kajian ini memakan masa 30 tahun. Sahih! Kesimpulannya: Tak perlu ubah! Kenapa sengaja dikekalkan? MD: Mungkin meninggal dunia sebagai seorang MD (Million Diamond). Jutaan! Presiden! SSPTT: Memang tak guna! NATO: "No Action Talk Only!" Hidup segan mati

Oleh Anak Kedayan, UBD

tak mahu!

4. JANGAN MENJADI BB: BANGKAI BERNYAWA.

Anda mesti sedar dan bertindak. JDT: Just Do It! Akan memberi kesan! Buat tia!

USA: (Sedar dan bertindak), Jepun: (Sedar dan bertindak).

UNTUK MERUBAH NASIB ANDA, ANDA MESTI PANDAI KIRA

5. PANDAI KIRA: JADI INSAN LUAR BIASA 5 PERATUS

Nak jadi insan luar biasa 5 peratus, anda mesti pandai kira! Cuba nilai diri anda! Adakah anda kaya atau ekonomi berdikari?

Anda mesti ada:

RAJAH 1



Rumah - \$500,000
Kereta - \$100,000
Pelajaran anak - \$300,000
Pelancongan - \$150,000
Wang Tunai - \$100,000
Jumlah : \$1.15 juta.

Dengan keadaan kehidupan anda sekarang, kira-kira bila nak dapat \$1.15 juta? Agak mustahil bukan? Di Negara China, pegawai kerajaan yang bersara diberikan 'pencen' ½ gaji pokok semasa bekerja. Di Brunei macam mana? Pencen ½ gaji pokok. Istimewa ya kitani 'Orang Brunei'! Anda semua berapa simpanan satu bulan? Tak banyak, adalah seratus dua ratus ... Ada yang gaji \$1,500 simpan \$200.00 sebulan. Ambil yang tinggi sikit, \$300.00 sebulan.

Simpanan 1 bulan - \$300 - Tahun bekerja hinga-

ga bersara 12 bulan x 30 tahun. Jumlah \$108,000.

Simpanan 1 bulan - \$400 - Tahun bekerja hinga bersara 12 bulan x 30 tahun. Jumlah \$144,000.

Simpanan 1 bulan - \$500 - Tahun bekerja hinga bersara 12 bulan x 30 tahun. Jumlah \$180,000.

Jadi, anda terpaksa 'mati' 8 kali untuk dapat simpan \$1.15 juta.

Kerja 'makan gaji' hanya cukup 'untuk makan' 'hidup' sahaja. Rumah, kereta, melancong, pelajaran anak-anak, anda kena 'berhutang'. Kali lobang tutup lobang!

Allah Maha Adil! Kita semua diberikan masa 24 jam sehari. Orang kaya, orang miskin, orang besar

orang kecil semuanya sama, 24 jam. Tetapi mengapa kehidupan semua orang tidak sama. "Kerana tidak bijak menggunakan masa dan tenaga untuk cipta hasil. Jadi kita kena tahu formula!"

Kita selalu menggunakan formula salah:

Hasil = Masa + Tenaga (miskin).

Hasil = Masa x Tenaga (kaya).

Dan kita berpusu-pusu untuk cari rezeki dalam 'makan gaji' sedangkan 9/10 pintu rezeki ada dalam perniagaan!

Bandingkan anda seorang bekerja 8 jam berapa hasil anda?

Dato Haji Hafiz mempunyai pekerja lebih 500 orang x 8 jam = 4,000 jam, misallah dia ambil keuntungan \$10.00 pada setiap orang pekerja, dia dapat 40

ribu x 30 hari = \$120,000 sebulan. Sebenarnya keuntungan syarikat adalah diambil dari gaji anda sebanyak ¼.

Untuk berjaya dan kaya, kita kena ubah sistem pengagihan masa dan tenaga untuk cipta hasil.

1. Sistem mata hari mendatar:

Seperti, kerja makan gaji (kerja 8.00 pagi balik jam 4.30 petang). (Lihat Rajah 1).

Formula $H = M + T$

2. Sistem mata hari terbenam

Pendapatan seperti golongan artis, atlet, driver, tukang jahit, seniman, pembersih, 'kupu-kupu malam'. (Lihat Rajah 2).

Misal: Seniman. Umur 18 tahun: \$10,000.00, satu konsert umur 81 tahun: Minta sedekah, minta bantuan kebajikan lebih kurang \$100.00 setiap bulan.

3. Sistem mata hari turun naik (Lihat Rajah 3).

Dunia perniagaan:

- Modal besar (\$500,000 untuk kaya).
- Pengalaman Urusi-niaga (Kurang/Tidak Ada).
- Risiko (untung/rugi).
- Kena kerja keras.
- Tidak semestinya berhasil!

Semasa waktu kegawatan ekonomi akhir 90-an, ramai jutawan di Malaysia, Singapura, Indonesia, di Negara Brunei Darussalam, malah seluruh dunia jatuh 'mufliis'.

4. Sistem mata hari terbit (Lihat Rajah 4).

Perniagaan win-win situation dan networking! Bill Gates, Pengerusi Microsoft, 'Orang paling kaya di dunia' waktu ini. Pada tahun 1997 harta peribadi Bill Gates dianggarkan melebihi AS\$39.8 bilion. Pada tahun 1975 beliau memperolehi pendapatan melebihi AS\$400 juta seminggu! Dan beliau telah menolong lebih 380 orang menjadi jutawan di

seluruh dunia! Demikian juga anda untuk anda menjadi jutawan, anda kena membantu orang lain untuk menjadi jutawan dahulu! Dengan kata lain: "Berapa banyak anda beri, akan menentukan berapa banyak anda akan terima!"

Cuba kita perhatikan senario sistem perniagaan sejak dahulu hingga sekarang. Sistem:

- Barter
- Kedai Runcit
- Mini Mart
- Supermarket
- Megamarket dan kini
- Hypermarket!

Sistem perniagaan yang berasaskan 'U good I no good!' Kecanggihan IT turut 'menggugat' industri 'perusahaan mega dan hyper.' Kini, Jepun sudah gunakan MD (Mini Disk), Hong Kong (DVD), ASEAN masih (VCD). Setelah kemuncak Hypermarket, Jepun sudah digegar oleh kehadiran MLM (Multi-Level Marketing). Kini sudah ada lebih 365 orang warga Jepun yang mempunyai turn-over Billion Yen kerana menjadi multi-billionaire dalam industri MLM!

JADILAH PENGGUNA BIJAK!

Anda berbelanja di kedai runcit, supermarket atau hypermarket, \$700.00 sebulan (anda tidak dapat apa-apa) semuanya kena 'telan' oleh mereka. Anda cuma dapat barang. Tetapi apabila anda berbelanja di Kedai Sendiri dalam Syarikat MLM, pihak syarikat akan memberikan anda 'untung runcit' (20 peratus - 25 peratus), harga ahli, pv, pin penghargaan, bonus, win-win situation dan anda bergelar 'usahawan'.

Anda berbelanja di Kedai Runcit Supermarket Hypermarket (Wang anda diambil habis) anda cuma dapat barang - Berbelanja: (semua diambil) \$700.00.

Anda berbelanja dalam MLM: MLM akan beri anda - 1. \$700.00 2. PV 3. Bonus 4. Pin 5. "Win-Win" 6. Anda Usahawan! (Lihat Rajah 5).

Dalam MLM, perusahaan dan pendapatan kita boleh diwarisi oleh keluarga, isteri, anak, suami dan siapa pewaris kita.

Di Taiwan 500,000 graduan menyertai MLM. Di USA daripada 500,000 jutawan, 20 peratus adalah usahawan MLM. Jika anda membaca buku 'Megatrend 2000', menyatakan pada Abad 21 di antara trend perniagaan yang akan mencabar dunia perniagaan dan perusahaan dunia adalah perniagaan MLM! Ini disokong oleh Robert T. Kiyosaki dalam bukunya 'The Cashflow Quadrant' dan juga Burke Hedges dalam bukunya 'Copycat Marketing 101.'


Selaku manusia: Kita ada pilihan dalam hidup. Nak jadi insan biasa 95 peratus atau insan luar biasa 5 peratus. Atau mempunyai pendapatan melalui 1/10 pintu rezeki atau melalui 9/10 pintu rezeki (dalam perniagaan).

JIKA MAHU BERJAYA, ABAD 21 KENA PAKAI 3Q

Jika anda ingin menceburi bidang MLM, anda kena mahir dan hayati konsep 3Q:

Lihat muka 9

RAJAH 2



Dari muka 8

1. IQ: Otak
2. EQ: Emosi
3. SQ: "Senyum"
- SQ: Jam 10.00 - 10.10

Formula: $H = M \times T$

"Bijak Bergaul"

Selling dan sponsoring mesti 'serentak'. Ibarat dua kaki, kena berjalan serentak. Tidak boleh selling sahaja atau sponsoring sahaja. (Sambil jual terus sponsoring).

Sekarang memang banyak industri MLM. Amalan lompat dari satu MLM ke MLM tidak akan 'mengayakan anda'. Kesetiaan pada satu MLM akan membuahkan hasil. Jadi anda kena pilih MLM yang terbaik untuk anda serta dan taati.

4. Kunci Kejayaan!

1. Bersikap Positif. Contoh, MDAM Pak Haji Agung Handaya. Dosen di Universitas Trisakti, Indonesia. Universitas swasta, mahasiswa terdiri daripada golongan kaya. Sering pencecut demonstrasi, khusus sewaktu kegawatan ekonomi. Suatu ketika, semasa beliau selesai memberikan kuliah di hadapan ratusan mahasiswa, beliau seperti biasa menutup kuliahnya dengan bertanya:

Ada problem anak-anak? Beberapa pertanyaan dan problem diajukan. Tiba kepada seorang siswa, ia terus mengatakan: Pak Dosen! Saya malu! Kami semua malu! Pak Haji Agung Handaya bertanya kembali: Apa pasal kamu malu? Kami semua malu! Universitas Trisakti malu! Bapak Dosen adalah orang yang dihormati di universitas ini, tetapi bapak telah bikin malu! Siang Bapak memberi kuliah, malam Bapak jual 'sabun' di toko-toko! Sungguh memalukan! Apa yang kamu harus malu? Saya tidak malu! Tugas saya sama kamu ialah untuk 'mendidik' kamu. Dan tugas kamu ialah untuk 'menerima pelajaran' dari saya. Kamu tidak pantas 'mencampuri urusan peribadi saya'. Anak-anak memang dari keluarga kaya. Saya orang miskin. Pendapatan saya selaku Dosen, cuma seberapa? Saya lebih malu pada isteri saya, sejak pacaran semasa masih kuliah di

universitas, saya berjanji padanya untuk berbulan madu selepas perkahwinan. Setelah berkahwin hingga sekarang, saya tidak pernah menunaikan janji saya itu, saya lebih malu pada isteri saya. Saya malu pada ibu saya yang kena kencing manis, untuk menghantarnya ke hospital untuk potong kakinya, saya tidak mampu. Saya lebih malu pada ibu saya. Saya malu pada ayah saya, yang terkena 'gaot', setiap kali cuaca dingin, ia merintih kesakitan, kerana saya tidak mampu untuk biaya 'injeksan' untuk menahan kesakitannya. Saya lebih malu pada bapa saya. Saya lebih malu pada anak-anak saya. Apabila mereka hendak masuk universitas, mereka bertanya mana wang untuk bayar kuliah. Saya lebih malu pada anak-anak saya. Saya selaku

ngah sahaja. Ahmad pun balik ke hotel dan telefon bos. "Hello ... Bos ... Tak boleh bos ... tak boleh jual coli di sini!" "Apa pasal tak boleh jual? Mesti boleh! Kamu punya belasan tahun pengalaman jual coli!"

"Tak boleh bos! Sebab tak ada orang wanita pakai coli, bos..." Kalau macam itu kamu balik sekarang juga! Tiba di Brunei, Ahmad dan semua pengarah eksekutif dipanggil meeting tergepar. Ahmad kena 'basuh' habis-habisan. Akhirnya bos beri ketetapan: Saya nak juga buka pasaran coli di Afrika. Siapa nak 'volunteer'? Semua diam. Bos tambah marah. Tiga hari bos masam muka. Tiba-tiba Abu, seorang pegawai marketing muda ingin menyahut seruan bosnya itu. Ketuk pintu. Masuk! Abu gugup dan gementar. Siapa

rempuan tak pakai coli. Bukan tak pakai bos, tetapi 'tak ada coli nak dipakai' Bos!

2. SEMANGAT ANTHUSIAS (BERKOBAR-KOBAR)

Kisah seorang suri rumah berbangsa Jepun dengan anaknya. Suatu pagi beliau mendapati barang makan di dapur kekurangan untuk makanan tengah hari. Anaknya masih tidur. Beliau pun bergegas turun dari flatnya menuju kedai 7.00 pagi - 11.00 malam. Ketika sudah selesai membeli sayuran dan lain-lain keperluan dapur, dia terserempak dengan kawan lama. Maka terjadilah perbualan yang panjang. Dia lupa perihal anaknya di rumah. Anaknya terbangun dan mencari-cari ibunya. Dia ke balcony dan melihat ke bawah. Dia ternampak ibunya di bawah. Anak itu ambil kerusi dan naik atas tebing balcony. Orang ramai terlihat anak itu dan merasa ngeri. Kawan emak anak itu terlihat kanak-kanak sedang berdiri atas balcony. Hei anak siapa tu? Tiba-tiba wanita tadi menyedari itu anaknya? Dia terganggu tidak berkata. Dia menjerit: Anakku jangan turun! Tetapi si anak menerimanya: Anaku Turunnnn! Anak itu senyum dan (teringat ibu bapanya menghulur tangan main hembakan dirinya antara satu sama lain), anak itu terus terjun. Si ibu terus meluru, berlari dan menyambut anaknya! Suatu peristiwa 'ajaib' berlaku. Si ibu berjaya menyambut anaknya dengan selamat! Berlari pantas dengan pakaian kimono adalah mustahil! Apa lagi seorang wanita. Maka pihak berkenaan pun buat kajian. Seorang pelari pantas disuruh melakukan apa yang telah dilakukan oleh ibu itu. Satu benda seberat anak itu digugurkan dari atas dan pelari itu akan berlari sama jarak si ibu untuk menyambut benda itu. (Meman-dangkan si pelari, tiada tujuan khusus, mungkin mindanya tidak 'fokus', tidak bersemangat 'luar biasa'). Setiap kali percubaan ia gagal menyambut benda itu. (Apa aku peduli, yang jatuh itu benda bukan budak).

4. BERTINDAK

Anda mesti berani bertindak. Mulakan langkah pertama. 1001 langkah bermula dari langkah pertama. Konsep JDI: Just Do It perlu kita ungkayahkan untuk menuju matlamat dan mencapai impian kita. Kata Perambahan Brunei: 'Buat tia!' Asalkan tidak bertentangan dengan hukum negara dan agama, maka ia halal untuk dilaksanakan. Sebab itulah perkataan: 'Malastah ku-ingau' perlu dinyah hakis-kan daripada amalan kehidupan kitani orang Brunei jika ingin maju dan menjadi bangsa yang digalati di arena antarabangsa.

"Rahsia menuju kekayaan: Buatlah apa yang patut anda buat: jangan buat apa yang anda suka buat." - Dr. Azman Ching.


Saudaraku, bangsaku, di mana anda berada sekarang? Insan luar biasa 5 peratus atau masih mahu mewarisi pengajaran 'poor dad'? Ke mana arah tuju anda? Berdikari atau 'makan gaji'? Kekayaan atau kemiskinan?

"Kaya tidak mustahil! Orang lain boleh kaya, anda pun boleh kaya. Soalnya sekarang, siapa yang mengatakan mustahil? Anda atau orang lain? Siapa sebenarnya yang menentukan hidup anda? Anda atau orang lain? Anda tidak boleh berada pada dua tempat berbeza dalam masa yang sama. Sama ada anda menuju kekayaan atau menuju kemiskinan ... pilihan di tangan anda ...

3. BERANI MENGHADAPI CABARAN:

Cabaran anda sebenar-

Dalam MLM lebih besar jumlah organisasi anda, maka akan lebih besarlah pendapatan anda! Iaitu usaha anda meneguhkan organisasi anda akan berbaloi dengan usaha dan tenaga anda.



RAJAH 5

"Ubah Sikap Anda dan Anda Merubah Hidup Anda!"

"Bekerjalah untuk duniamu seolah-olah engkau akan hidup selamanya, dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah engkau akan mati esok hari." - Hadis "Jumpa anda di puncak kejayaan". - Anak Kedayan, UBD.

RUJUKAN

1. Al-Quran.
2. Al-Hadis.
3. Ahmad Atroy Hus-sain, Pengurusan Organisasi, Utusan Publications dan Distributors Sendirian Berhad, Kuala Lumpur, 1993.
4. Azman Ching (Dr.),

9. Napoleon Hill, Kejayaan Tanpa Had, trj. Azman Ayob, Thinker's Library, Selangor, Malaysia, 1998.


10. Napoleon Hill, Berfikir Ke Arah Kejayaan, trj. Yusof Wanjor, Selangor, Malaysia, 1997.

11. Napoleon Hill, Kunci Menuju Kejayaan Hidup, Albaz Publishing & Distribution Sendirian Berhad, Selangor, Malaysia, 2000.

12. Robert T. Kiyosaki, et. al., Rich Dad Poor Dad, Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, 2002.

13. Robert T. Kiyosaki, et. al., The Cashflow Quadrant, Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama,

RAJAH 4



Menuju Kekayaan, CNL Group Network Sdn. Bhd. Selangor DE, 2001.

5. Billi P.S.Lim, Berani Gagal, HardKnocks Factory Sendirian Berhad, Selangor, Malaysia, 1997.

6. Burke Hedges, Copycat Marketing 101, Definite Privilege Sendirian Berhad, Selangor, Malaysia, 2001.

7. Jeff Keller, Attitude Is Everything, Meridien Marketing, RSA, 2001.

8. Jaafar Salleh, Etika & Agenda Seorang Muslim, Penerbit Berbud, Kuala Lumpur, 1998.

Jakarta, 2001.


14. Razzi Armansur, Hidup Untuk Menang, SN Future Enterprise Sendirian Berhad, KL, Malaysia, 1996.

15. Network Twenty-one, Owner's Manual Version 7 dan 8, Definite Privilege, Sdn Bhd, 1997.

16. Razzi Armansur, Galeri MLM: 101 Panduan Kejayaan MLM (Multi-Level Marketing), SN Future Enterprise Sendirian Berhad, KL, Malaysia, 1996.

17. Roger Fritz, Fast Track, Meridien Marketing, RSA, 1999.

RAJAH 3



Dosen di universitas ini, tidak mampu untuk menyekolahkan anak sendiri. Saya lebih malu dengan diri saya. Nama saya terkenal, tetapi saya masih miskin! Anak-anaku, ibu bapa kamu orang kaya-kaya. Mampu untuk mengadakan segalanya. Saya jual sabun waktu malam, kerana ingin membantu ekonomi keluarga saya. Mengubah nasib saya! Kenapa saya harus malu...? "Malu mestilah bertempat!" Mahasiswa menitis-kan air mata dan insaf!

CERITA INDUSTRI COLI

Sebuah syarikat pembuatan 'coli' hendak membuka pasaran antarabangsa. Negara yang ditarget ialah Afrika Selatan. Pengarah syarikat telah arahkan seorang pengurus pemasaran yang berpengalaman belasan tahun untuk dihantar ke Afrika untuk buka kajian pasaran. Tiba di Johannesburg, Ahmad pun check in hotel, terus pergi ke Pasar. Tempat orang ramai. Tidak tengok atas tidak tengok bawah. Tengok tengah-te-

kamu?! Suara Abu terketar-ketar untuk menjawab memperkenalkan dirinya dan menawarkan diri untuk pergi buka pasaran coli di Afrika. Bos tidak yakin apabila lihat penampilan Abu. Tetapi Abu masih merayu untuk diberikan peluang pergi ke Afrika membuat kaji selidik akan kemungkinan pasaran coli itu. Akhirnya bos beri kesempatan. Dengan syarat 'one way tiket'. Abu pun terbang ke Afrika. Tiba di hotel, terus turun untuk buat tinjauan. Dia pergi ke pasar. Tidak tengok atas, tidak tengok bawah. Tengok tengah-tengah sahaja. Wah! Pasti meletup! Balik semula ke hotel. Telefon Bos. Hello, Bos! Ini saya Abu!. Apa Abu? Abu mana? Abu Sayyaf? Bukan bos, Abu yang bos hantar ke Afrika Selatan tempoh hari ... Ohh ... ha apa hal Abu? Luar biasa bos! Besar! Besar! Bos! Abu, jangan main-main, apa yang besar-besar! Untung besar bos! Kalau kita buka pasaran coli di sini, tak ada saingan bos! Bos, tolong kirim 10 konten coli saiz besar ... Apa? 10 konten! Ya bos. Di sini pe-

Sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman

TELAH menjadi kelaziman setiap kali menyambut Hari Raya Aidilfitri orang ramai akan berpusu-pusu ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ahli-ahli kerabat diraja.

Kesempatan seumpama itu tidak dilepaskan begitu sahaja oleh rakyat dan penduduk di negara ini malah pengunjug dan pelancong asing yang bertandang ke negara ini juga berpeluang menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis baginda.

Golongan wanita merupakan antara jumlah terbesar yang berkunjung sepanjang tiga hari istana dibuka kepada orang ramai. Wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual beberapa orang yang bertandang ke sana.

Dayang Hajah Kumit binti Haji Muncung, berusia 45 tahun berasal dari Kampong Perpindahan Lambak Kanan berkata kesempatan yang diberikan itu sebagai peluang keemasan kepada beliau selaku rakyat negara ini untuk menyebarkan sendiri ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja.

"Jika hari-hari biasa bukan mudah bagi kita selaku rakyat biasa keluar masuk kawasan istana tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu, cuma Hari Raya inilah peluang kita menjejaskan kaki ke istana dan bersua muka dengan raja yang dikasihi," katanya.



MUNA Fitria, warganegara Republik Indonesia yang bekerja di negara ini merasa kagum dengan keunikan sambutan Hari Raya Aidilfitri di negara ini, di mana orang ramai boleh berkunjung ke Istana Nurul Iman.

Baginda dan kerabat diraja sentiasa menampakkan wajah ceria, mesra

Beliau juga merasa kagum baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang sentiasa menampakkan wajah ceria dan mesra ketika menemui orang ramai berbilang bangsa dan kaum yang datang menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman.

Dayang Hajah Fatimah binti Haji Mohamad, ber-



DAYANG Hajah Fatimah, 55 tahun merasa gembira berpeluang menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman, walaupun terpaksa berbaris panjang di ruang legar Istana Nurul Iman.

sia 55 tahun berasal dari Kampong Saba Tengah pula menyatakan beliau tidak melepaskan peluang setiap tahun Hari Raya Aidilfitri menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja.

"Saya merasa gembira kerana berpeluang menjunjung ziarah dan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja walaupun terpaksa berbaris panjang di ruang legar istana," katanya yang datang bersama anak-anaknya kira-kira jam 11.00 pagi di hari pertama Istana Nurul Iman dibuka bagi kunjungan orang ramai.

Beliau seterusnya mendoakan semoga baginda dan ahli kerabat diraja yang lain dipanjangkan usia, kekal karal memerintah negara dengan adil dan saksama serta semoga Allah sentiasa melindungi negara ini dalam keadaan

LIPUTAN DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH DAYANGKU HAJAH SAIDAH PHOA

aman, makmur dan sejahtera di bawah pemerintahan raja yang dikasihi oleh rakyat baginda.

"Saya merasa sangat kagum dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di negara ini begitu meriah dan unik sekali di mana orang ramai boleh berkunjung ke istana bertemu kepala negara dan keluarga baginda dalam suasana yang harmoni dan mesra, ini tidak mungkin kita temui di negara-negara Islam lain di dunia ini," kata Muna Fitria, warganegara Republik Indonesia yang bekerja di salah sebuah syarikat swasta di negara ini.

Beliau yang telah dua tahun menyambut Hari Raya Aidilfitri di negara ini seterusnya berkata penonjolan sikap baginda yang tidak sombong dan cepat mesra dengan sesia-

pa sahaja tanpa memilih bangsa dan agama seharusnya dicontohi oleh pemimpin di negara lain.

Dayang Fatimah dari Kampong Sungai Akar pula berpendapat dengan adanya hari terbuka seperti itu orang ramai berpeluang mengunjungi istana dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda kerana kesempatan seumpama itu tidak mungkin ada pada hari-hari lain.

Oleh itu, beliau tidak pernah melepaskan peluang yang diberikan pada setiap tahun untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja. Di kesempatan itu beliau menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja.

"Sewaktu saya menunggu bas yang disedia-

kan untuk naik ke istana, keadaan di luar sana pada tahun ini lebih tersusun dan terkawal rapi dari tahun-tahun sebelumnya dan orang ramai pula tidak perlu menunggu lama dan berebut-rebut menaiki bas kerana kenderaan yang disediakan sentiasa ada berulang-alik mengambil orang ramai yang berkunjung ke istana," katanya.

Melalui hari terbuka bagi orang ramai berkunjung ke Istana Nurul Iman di Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini mencerminkan kemesraan antara raja dan rakyat serta melambangkan betapa kukuh dan padunya institusi raja dan rakyat. Ianya juga membuktikan bahawa sistem pemerintahan beraja melalui kepimpinan dari singgahsana itu telah membawa keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam.



DAYANG Hajah Kumit menjelaskan di Hari Raya adalah peluang yang amat berharga bagi menjejaskan kaki ke istana dan bersua muka bersama raja yang dikasihi tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu, sebagaimana hari-hari biasa.

Hari Raya kesempatan untuk melihat istana

Oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Samle Hj. Jait



AWANG Peter Chew penuntut Sekolah Menengah Mohammad Alam, Seria segak dengan baju cara Melayu dan gembira berhari raya ke istana bersama kawan-kawan yang beragama Islam.

ISTANA Nurul Iman yang dibukakan bagi kunjungan dan junjung ziarah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di kalangan rakyat dan penduduk termasuk para pelancong merupakan peluang dan kesempatan yang amat berharga.

Kesempatan sedemikian juga tidak dilepaskan oleh golongan tua, muda dan kanak-kanak khususnya golongan remaja pelbagai peringkat bagi meluahkan rasa kegembiraan kerana dapat berkunjung.

Awang Chew Yung Leat berusia 15 tahun yang kini masih menuntut di Sekolah Menengah Mohammad Alam, Seria meluahkan rasa gembiranya kerana dapat melihat lebih dekat keindahan Istana Nurul Iman dan dapat bersemuka bersama raja yang dikasihi.

Walaupun dia bukan beragama Islam, keme-

rian sambutan Hari Raya turut dirasakan sehingga beliau begitu selesa memakai pakaian cara Melayu dan bersongkok.

Awang Peter Chew yang juga menuntut di Sekolah Menengah Mohammad Alam Seria juga merakam kegembiraan bersama kawan-kawan yang beragama Islam apabila sambutan Hari Raya menjelang.

"Sambutan Hari Raya merupakan peluang yang terbaik, sangat berharga dan secara tidak langsung saya dapat bersemuka dengan raja dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat baginda," katanya.

Selain dapat berkunjung ke Istana Nurul Iman Hari Raya juga membuka peluang kepada kami yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi rumah kawan-kawan yang

beragama Islam untuk mengeratkan lagi hubungan sebagai teman sekolah, jelasnya.

Sementara Awang Abdul Azrin bin Abdul Latif yang kini menuntut di Sekolah Menengah Sharif Ali dalam tingkatan 3 berkata, beliau setiap tahun berkunjung ke Istana Nurul Iman apabila Hari Raya untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



AWANG Abdul Azrin bin Abdul Latif menuntut di Sekolah Menengah Sharif Ali, setiap tahun ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pada tahun ini, dia merasa hairan kerana terdapat perubahan yang begitu baik dalam melayan para pengunjung ke Istana Nurul Iman, menyediakan pelbagai hidangan yang begitu sedap termasuk bermacam-macam kuih-muih minuman disediakan, katanya.

Katanya, setiap tahun dia akan tetap berkunjung ke Istana Nurul Iman apabila sambutan Hari Raya menjelang.



AWANG Chew Yung Leat, 15 tahun gembira melihat lebih dekat keindahan Istana Nurul Iman dan dapat bersemuka dengan raja.

OLEH YANG DIMULIAKAN PEHIN
JAWATAN DALAM SERI MAHARAJA
DATO SERI UTAMA DR. HAJI AWANG
MOHD. JAMIL AL-SUFRI

SIRI PERTAMA



Pada masa Awang Alak Betatar memerintah, Brunei masih kafir dan takluk ke Majapahit. Perkara ini ada disebutkan dalam Nagarakretagama yang ditulis oleh Prapanca pada TM 1365.¹ Kemudian sekitar TM 1368, apabila Pateh Aria Gajah Mada yang termasyhur gagah itu telah meninggal dunia² maka keadaan itu dijadikan kesempatan oleh Awang Alak Betatar memasyhurkan kemerdekaan Brunei.³ Setelah memeluk Islam baginda juga telah berkahwin dengan Puteri Johor, dan seterusnya baginda dikurniakan nama 'Sultan Muhammad Shah' oleh Sultan Johor.⁴

Menurut Salasilah Raja-Raja, Sultan Muhammad Shah ini hanya mempunyai seorang puteri yang berkahwin dengan Ong Sum Ping, dan apabila baginda lindung⁵ diganti oleh adinda baginda Pateh Berbai dengan menamakan diri baginda Sultan Ahmad.⁶ Menurut tulisan di batu nisan⁷ kepunyaan Rokayah binti Sultan Abdul Majid Hasan ibnu Muhammad Shah Al-Sultan yang bertarikh TH 862 (TM 1457) yang didapati di kawasan Perkuburan Islam Jalan Residency, ternyata Sultan Muhammad Shah ada mempunyai puteri bernama Sultan Abdul Majid Hasan⁸ dan puteri baginda itu yang menjadi pengganti baginda.⁹ Sultan Abdul Majid Hasan menaiki takhta dijangka pada TM 1402 kerana mengikut riwayat China pada TM 1403 Raja Puni adalah seorang Raja yang baru menaiki takhta.¹⁰

Sokongan padu dalam permuafakatan antara mereka adik-beradik ini seterusnya telah dijadikan wasiat untuk disampaikan kepada anak cucu mereka supaya sentiasa taat kepada Raja dan menjunjung perintah Raja.¹¹ Wasiat itu terus dijadikan amanah kekal untuk disampaikan kepada keturunan mereka (orang Kampong Saba) dan terus-menerus bersambung-sambung hingga ke akhir zaman ini.

Sejarah Sultan-Sultan Brunei menaiki takhta

PRAKATA

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Azzawajalla, Tuhan Yang Maha Kuasa mengatur perjalanan alam dan segala peristiwa yang berlaku di dalamnya mengikut takdir kudrat dan iradat-Nya untuk menjadi pelajaran dan iktibar kepada manusia semasa menjalani hidupnya. Selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah menyampaikan seruan Islam kepada manusia supaya mereka menyedari kewajiban masing-masing terhadap Allah Subhanahu Wataala. Begitu juga kepada sahabat-sahabat Baginda yang setia lagi jujur dan mentaati ajaran Islam yang ditentukan oleh hukum dan perintah Allah Subhanahu Wataala. Semoga kita termasuk dalam golongan orang beriman yang diredai Allah.

Institusi Beraja di Brunei ini adalah satu institusi yang unik, kukuh dan tertua di rantau Alam Melayu. Institusi ini telah wujud sejak berabad-abad dahulu sebelum TM 400 dan hingga sekarang pun masih mengamalkan konsep asalnya itu. Dalam buku Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta ini secara ringkas menyinkap kembali gambaran pengalaman Sultan-Sultan Brunei yang diwarisi sejak berzaman-zaman yang diharatkan supaya dapat menjadi pengajaran dan contoh teladan.

Walaupun dalam Sistem Beraja di Negara Brunei Darussalam ini merupakan satu penyusunan kukuh yang mendapatkan sokongan padu daripada pembedar-pembedar negara serta rakyat jelata keseluruhannya, tetapi sejarah Negara Brunei Darussalam tidak sunyi daripada rebutan kuasa di kalangan keluarga-keluarga Diraja yang berkenaan. Perkara ini ada yang sengaja dirancang dan ada secara kebetulan, antaranya termasuklah mereka yang tidak disangka-sangka mengambil alih kuasa itu seolah-olah ada sesuatu yang mengatur pada mengembalikan kuasa-kuasa itu kepada yang berhak.

Maka, dalam keadaan apa pun, perlulah kita berjaga-jaga, walaupun dalam zaman moden seperti ini, kemungkinan rebutan atau rampasan kuasa itu adalah di luar jangkaan, tetapi telah terbukti dalam sejarah bahawa perkara seperti ini telah berlaku. Oleh kerana kuasa itu kerap kali menjadi rebutan, maka kita hendaknya berjaga-jaga supaya sesuatu perkara yang boleh menimbulkan rasa tidak puas hati tidak akan timbul atau supaya jangan sampai perasaan seperti ini berkembang terus, lebih-lebih lagi jika ada sebarang fitnah atau hasutan atau diperalatkan oleh faktor-faktor luar untuk merebut kuasa itu. Sebaliknya, adalah bermanfaat bagi kita memelihara dan melindungi elemen-elemen ketertahanan supaya mereka yang berkenaan akan terus bermotivasi dan terpelihara.

Sebaik-baik pertahanan dan usaha berjaga-jaga itu ialah pertama, sentiasa berpegang teguh kepada Allah Subhanahu Wataala kerana Allah berjanji akan memelihara sesiapa yang menyerah diri kepada-Nya seperti firman-Nya dalam Al-Quran tafsirannya: "Barang siapa yang bertawakal kepada Allah maka Allah akan mencukupi keperluannya." Kedua, dengan menyusun struktur Kerajaan yang teratur antara lain memberikan kesempatan penyertaan kepada tenaga-tenaga terlatih dan berkelulusan serta diadakan sistem yang boleh memberikan penelitian seimbang (check and balance).

Ulasan mengenai isi kandungan buku ini diharapkan secara ringkas saja untuk menjadi gambaran pengenalan kepada sejarah yang

telah berlaku itu. Antara lain yang perlu diambil perhatian ialah permuafakatan atau majlis syura sama sendiri untuk mendapatkan kata sepakat yang bersepadu seperti yang dilakukan oleh saudara-saudara Awang Alak Betatar yang seramai 13 orang semasa hendak memilih kekanda mereka menjadi Raja untuk menggantikan ninda baginda Sang Aji yang dijangka lindung pada TM 1362 dan seterusnya bermuafakat itu dijadikan suatu adat yang perlu dilakukan. Kemudian bermuafakat yang dicontohi itu telah diwasiatkan lagi kepada anak cucu mereka supaya jadi amalan yang berterusan untuk mengukuhkan sokongan padu terhadap Sultan dan sentiasa menjunjung titah baginda.

Pesanan yang ditinggalkan oleh Sultan Sharif Ali yang mengingatkan kepada orang Brunei supaya tiap-tiap sesuatu pekerjaan yang dibuat hendaklah diniatkan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala untuk mendapatkan keredaan-Nya. Pesanan ini adalah suatu jasa yang sangat tinggi nilainya kepada orang Brunei dan dijangka menjadi suatu warisan yang perlu diabadikan hingga ke anak cucu kerana maksud pesanan itu sesuai dengan tujuan hidup di dunia ini yang semata-mata untuk menyediakan bekalan ke akhirat dan hendak mendapatkan keredaan Allah.

Begitu juga cara mengamalkan dasar keadilan yang dicontohkan oleh Sultan Bolkiah yang kesannya menyebabkan Negara Brunei berkembang luas dapatlah dijadikan contoh teladan dan ikutan kerana sudah ternyata faedahnya kepada negara dan rakyat Brunei. Hasil yang didapati daripadanya memakmurkan negara dan rakyat Brunei itu telah menimbulkan rasa puas hati kepada rakyat dan keadaan itu menjadikan orang Brunei lebih giat berusaha sehingga Bandar Brunei menjadi pusat pasaran kepada jajahan takluk rantau pesisir pada masa itu. Kemasyhuran pengalaman keadilan yang tersebar luas itu juga telah menggalakkan negeri-negeri lain tertarik hati dengan sukarela hendak berhubung di bawah panji-panji keadilan Brunei.

Kewarakan Sultan Husain Kamaluddin yang telah dikurniakan oleh Allah berkat yang luar biasa sehingga air laut menjadi tawar dan buah nyirih jadi pitabu adalah suatu keistimewaan yang jarang-jarang didapati. Terjadinya perkara yang disebutkan ini mungkin disebabkan pendirian baginda yang jujur dan tidak mahu mengambil hak orang lain dengan sewenang-wenangnya kerana semata-mata teguh mengikut perintah Allah untuk mendapatkan keredaan-Nya. Sikap pendirian baginda yang tidak mahu menukarkan takhta kerajaan kepada putera-putera baginda dan sebaliknya hendak menyerahkan takhta Kerajaan kepada keturunan Sultan Muhyiddin itu adalah suatu pendirian yang tinggi nilainya.

Akan tetapi semasa Brunei dalam pemerintahan Sultan Muhammad Alam, beberapa kezaliman telah berlaku dan akibat daripada perbuatan itu, Brunei telah mengalami kemarau panjang dan tumbuh-tumbuhan sukar hidup, sehingga pemakanan pun payah didapat. Perbezaan kejadian yang seperti ini perlu dijadikan iktibar supaya kita sentiasa memilih jalan berkeadilan agar kita sentiasa dilindungi Allah dan terhindar daripada malapetaka.

Akibat peperangan saudara yang telah berlaku di Brunei (selama 13 tahun) perlu direnungkan dengan sedalam-dalamnya dan difahamkan asal mula puncanya yang terbit

daripada kejadiannya itu. Oleh kerana perkara ini terbit daripada perasaan tidak puas hati dan didorong oleh hawa nafsu yang ingin hendak menguasai hak orang lain, maka apabila timbul hasutan syaitan, kesabaran sudah tidak dapat ditahan dan perasaan belas kasihan dan timbang rasa tidak dikenal lagi, maka pembunuhan kejam pun berlaku dengan sewenang-wenang tanpa memikirkan akibat bahaya yang akan terjadi. Dalam masa itu tidak dikenang lagi balasan seksa daripada Allah. Pada masa marah itu memang kehendak hati sahaja yang bermaharajalela untuk memuaskan hati yang geram.

Kalau perkara ini tidak ada penyelesaian, maka akan timbul perasaan dendam-mendendam sesama sendiri yang tidak puas-puas sehingga apa yang menggonggonya akan dirosakkan. Akan tetapi setelah bermara (membahayakan) antara keluarga yang terlibat, banyak yang terkorban dan yang sudah hilang itu disedari tidak akan kembali lagi, barulah timbul penyesalan yang tidak putus-putus; lebih-lebih lagi kalau yang dikorbankan itu saudara kandung. Yang lebih bahaya apabila akibatnya itu melemahkan kekuasaan berbangsa dan bernegara yang boleh menjadikan jajahan takluk rantau pesisir yang luas terlepas daripada pegangan.

Perlu diambil perhatian juga, dalam sesebuah masyarakat Brunei pada zaman dahulu ada antaranya yang pernah diperalatkan oleh bangsa lain dan berusaha bersungguh-sungguh membantu orang luar yang bercita-cita hendak menguasai Negara Brunei ini, tanpa menyedari perbuatan itu boleh merosakkan negara dan bangsa sendiri disebabkan hendak mendapatkan sesuatu kesenangan hidup yang lebih lumayan atau sesuatu kuasa yang tertentu yang telah dijanjikan kepadanya. Padahal, perkara yang dijanjikan kepadanya itu belum tentu akan dapat diperolehinya; sebaliknya hasil yang akan diharapkannya hanya sebagai janji palsu kerana lazimnya orang yang boleh dijadikan alat seperti itu akan diangap oleh pihak yang menggalakannya ialah orang yang tidak boleh dipercayai; sedangkan kepada Raja dan negaranya lagi dia belot apatah lagi kepada orang lain. Akibat perbuatan yang 'menamprung' ini perlu dijadikan pengajaran supaya kita tidak terpedaya oleh pujak rayu daripada orang yang berhajat sedemikian.

Mudah-mudahan gambaran kejadian yang disebutkan dalam buku ini dapat difahamkan, disedari dengan sebaik-baiknya dan dinilai apa yang tersirat di dalamnya untuk dijadikan pengajaran dan panduan hidup berbangsa dan bernegara pada masa sekarang dan akan datang. Dengan berpandukan pengajaran yang disebutkan semoga kita akan sentiasa berhati-hati tidak akan melakukan keterluran terhadap perkara-perkara yang tidak sesuai dengan peribadi bangsa Brunei yang telah disebutkan.

Daripada kejadian yang berlaku dalam sejarah yang terdahulu itu juga dapat dijadikan contoh yang nyata dalam melakukan sesuatu yang hendak dibuat supaya kita terpelajar daripada melakukan perkara yang tidak sesuai dengan peribadi bangsa Brunei, kerana sesuatu sejarah itu biasanya akan berulang. Berpandukan contoh teladan dan pengajaran yang telah lalu itu dapat mendorong kita untuk membuat sesuatu perkara yang berkeadilan sambil berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala semoga kita terhindar daripada melakukan perkara yang berlawanan dengan perintah-Nya.

1. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tarislah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1991, h. 39-40.

2. Pendirian Awang Alak Betatar yang 13 orang isteri Awang Semaun, Pateh Merbai (Berbai), Pateh Maunang, Pateh Tuba, Pateh Sangkara, Pateh Menggurun, Pateh Malak, Pateh Pader, Danang Seri, Pateh Sinarong, Danang Leher Duan, Haje Awang dan Pateh Laila Linggar yang menjadi datuk nenek orang Kampong Saba yang termasyhur dengan sebutan 'Saka' (Paddawan Raja). Mereka inilah yang berkecayaan memeluk Gendang dan Piong-Piong.

3. Lihat Syair Awang Semaun.

4. Prapanca, Nagarakretagama, 1963, h. 144; Yusef Halim dan Pasi Umar, Sejarah Brunei, Pongali, 1. The Brunei Press, Kuala Belait, 1958, h. 13.

5. Pateh Aria Gajah Mada meninggal dunia pada TM 1364 (lihat Slamet Majjana, Menentang dan Defen-Syair, Brunei, Dharmas Karyo Akara, Jakarta, 1979, h. 139; Mohd. Dahlan Manner, Pengantar Sejarah Nusantara Awal, Brunei, Karyo Akara, Jakarta, 1979, h. 183; dan Brown, C.C., 'An Early Account of Brunei by Song Lien', BMJ, Vol. 2, No. 4, 1972, h. 227).

6. Sweeney, P.L.A. (ed), 'Silislah Raja-Raja Bernani', JMBRAS, Vol. XII, Part 2, 1968, h. 52.

7. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tarislah Brunei: Sejarah Awal ..., hlm. 53-54.

8. Dianggap pada TM 1402 kerana menurut catatan China pada TM 1403, Raja Puni (Brunei) baru menaiki takhta (lihat Brown, C.C., 'An Early Account ...', 226).

9. Sweeney P.L.A. (ed), 'Silislah Raja-Raja Bernani', h. 226.

10. Lampiran A.

11. Menurut kandungan batu nisan itu mungkin Rokayah ini isteri kepada Sultan Muhammad.

12. Menurut Lenteran Pengiran Haji Muhammad Salleh bin Pengiran Anak Haji Muhammad, memang terdapat beberapa orang Sultan Brunei yang tidak termasuk dalam Salasilah Raja-Raja Brunei.

13. Brown, C.C., 'Two Ming Texts Concerning King Ma-na-je-chia-nu of Po-ni', BMJ, Vol. 3, No. 2, 1974, h. 224. Bagaimanapun, hal ini tidak disebutkan dalam nama-nama versi Salasilah Raja-Raja Brunei.

14. Brown, C.C., 'An Early Account ...', h. 226.

KALAU LAULAH Tuan Haji Baharom orang yang bijak menilai dan merasakan gerak langkah sesuatu pergerakan dan perjalanan, tentu Tuan Haji itu akan tahu atau sekurang-kurangnya mendapat firasat bahawa pergerakannya kali ini akan melalui banyak onak dan durinya, kalau dibandingkan dengan yang sebelumnya. Tapi Tuan Haji Baharom adalah seorang manusia biasa yang tidak dikurniakan Allah keistimewaan untuk melihat apa yang tersirat.

Memang awal-awal lagi Tuan Haj Baharom sudah dibebankan dengan pelbagai kesukaran yang tidak diduga, tapi semua itu dianggapnya sebagai satu tugas dan tanggungjawab, lebih tepat sebagai dugaan dan cubaan. Itu disematkan Tuan Haji Baharom dalam dadanya. Semua itu tidak dianggapnya sebagai rintangan mahupun satu alamat yang kurang baik. Ia bertawakal kepada Allah.

Perjalanan yang memakan masa lebih dari sepuluh jam itu tidak banyak mempengaruhi dirinya. Ia merasakan suatu keanehan dalam perjalanannya kali ini. Bisikan nalurinya ada yang lain dari yang sudah-sudah. Tapi semua itu tidak dinampakkannya kepada isterinya, takut kalau-kalau isterinya nanti akan dapat mengesan kegeliasahan itu. Sesekali

Tuan Haji Baharom melemparkan pandangannya keluar jendela.

"Masya-Allah..."

Itu saja kalimat yang dapat diungkapkannya. Betapa besar kuasa Allah yang menerbangkan besi seberat itu. Tuan Haji Baharom cepat-cepat menurunkan penutup jendela. Dia ngeri melihat kepulan awan putih kelabu yang seakan-akan mengikut pesawat berwarna kuning, putih dan hitam. Hatinya mula dibalut berjuta kemungkinan yang boleh saja berlaku ketika terapung-apung di angkasa yang luas itu. "Barang dijauhkan Allah," bisik hati kecilnya.

Tuan Haji Baharom terkejut bila saja tanda isyarat berbunyi mengarahkan semua penumpang memakai tali pinggang keselamatan. Ingatannya secara automatik bersambung dengan ceri-



B o n u s

CERPEN

ta-cerita rekaan segala macam peristiwa yang berlaku dalam penerbangan seperti di kaca tv. Nalurinya menggigit kuat dan dikaitkannya dengan kejadian-kejadian sebelum ia menaiki pesawat.

Cepat Tuan Haji Baharom mengambil sebuah buku kecil, buku yang tidak pernah tinggal walau ke mana. Walau bukan dengan kapal ter-

bang buku itu pasti dibawanya bersama. Tuan Haji Baharom mula membuka buku itu dan membacanya. Isterinya yang diam sedari tadi membiarkan saja suaminya membaca buku itu. Surah Yaassin.

Tenang seketika jantung Tuan Haji Baharom, ia seolah-olah duduk di kerusi empuk ruang tamu rumahnya. Sedikitpun pesawat itu tidak

bergoyang. Anak-anak kapal sibuk melayani penumpang. Namun ketenangan itu cuma seketika dan ia berulang kembali. Pesawat bergoyang dengan kuat seolah-olah menecah bumi dan akan mengeluarkan bunyi bila-bila masa. Tuan Haji Baharom tidak dapat menahan gelodak perasaannya lantas ia menjerit sekuat-kuat hatinya.

"Allahu Akbar"

Semua penumpang terpanjat dan pandangan mereka tertumpu ke arah Tuan Haji Baharom yang sudah berubah wajah menjadi pucat. Anak-anak kapal yang tadinya duduk diam dan tenang di tempat masing-masing tiba-tiba meluru mendapatkan Tuan Haji Baharom yang menjerit ketunggalan itu. Isterinya juga terkejut dan cepat mengejutkan suaminya.

Tuan Haji Baharom membuka matanya dan melihat kelilingnya. Ia merasakan tidak ada apa-apa perubahan. Cuma

OLEH MAYA BRUNEI

sedikit gegaran pesawat yang sudah selamat mendarat di bumi Arab - Jeddah. Tuan Haji Baharom senyum yang bercampur 'awar' kerana menjerit dalam bermimpi yang bukan-bukan.

Tuan Haji Baharom dan isterinya, Hajah Nikmah bukan kali pertama menaiki kapal terbang. Lebih sepuluh kali mereka pergi menunaikan ibadah haji dan umrah. Itu belum lagi ke tempat-tempat lain. Inilah yang menghairankan isterinya mengapa Tuan Haji Baharom seolah-olah takut pada kali ini.

"Mengapa bang Aji menarais antadi?"

"Mimpiku ... kapal kitani ani baguyang ... iatah kumanarais atu."

"Apa inda baguyang kitani udah datang, ia linding bah tu antadi."

"Pikirku tah tahampas ...!"

"Jangan cabul... jauh palis." Hajah Nikmah

menjeling suaminya. Haji Baharom diam. Ia memerhatikan keliling melihat kalau-kalau ada orang yang masih memandangnya.

Mekah Al-Mukaramah. Hari demi hari tidak terasa mereka berada di bumi suci itu. Kerinduan untuk kembali ke tanah air sudah membuat-buak memenuhi ruang benak semua jemaah. Masing-masing sudah menyiapkan barang-barang yang hendak dibawa balik. Tiba-tiba muncul masalah dan mereka tidak dapat pulang pada hari yang dijadualkan.

"Batah udah kitani sini ani Wang Aji ... bilatah kitani kan balik?"

"Balik jua kitani karang tu, sabar saja tah dulu. Badoo saja." Haji Abdul Rahim selaku pegawai yang mengiringi mereka cuba menerangkan.

"Inda tantu baliknya atu ... ingau jua. Ampat ari udah lewatnya dengan ari

ini."

Haji Baharom makin gusar dan gelisah kerana waktu balik belum pasti bila. Ia risau bukan kerana kekurangan wang. Insya-Allah wang masih ada. Haji Baharom berusaha untuk melupakan semua itu dengan membanyakkan amalan-amalan sunat seperti tawaf dan umrah. Takaduhung berada di Tanah Suci itu, Haji Baharom dan isterinya tidak mensia-siakan waktu yang ada sebagai tambahan.

"Apatah gayanya kitani ani Wang Aji?"

"Inda tah jua kan ulahnya Pa Aji. Balum lagi ada usul-usulnya kitani kan balik." Haji Abdul Rahim menerangkan.

"Lima ari udah kitani lewat ani. Cuti pun limpas jua udah."

"Pasal cuti atu jangan tah diingaukan banar tu Pa Aji, dengan sendirinya tu karang dapat diuruskan oleh bisdia."

"Macam-macam udah kan didangar abar ani, inda batantu."

"Jangantah luan kan didangar abar-abar atu Pa Aji ... Ingau saja karang bahamal ibadat."

"Adatah kitani ani tidur di kaki lima, bajual pakaiahtah, inda cukup makantah ... macam-macam."

"Iatah kitani ani Pa Aji ... inda memilih tempat mun kan membuat abar atu. Di Mekah udah ni ... sepatutnya bahamal ibadat, ani membuat mulut tah pulang."

"Sepatutnya Wang Aji ah ... tolong pulang bah kalau kawan-kawan kitani mendapat gundala macam ani."

Iatah yang sebanar-banarnya macam miatu Pa Aji. Kawan atu bamasalah dangani, jangan di-biarkan... ani ditambah-tambahi tia pulang."

Tuan Haji Baharom cuba menenangkan hatinya, walaupun pada hakikatnya ia belum mendapat ketenangan dan kepastian bila mereka

CEPAT Tuan Haji Baharom mengambil sebuah buku kecil, buku yang tidak pernah tinggal walau ke mana. Walau bukan dengan kapal terbang buku itu pasti dibawanya bersama. Tuan Haji Baharom mula membuka buku itu dan membacanya. Isterinya yang diam sedari tadi membiarkan saja suaminya membaca buku itu. Surah Yaassin.

PUISI

INSAFLAH
(Buat Penagih Dadah)

Apa sebenar kau cari di situ
di sana hanya
berkhayal bermenung...
bermuram duka, kecewa dan
penyesalan yang tak berkesudahan.

Berolehkah sudah satu harapan
mendatangkan hasilkah
cuma...
ketagihan yang berpanjangan
kehancuran keluarga
kegelapan masa hadapan
kesempitan dan kemiskinan
yang hanya terhidang.

Renunglah
renunglah ke hadapan
masih terang
buka akalmu, otakmu
hatimu
indahlah kehidupanmu itu
berbahagialah dirimu di situ.

Takkan terlerai mahupun selesai
kekusutanmu di jalan itu.

Sedarlah
tak sedarlah banyak wang
kau belanjakan.

Malulah
malulah pada anakmu
isterimu
ibu bapamu
bangsamu
agamamu.

Titiskanlah
titiskanlah air mata keinsafan.

Menangislah
menangislah sepuasnya
lantaran kesedaranmu.

Ubatiilah
ubatiilah hatimu dengan membaca
Al-Quran.

Dengarlah
dengarlah rintihan
tangisan...
orang yang mengharap
awan kelabumu
alam tiba berisik.

Insafilah.

Rosdy Irwandy bin Abdullah

BUNGA SERIKANDI

Bunga-bunga serikandi
berseri megah, harum mewangi
merah, putih kelopak berkembang
menghias alam, memucuri pandang.

Bunga-bunga serikandi
berhemah tinggi berbukaya seni
kujulang, kusanjung
kustempati di sudut hati nurani
mekarlah dikas
dahai bungaku serikandi.

Hari ini pohonmu tegak berdiri
mencecah langit mengawan tinggi
menggapai hasrat
menggendong bakti
sekalipun merunduk mencium bumi.

Bunga-bunga serikandi
semangat menyala berapi-api
mempertahankan negara
memperkembangkan agama
mendidik mengasah keluarga tercinta
ke meroi jaya
antara doa dan harapan jua.

Ames Brunei

BIDADARI

Bidadariku
langit cerah membiar cahaya
di atas ombak jari menari
kibasan rambutmu serawai permai
kalau kintap indah matamu

walaupun hadirku untuk sejenak
kau berikan tembung-tembung cinta
kau persembahkan tramu-tramu ibunda.

Terakir dalam dinding hatiku
taburkan luka lama ini
dengan sinar emas pelangi
izinkan aku
bidadari
mengagumimu
kan kudengari serawai pagi
damai alam Syurgawi.

Bidadari
kau datang mempersonu...
berikan mawar cintamu
nyalakan lilin di jiwaku
ingin kuraih dirimu
kubawa pergi ke duniaku.

Eldaroyani

MANUSIA

Manusia
mengapakah kau
lalai dan leka
dengan kehidupan duniawi
tanpa kesedaran
dan tanpa pegangan.

Dunia hanya pinjaman
untuk membuat segala amalan
di samping kebajikan
amal jariah sebagai bekal.

Pastinya
kau tak selamanya
menjejak bumi ini
suatu masa pasti sedari
akan disemadi di perut bumi.

Ingatlah
dunia hanyalah sementara
kesenangan dunia
tidak kekal selamanya
hanyalah sandiwara
semata-mata.

Bangunlah
wahai manusia
dari kelekaan
khayalan mimpi dusta.

Jadilah insan yang berguna
punya wawasan
punya harga diri.

Insafilah
dunia hanyalah sementara
akhirat tetap selamanya.

ALAM PERMAI

Ya Allah Ya Tuhanku
menyebut nama-Mu
terasa segan
bertafakur sejenak
melihat keindahan.

Lalu kupandang
keluar jendela
terpancarlah keindahan
alam maya
masih bersih nan hijau.

Emban pagi menyelubungi alam
udara segar menyusul jiwa
dalam suasana penuh kegembiraan
menyambut terbitnya sang mentari.

Tiupan angin lembut membelai
deru ombak memecah pantai
menjelajahi alam duniawi
indah nan permai.

Tumbuh meriah pesta alam
melihat burung berterbangan
berkicauan ke sana dan ke mari
melewati keindahan alam.

Kelmarin
hari ini dan esok
pasti tiba
tanpa diundang
pasti datang.

Puteri Nastasea

Dari muka 12

akan berangkat pulang ke
tanah air. Siapa jua tidak
risau menunggu sesuatu
yang belum pasti. Hari
demi hari menunggu deng-
ngan penuh debaran,
namun kapal terbang yang
ditunggu belum jua sam-
pai.

"Bisai tah turuh... sem-
bahyang hajat, tawaf sunat.
Jangan dibawa-bawai luan,
jadi penyakit, payah
pulang karang."

"Inda ku apa-apa ni
Bang Aji jangan tah diin-
gau-ingaukan."

"Insya-Allah balik jua
kitani karang, sabar saja."

Satu hari Tuan Haji
Baharom cuba meny-
mankan hati isterinya.
Hajah Nikmah tiba-tiba
'ketungkal' apa bila
mendengar kapal terbang
yang membawa mereka
balik belum datang-datang
lagi. Timbul uri Hajah
Nikmah, Tuan Haji Baha-
rom tambah bimbang.

"Andangnya bahamal
ibadat macam miani ani,
banyak dugaan dan
cubaannya. Kitani harus
tabah jangan lupa berdoa
moga kitani semua dalam
peliharaan Allah."

"Mengapa kapal inda
mengaga kitani ani kan
bung Aji. Padahal tambang
kitani bayar jua sudah, apa
lagi salahnya atu kan.
Luan jua abis diaorang
atu."

"Bukan pasal tambang
babayar ataupun inda,
cuma adalah kesilapan tu

sedikit, kitani mana jua
tau. Kitani di sini bisdia di
sana. Ada tu karang."

"Auu... lima hari udah
kitani macam miani ani,
inda jua pakah bisdia di
Brunei atu inda kan
memaduli kitani ah, bukan
kitani makan angin di sini
ani."

"Dada pulang sampai
miatu...".

Dalam hati Tuan Haji
Baharom memang bersa-
rang berbagai-bagai ke-
mungkinan yang akan tim-
bul dan boleh-boleh saja
berlaku. Tapi ia tidak
menampakkan kepada
isterinya, takut nanti akan
menambah lagi uri
isterinya yang sedia ada.

Kalau kan difikir-
fikirkan memang perkara
begini tidak boleh berlaku.
Bukan sekali atau dua kali,
malah sudah banyak kali ia
menunaikan ibadat umrah
seumpama ini. Barulah ini
kali pertama ia mengalami
kejadian seumpama ini.
Tuan Haji Baharom
berharap janganlah lagi
hendaknya perkara seum-
pama ini berlaku di masa-
masa yang akan datang.

"Semua ini sudah
ditakdirkan, ada hikmat di
sebalik kajadian ani."

Tuan Hai Baharom
cuba menasihati kawan-
kawannya yang cuba
bertindak sendirian.
Rakan-rakan sejemaah
Tuan Haji Baharom sudah
tidak sabar lagi. Mereka
sudah mulai gelisah dan
cuba-cuba berbuat sesuatu.
Mereka lupa di mana
mereka berada sekarang.

Kerana terlalu lama
menunggu dan khabar
berita sama ada balik atau
tidak, belum lagi dapat
dipastikan. Bila...esok...
lusa dan...(jangan cabul).

Hari ini sudah masuk
hari keenam mereka ter-
lewat untuk pulang.
Mereka masih berada di
Kota Mekah. Perasaan
yang memungkinkan pel-
bagai kejadian makin
bermaharajalela. Kesabar-
an dalam diri mereka mas-
ing-masing sudah sampai
ke kemuncak. Tiada wajah
ceria dan rasa syukur ke-
rana dapat tinggal lama di
Kota Suci seperti yang
sepatutnya. Mereka dija-
duakan berada di Mekah
tidak kurang dari enam
hari. Tapi sekarang sudah
sekali lipat, dua belas hari
penuh. Inilah namanya
kehendak Allah tiada siapa
yang dapat menghalang.
Itu adalah ketentuan-Nya.

"Kitani sepatutnya
bersyukur kerana dapat
tinggal lama di Mekah ini
dari yang dijadualkan,"
Haji Abdul Rahim cuba
menerangkan kelebihan
hari-hari yang terlewat.

"Banar pulang tu Wang
Aji...nganya ingau bali,
inda tantu atu."

"Ani tah namanya
'bonus' untuk kitani Pa
Aji."

"Pikir tah gaji nganya
babonus Wang Aji."

"Pari saja kitani
indakan tau, baumur maka
baumur kan mendapat
paluang macam miani
ani."

"Banar tu Wang Aji..."

bisai tah dirabut taka-
duhuh di sini ani."

Takungan sebuah
penantian kini sudah pecah
terburai. Berita yang
menggembirakan semua
jemaah sudah menjadi
kenyataan. Kapal terbang
yang akan membawa
mereka pulang ke tanah air
sedang dalam perjalanan
ke Jeddah. Ini bererti
mereka akan kembali ke
Brunei Darussalam.
Mudah-mudahan.

Tuan Haji Baharom
dan isterinya, Hajah
Nikmah baru saja selesai
mengerjakan Tawaf Wi-
daq. Mereka terharu dan
begitu sedih untuk
meninggalkan Kota Suci
itu. Kalau dulu hati mereka
bagai digamit-gamit untuk
pulang ke tanah air, tapi
sekarang sudah menjadi
lain. Hati mereka bagai
dihiris untuk mening-
galkan Mekkah Al-
Mukarramah. Itulah
hikmah kota yang tiada
duanya di dunia ini.

"Ya Allah ya
Tuhanku...janganlah
Engkau jadikan ini kali ter-
akhir untuk kami men-
ziarahi Rumah-Mu..."

Tuan Haji Baharom
tidak dapat meneruskan
kata-katanya. Ia melang-
kah begitu perlahan den-
gan diikuti oleh Hajah
Nikmah meninggalkan
Rumah Allah yang seakan-
akan tidak mahu diting-
galkan itu. Di ruang mata
mereka terbayang kapal
terbang tersadai di
Lapangan Terbang Jeddah
sedang menunggu mereka.

RALAT

SAJAK bertajuk SI
MATA GALAK (PELITA
BRUNEI) keluaran Tahun
47 Bilangan 49 bertarikh 4
Disember 2002 bersa-
maan 29 Ramadan 1423
dalam ruangan ANEKA
(PUI) di para 13 hen-
daklah dibaca

Lalu apakah lagi yang
hendak kita ungkapkan
tentang bangsa pembina-
sani?

dan di para 15 hendaklah
dibaca

Jangan cemuhkan pendiri-
an ini, saudara!

Sabar bukanlah tandanya
lemah

tawakkal bukanlah ko-
song menyerah

ini adalah pakaian Nabi-
nabi.

- Penyunting.



Dari muka 2

(Hiranyagarbha - Golden Germ).

Konsep ini membayangkan citra telur kosmik yang primordial dan melaluinya lahir Brahma, dewa pencipta. Ketika membicarakan mitos dinasti Brunei, D.E. Brown berpendapat bahawa SADAK merupakan unsur kekelakuan yang bersatu dengan unsur kewarisan yang diturunkan di hulu Sungai Borneo yang merupakan sumber hidup. SADAK memiliki sifat-sifat kedewaan seperti yang terdapat dalam namanya iaitu 'dewa' dan 'kayangan' serta telur itu jatuh dari syurga. Salah seorang anaknya iaitu Awang Alai Betatar telah menubuhkan Kerajaan Brunei.

Di samping itu beliau juga mengaitkan satu upacara yang mungkin diadakan suatu ketika dahulu yang bertujuan untuk menentukan dan menetapkan agar ia memiliki sifat-sifat kedewaan. Mitos ini juga menyempurnakan gabungan di antara tiga unsur kosmos iaitu matahari (turun dari syurga), air (Sungai Limbang) dan bumi (perkahwinan SADAK dengan seorang perempuan Murut).

Oleh itu mitos ini lebih bersifat asli bila dibandingkan dengan mitos asal-usul dalam Salasilah Kutai dan Hikayat Banjar yang dipengaruhi oleh unsur-unsur dari tradisi asing lewat Serat Rama dan cerita-cerita Panji dari Jawa.

Dalam karangan yang

ditulis oleh F.D.K. Bosch, 'The Golden Germ' (benih emas) sebagai simbol kepada kaum India iaitu yang merupakan permulaan kepada semua kehidupan iaitu persatuan di antara unsur lelaki dan perempuan yang kemudiannya lahir dari dalam telur yang disaluti dengan emas.

Menurut Bosch, telur emas itu membawa maksud kepada keturunan raja dengan konsep ketuhanan iaitu dewa-dewa yang melambangkan konsep raja yang mempunyai kuasa untuk menubuhkan sesebuah kerajaan yang makmur.

Oleh yang demikian, tradisi lisan mengenai permulaan tertubuhnya kerajaan di Negeri Brunei dari sebilu telur emas merupakan dari pengaruh Hindu yang bertapak di rantau Nusantara ini pada abad yang pertama Masihi.

KESIMPULAN

Tradisi lisan merupakan satu aspek yang sangat penting lagi signifikan dalam meneliti secara terperinci mengenai Sejarah Brunei Awal sebagai sumber rujukan atau sumber sejarah demi untuk mengetahui asal-usul dan susur galur Raja-Raja Brunei.

Tradisi lisan Brunei ada menyebutkan asal-usul Raja Brunei yang pan-cirnya daripada anak cucu Raja Geroyong (Pagar Ruyong) tetapi tidak diketahui sama ada hubungan ini melalui Awang Alai Betatar atau daripada ninda baginda iaitu Sang Aji atau mungkin juga daripada isteri baginda (Puteri Johor) yang dikatakan berasal daripada Raja Minangkabau yang turun dari Bukit Si Guntang ataupun Raja Geroyong yang disebutkan ada kaitannya dengan Kerajaan Palembang,

Asal Usul Kerajaan Brunei Awal Berdasarkan Tradisi Lisan

Seriwijaya.

Oleh itu agak begitu sukar sekali untuk dipastikan atau ditentukan sama ada asal-usul Kerajaan Brunei awal itu benar-benar pasti dengan adanya dua bukti atau pendapat yang telah diterangkan di atas itu tadi.

Kedua-dua pendapat ini agak sukar untuk diperkayai atau dipersetujui kenyataannya dengan sebulat kata, ini kerana adanya unsur-unsur mitos dan legenda dimasukkan dalam menyatakan asal-usul Kerajaan Brunei, akan tetapi jika unsur-unsur mitos dan legenda ini diimajinasikan atau difikirkan ke arah yang kritis dan logik, ia boleh menjurus ke arah kenyataan yang benar dan betul.

Ini bergantunglah kepada seseorang itu untuk menilainya atau memikirkannya sama ada dipercayainya atau tidak mengenai sejarah asal-usul Kerajaan Brunei seperti mana yang dilihat dalam tradisi lisan yang telah diperjelaskan di atas tadi. Selain dari melihat mengenai asal-usul Kerajaan Brunei dari sudut tradisi lisan, ia juga boleh dilihat dari sumber-sumber yang telah sedia ada seperti dalam sumber Arab dan sumber China.

NOTA AKHIR

Rujuk buku yang ditulis oleh Profesor Mohd. Taib Osman yang berjudul 'The Aims, Approaches and Problems in the Study of Folk Literature or Oral Tradition with Particular

Reference to Malay Culture', dalam Brunei Museum Journal, 1972, hlm. 159-164.

Hal ini telah dicatatkan dalam buku yang ditulis oleh Palaniappan Perianan dan Haji Ramlee bin Haji Tinkong yang bertajuk 'Mitos Dinasti Brunei Kerangka Tradisi Lisan Nusantara: Satu Kajian Interkultural', dalam Kertas Kerja dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Pengajian Melayu Nusantara dan Kolokium Tradisi Lisan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 23-26 Julai 1999, hlm. 2.

Ibid., hlm. 1.

Rujuk buku yang ditulis oleh Ahmad Abdul Kadir yang bertajuk 'Sejarah Lisan: Satu Kaedah Penyelidikan Sejarah', dalam Jurnal Darussalam, 1995, hlm. 8-22.

Hal ini telah ditulis oleh Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim yang bertajuk 'Asal Usul Kampong Ayer Di Brunei: Satu Aspek Tutaran', dalam Beriga, 1984, hlm. 8-11.

Sumber ini diperolehi melalui buku yang ditulis oleh D.E. Brown yang bertajuk 'Hiranyagarbha-The Hindu Cosmic Egg and Brunei's Royal Line', dalam Brunei Museum Journal, 1980, hlm. 30-37.

Peristiwa ini telah ditulis oleh Yang Dimulikan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dalam bukunya yang

berjudul 'Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam', Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 37-40.

Gajah batu ini pernah dilihat sendiri oleh Awang Haji Muhammad Noor bin Pehin Khatib Abdul Razak, Ketua Kampong Limbongan pada masa beliau bekerja menjadi juruukur dalam T.M. 1940-an.

Sumber ini dikutip dari buku yang ditulis oleh Haji Abdul Hamid bin Jaludin yang bertajuk 'Syair Awang Semaun Sebagai Epik, Bangsa Melayu Brunei', Jilid 1, Thesis M.A., 1995/96, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 82 (belum terbit).

Rujuk Palaniappan Perianan & Haji Ramlee bin Haji Tinkong, op.cit., hlm. 19-20.

BIBLIOGRAFI

Ahmad Abdul Kadir, 'Sejarah Lisan: Satu Kaedah Penyelidikan Sejarah', dalam Jurnal Darussalam, Bil. 2, 1995, hlm. 8-22.

Abdul Hamid bin Jaludin, Hj., Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei, Jilid 1, Thesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (belum terbit), 1995/96.

Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Hj., 'Asal Usul Kampong Ayer Di Brunei: Satu Aspek Tutaran', dalam Beriga, 1984, hlm.

8-11.

Awang Takong bin Amit, 'Pembicaraan Beberapa Maklumat Penting Tentang Kewujudan Kerajaan Brunei Lama Berdasarkan Kepada Sumber Tempatan, Arab dan China', dalam Beriga, 1988, hlm. 47-66.

Brown, D.E., 'Hiranyagarbha-The Hindu Cosmic Egg And Brunei's Royal Line', dalam Brunei Museum Journal, Vol. 4, No. 4, 1980, hlm. 30-37.

Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang, Tarsilah

No. 4, 1972, hlm. 159-164. Nicholl, R., 'Myth and Legend in Brunei History', Brunei Museum Journal, 1985, hlm. 32-41.

Perianan, Palaniappan & Ramlee bin Haji Tinkong, Hj., 'Mitos Dinasti Brunei Dalam Kerangka Tradisi Lisan Nusantara: Kajian Interkultural', Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Pengajian Melayu Nusantara dan Kolokium Tradisi Lisan Melayu, Universiti Brunei Darussalam, 1999.

Sukumari Bhattacharij, The Indian Theogony, A Comparative Study of

TRADISI lisan merupakan satu aspek yang sangat penting lagi signifikan dalam meneliti secara terperinci mengenai Sejarah Brunei Awal sebagai sumber rujukan atau sumber sejarah demi untuk mengetahui asal-usul dan susur galur Raja-Raja Brunei.

Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1990.

Mohd. Taib Osman, Prof., 'The Aims, Approaches and Problems in the Study of Folk Literature or Oral Tradition With Particular Reference To Malay Culture', dalam Brunei Museum Journal, Vol. 2,

Indian Mythology from the Vedas to the Puranas, Cambridge: University Press.

Teuku Iskandar, Prof., 'Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu Dalam Penyelidikan Sejarah Brunei', dalam Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1989, hlm. 43-49.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan. Alai jawablah soalan tercatat.

- Siapakah nama Yang Dipertua Mahkamah Rayuan yang baru yang telah menerima kurnia watakah perlantikan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman?
- Yang Amat Arif Dato Mohammed Saied.
- Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Sir Denys Tudor Emil Roberts.
- Yang Amat Arif William James Silke.
- Penduduk-penduduk dikawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) lambak Kiri akan mempunyai sebuah masjid. Berapakah luasnya kawasan masjid yang akan dibina itu?
- Sembilan ekar.
- Enam ekar.
- Tiga ekar.
- Apakah nama tajuk cerpen PELITA BRUNEI bilangan 39?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramat di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 4 Disember 2002.

1. C. 2. A. 3. Mahastwa-Mahastasi Berilmu dan Berakhlak Perkasa.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 4 DISEMBER 2002

DK. NURSAYZANI SYAFIQAH PG. 'ABDUR ROSYIID BIN BESAR, MASHALINI' FLAT LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB 3513. UMUR : 6 TAHUN SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN, BERAKAS

MUHD. DZULHILMI BIN HAJI ISKANDAR, NO. 32, SIMPANG 20, JALAN MANGGIS DUA. UMUR : 8 TAHUN SEKOLAH PGGMB, JALAN SUNGAI AKAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 561

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada, Ruangan Alai Pintar, 561, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain di Berkshire Hall, Jerudong Park Polo and Country Club telah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli Majlis Wanita.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MAJLIS WANITA MERIAH



Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Masri Osman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri yang juga selaku Penaung dan Pena-sihat Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Majlis Wa-nita yang sama-sama hadir memeriahkan sua-sana sambutan Hari Raya Aidilfitri (kiri). Sementara gambar kiri sekali baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berbual mesra di majlis itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain iaitu YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani berkenan bergambar kenangan bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (atas). Sementara gambar atas kanan, baginda dan DYTM ketika berkenan berangkat di majlis itu.




SEBELUM berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah dan bermesra bersama ahli-ahli Majlis Wanita (atas). Sementara gambar kiri, persembahan nyanyian oleh ahli-ahli Majlis Wanita menyerikan lagi suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Majlis Wanita.

SUDAH TERBIT!

BUKU TERBARU

"SEJARAH SULTAN-SULTAN BRUNEI MENAIKI TAKHTA"



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610, BRUNEI DARUSSALAM

Terbitan :

قوسة سجارة بروني
PUSAT SEJARAH BRUNEI

HARGA:

\$13.00 (TEBAL)

\$7.50 (NIPIS)

SILA HUBUNGI / BERKUNJUNG KE:

UNIT PENGELUARAN, BAHAGIAN PENERBITAN / KEDAI BUKU
PUSAT SEJARAH BRUNEI

Tel: 02-240166-9, E-mel: sejarah@brunet.bn & pusat@brunet.bn



JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

SEBAGAI PEGAWAI
PENTADBIR KEHAKIMAN BERGAJI HARI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai Pegawai Pentadbir Kehakiman bergaji hari di Jabatan Kehakiman Negara.

1. PEGAWAI PENTADBIR KEHAKIMAN BAHAGIAN II
Tanggagaji : \$ 103.00 sehani

2. Syarat-Syarat Kelayakan :

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran/Pengurusan atau Perundangan atau Perundangan Islam atau lain-lain kelulusan yang bersesuaian yang dikraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan /atau mempunyai pengalaman dalam bidang berkenaan merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian alat komputer dengan baik merupakan satu kelebihan.
- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuklah di luar masa bekerja biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

3. Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab dalam hal-ehwal yang berhubung dengan Pentadbiran serta Kewangan Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Syariah.
- Mengendalikan hal-ehwal perhubungan awam secara umum termasuk kegiatan-kegiatan keagamaan, sosial, kebajikan kemasyarakatan dan sukan.
- Mengurus hal-ehwal yang berkaitan dengan pemeliharaan, kebersihan dan keselamatan bangunan-bangunan di bawah kawalan jabatan.
- Bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan perkembangan Information Communication Technology (ICT) jabatan.
- Bertanggungjawab sebagai pegawai penyelaras di antara Hakim-Hakim dan pegawai-pegawai serta kakitangan di Mahkamah-Mahkamah Sivil dan Syariah dengan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Kehakiman Negara.
- Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.
- Bertanggungjawab mengurus kemajuan pegawai dan kakitangan Mahkamah Sivil dan Syariah, termasuklah latihan.

Pemohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan siji, satu keping gambar berukuran pasport serta dokumen-dokumen yang lain dan hendaklah dihantar tidak lewat **15 Januari 2003**, ke alamat berikut : Pengarah, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat I, Bangunan Bahrah, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN KEWANGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN BAGI PENYEDIAAN GALERI
MATA WANG DI LEMBAGA MATAWANG BRUNEI, SIMPANG 295,
JALAN KEBANGSAAN LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN BS 9710 NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "PENYEDIAAN GALERI MATA WANG DI BANGUNAN LEMBAGA MATAWANG BRUNEI, JALAN KEBANGSAAN LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN BS 9710 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehah diperolehi dari :- Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Bangunan Lembaga Matawang Brunei, Simpang 295, Jalan Kebangsaan Lama, BS 9710, Negara Brunei Darussalam. Setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 dibuat di Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Lembaga Matawang Brunei, Simpang 295, Jalan Kebangsaan Lama, BS 9710, Negara Brunei Darussalam.
- Pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja.
- Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada **1 Januari 2003**.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul hendaklah ditulis tawaran seperti berikut : - "Penyediaan Galeri Matawang di Bangunan Lembaga Matawang Brunei, Jalan Kebangsaan Lama, Bandar Seri Begawan BS 9710 Negara Brunei Darussalam" tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah dan ditujukan dan ditandakan seperti berikut : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan 1003, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Isnin, 6 Januari 2003** jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN



PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI KEMAJUAN KOPERASI [BILANGAN KOD: 134 21 916] [DI BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA), KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA] TANGGAGAJI: B3 \$ 3,880 - \$ 4,240 Sebulan.

ATAU

B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 Sebulan.

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B3:

- b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perakaunan atau perniagaan atau ekonomi atau bidang yang bersesuaian dengannya.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B2 EB 3 sekurang-kurangnya 5 tahun, ATAU Tidak mempunyai kelulusan di para b(i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B2 sekurang-kurangnya 8 tahun dalam bidang yang berkaitan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:

- b) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang pengurusan koperasi atau kelulusan yang sebanding dengannya serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU

ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab mengawasi dan menyusun jadual kerja-kerja penyediaan koperasi-koperasi seluruh negara.
- Melaksanakan fungsi Bahagian yang berkenaan.
- Merangka dan mengawasi projek-projek berkenaan.
- Bertanggungjawab dalam pengembangan industri dan kemajuan usahawan.
- Memberikan khidmat sokongan kepada pengusaha perindustrian.
- Pengumpulan/pengalisan maklumat industri pembuatan dan penyediaan garis panduan yang sesuai.

2. JURUUKUR BAHAN [BILANGAN KOD: 057 03 320] [DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PENBANGUNAN]

TANGGAGAJI: B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

ATAU

B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Ukur Bahan. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

3. KETUA JURULATIH KESENIAN [BILANGAN KOD: 106 17 218] [DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]

TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

ATAU

B2 \$ 2,270 - \$ 3,760 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2 EB 3:

- a) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:

- a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang sebanding dengannya serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Ketua Pegawai Kebudayaan dalam banyak hal seperti pengurusan perhubungan, kewangan dan perancangan.
- Membantu Ketua Pegawai Kebudayaan secara khusus dalam bidang Kajian, Penyelidikan Akademik dan Pendokumentasian.
- Membantu Ketua Pegawai Kebudayaan merancang hal penerbitan.
- Merancang dan membuat penilaian secara khusus dalam bidang memperluas tenaga kerja.
- Meneliti dan menyemak sebarang projek dan pengendalian aktiviti kebudayaan sama ada untuk keperluan domestik atau luar negeri.
- Membuat penilaian secara terhadap budaya masyarakat melalui kajian, penulisan dan media yang lain.

4. ARKITEK [BILANGAN KOD: 057 02 112]

[DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PENBANGUNAN]

TANGGAGAJI: B2 EB 3 \$ 2,270 - \$ 4,240 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Arkitek. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perancangan, pelaksanaan dan penyelesaian-penyelesaian ke atas rancangan perumahan awam di negara-negara tropika adalah merupakan satu kelebihan.

5. PEGAWAI SAINTIFIK [BILANGAN KOD: 113 06 715]

[DI JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI: M13-14 EB 15 \$ 2,300 - \$ 4,220 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

- b) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan ujian diagnostik melalui pemeriksaan makmal dan apa-apa saja tugas yang diarahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Ketua Pegawai Saintifik.
- Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian makmal dengan mengawasi pengalisan mutu kajian makmal yang dikendalikan.
- Bertanggungjawab membantu memperbaharui atau memperbaiki atau memperkenalkan kajian makmal yang tertentu.
- Bertanggungjawab membantu mengendalikan atau memberi latihan atau mengadakan seminar/kursus ulang kali bagi kakitangan makmal, Jururawat, Merinyu Kesihatan serta penuntut-penuntut yang sedang menjalani latihan penempatan di bahagian makmal-makmal berkenaan.
- Bertugas 'On-Call' atau panggilan kecemasan di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan awam, menurut jadual yang ditetapkan oleh bahagian makmal.
- Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana makmal hospital daerah atau klinik kesihatan.

6. KERANI PERAKAUNAN TINGKAT I [BILANGAN KOD: 080 33 123]

[DI JABATAN PENJAJA, KEMENTERIAN HAL EHWAL]

DALAM NEGERI]

TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang perakaunan/kewangan/perdagangan/perbankan.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU

- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Kerani Tingkatan II atau Kerani Perakaunan Tingkatan II atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam bidang perakaunan atau juruan-jurusan yang sebanding sekurang-kurangnya 5 tahun.

- b) Berpengalaman dalam majlis penyata-penyata kewangan dan berpengetahuan dalam peraturan kewangan dan perakaunan kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Pengurusan dan Pentadbiran bagi kecekapan dan keberkesanan Bahagian Pentadbiran, Personnel dan Kewangan.
- Menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang tidak diserahkan kepada Kerani Tingkatan II yang meliputi undang-undang dan peraturan-peraturan Am Kerajaan.
- Menguruskan lain-lain pembayaran yang berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan dan seterusnya meneliti/memantau pembukuan 'Vote Book' supaya sentiasa kemaskini dan teratur.
- Mengawasi penerimaan Kutipan Hasil memastikan semua penerimaan wang tunai mengikut Peraturan Kewangan sentiasa kemaskini dan teratur.
- Mengawasi Penyusunan 'File' Bahagian Pentadbiran, Personnel dan Kewangan.
- Memastikan dan memantau semua pesanan dari bahagian-bahagian dan membawanya ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Sebutarga.
- Penyediaan laporan perbelanjaan dan penyaliran perbelanjaan kepada Pengarah Penjaja.
- Bertanggungjawab terhadap kawalan mutu kerja, disiplin, kesejahteraan pegawai/kakitangan bawahan di samping menunjuk ajar dasar dan peraturan Pentadbiran dan Kewangan serta yang berkaitan.

7. KETUA PEMBANTU TEKNIK [BILANGAN KOD: 057 03 991]

[DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PENBANGUNAN]

TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 \$ 1,990 - \$ 2,970 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Tertinggi Kebangsaan [HND] dalam bidang kejuruteraan awam/bangunan/mekanikal/elektrikal/ukur bahan atau arkitek.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU

- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Kanan atau Tukang Pelan Kanan sekurang-kurangnya 3 tahun.

8. PENOLONG PENYELIA RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH

[BILANGAN KOD: 114 31 135]

[DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN]

TANGGAGAJI: G5 \$ 1,485 - \$ 2,155 SEBULAN.

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

